


**RAHSIA**



# LAPORAN

## SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA

BAGI MENGAJAI PENGENDALIAN PERKARA BERKAITAN DENGAN  
**KES KEDAULATAN BATU PUTEH,  
BATUAN TENGAH DAN TUBIR SELATAN**



**RAHSIA**





**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
SULTAN IBRAHIM**



**RAHSIA**

**LAPORAN SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA BAGI  
MENGKAJI PENGENDALIAN PERKARA BERKAITAN  
DENGAN KES KEDAULATAN BATU PUTEH, BATUAN  
TENGAH DAN TUBIR SELATAN**

**DIPERSEMBAHKAN KEPADA  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
SULTAN IBRAHIM**

**Pada**

**12 OGOS 2024**

**Oleh**

**PESURUHJAYA-PESURUHJAYA**

**Tun Md Raus bin Sharif (Pengerusi)**

**Tan Sri Datuk Zainun binti Ali**

**Datuk Dr. Baljit Singh Sidhu**

**Dato' Dr. Haji Johan Shamsuddin bin Dato' Haji Sabaruddin**

**Datin Prof. Dr. Faridah binti Jalil**

**YB Dato' Haji Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd Kadir**

**Tuan Haji Dickson bin Dollah**

**RAHSIA**



## PESURUHJAYA-PESURUHJAYA DAN SETIAUSAHA



Duduk Dari Kiri: Tan Sri Datuk Zainun binti Ali, Tun Md Raus bin Sharif, Datuk Dr. Baljit Singh Sidhu

Berdiri Dari Kiri: Tuan Zamri bin Misman, Datin Prof. Dr. Faridah binti Jalil, YB Dato' Haji Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd Kadir, Dato' Dr. Haji Johan Shamsuddin bin Dato' Haji Sabaruddin, Tuan Haji Dickson bin Dollah





**PESURUHJAYA-PESURUHJAYA, SETIAUSAHA,  
PEGAWAI-PEGAWAI PENGENDALI,  
PENOLONG-PENOLONG PEGAWAI PENGENDALI DAN SEKRETARIAT**



Duduk Dari Kiri: Datin Prof. Dr. Faridah binti Jalil, YB Dato' Haji Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd Kadir, Tan Sri Datuk Zainun binti Ali, Tun Md Raus bin Sharif, Datuk Dr. Baljit Singh Sidhu, Tuan Haji Dickson bin Dollah, Dato' Dr. Haji Johan Shamsuddin bin Dato' Haji Sabaruddin

Berdiri Dari Kiri: Pn. Noor Rozana binti Ashari, YM Putri Nur Aslina binti Tengku Khariman C.A.(M), En. Yazid Mustaqim bin Roslan, Datuk Nazran bin Mohd Sham, Dato' Yusaini Amer bin Abdul Karim, Tuan Zamri bin Misman, En. Mohd Ashrof Adrin bin Kamarul, En. Mohd Zulfadhli bin Sazalye Donol, Pn. Wan Nur Syahirah binti Wan Ahmad Azam, Pn. Seri Suwarni binti Nasir



## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	xiii
<b>SENARAI DEFINISI DAN SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB SATU</b>	
Pendahuluan	3
Skop	5
Pesuruhjaya	6
Tempoh Kuat Kuasa	8
Prosiding	8
Lokasi Prosiding	8
Kerahsiaan	9
Sekretariat	9
Tatacara Pengendalian Piawai	9
Pendekatan dan Metodologi Siasatan	10
Pengumpulan Rekod dan Dokumen	10
Taklimat daripada Agensi Berkaitan	11
Lawatan	12
Akuan Berkanun Saksi	12
Prosiding Suruhanjaya	19
Mesyuarat Suruhanjaya	21
Kuorum	21
<b>BAB DUA</b>	
<b>Pengenalan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan</b>	<b>25</b>
Batu Puteh ( <i>Pedra Branca</i> )	25
Batuan Tengah ( <i>Middle Rock</i> )	27
Tubir Selatan ( <i>South Ledge</i> )	29
Kedudukan Geografi	31
Kronologi Pertikaian Antara Malaysia dan Singapura	31
Bantahan Singapura Terhadap Peta 1979	38
Perjanjian Khas ( <i>Special Agreement</i> )	39

Pendaftaran Kes	40
Pendengaran Kes	40
Hakim-Hakim ICJ	41
Keputusan ICJ	44
Keputusan Mengenai Batu Puteh	44
Penghakiman Majoriti	45
Surat-Menyurat Pada Tahun 1953	47
Penghakiman Minoriti	49
Keputusan Mengenai Batuan Tengah	51
Keputusan Mengenai Tubir Selatan	52
Kesimpulan	52
Penubuhan <i>Malaysia-Singapore Joint Technical Committee</i>	53
Permohonan Semakan	56
Lantikan Pegawai Penyelidik	58
Keputusan Jemaah Menteri	59
Tiga (3) Fakta [Dokumen Baharu]	59
Permohonan Tafsiran ( <i>Request for Interpretation</i> )	61
Malaysia Tidak Meneruskan Kedua-dua Permohonan	62
Penubuhan Pasukan Petugas Khas (PPK)	69
Terma Rujukan PPK	70
Keahlian PPK	72
Laporan PPK	74
Cabaran dan Halangan PPK	77

## BAB TIGA

<b>PENEMUAN DAN CADANGAN</b>	<b>81</b>
Pendahuluan	81
Permohonan Semakan Batu Puteh	82
Malaysia Tidak Meneruskan Permohonan Semakan	83
Permohonan Tafsiran	84
Malaysia Tidak Meneruskan Permohonan Tafsiran	85
Kronologi Tindakan Tidak Meneruskan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran	86



Tatacara Pelaksanaan Tugas oleh Penjawat Awam	173
(a) Isu teritorialiti	173
(b) Kepincangan komunikasi	176
(c) Kurang rasa tanggungjawab dan akauntabiliti	178
Penubuhan Pasukan Petugas Khas	181
Kumpulan Pemikir ( <i>Think Tank</i> )	183
[REDACTED]	186
[REDACTED]	186
[REDACTED]	188
[REDACTED]	190

**BAB EMPAT**

**RUMUSAN**

**195**

Pendahuluan

195

Syor-Syor Suruhanjaya

197

[REDACTED]

198

[REDACTED]

199

Pentadbiran

204

Isu Undang-Undang

207

[REDACTED]

208

Penutup

208

**SENARAI EKSHIBIT**

**(EKSHIBIT DIKLASIFIKASIKAN RAHSIA)**

**211**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan (Suruhanjaya) telah dapat menyiapkan laporan hasil siasatan.

Laporan ini mengandungi penemuan siasatan dan syor-syor untuk dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan seterusnya untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

Bagi pihak Pesuruhjaya-Pesuruhjaya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam menyiapkan laporan ini. Terutamanya Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan termasuk saksi-saksi yang telah memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya sehingga membolehkan Suruhanjaya menyempurnakan siasatan lebih awal dari tempoh enam (6) bulan seperti yang telah ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga saya rakamkan kepada Tuan Zamri bin Misman, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan pasukan Sekretariat BHEUU. Mereka dengan penuh dedikasi telah memastikan prosiding Suruhanjaya berjalan dengan lancar dari aspek pengurusan logistik dan penyediaan laporan. Terima kasih juga kepada BHEUU kerana telah menyediakan Bilik Mesyuarat Perdana sebagai lokasi prosiding dan Mesyuarat Suruhanjaya.

Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Peguam Negara atas kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan tanggungjawab Suruhanjaya dapat dilaksanakan secara berkesan. Penghargaan khususnya ditujukan kepada Pegawai-Pegawai Pengendali iaitu Dato' Yusaini Amer bin Abdul Karim dan Datuk Nazran bin Mohd Sham serta Penolong-Penolong Pegawai Pengendali iaitu Encik Mohd Ashrof Adrin bin Kamarul, Encik Mohd Zulfadhli bin Sazalye Donol dan Encik Yazid Mustaqim bin Roslan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada tiga (3) orang Pembantu Penyelidik yang membantu memberi input tambahan kepada Suruhanjaya.

Akhirnya, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya iaitu Tan Sri Datuk Zainun binti Ali, Datuk Dr. Baljit Singh Sidhu, Dato' Haji Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd Kadir, Dato' Dr. Haji Johan Shamsuddin bin Dato' Haji Sabaruddin, Datin Prof. Dr. Faridah binti Jalil dan Tuan Haji Dickson bin Dollah atas komitmen, sumbangan ilmu dan kepakaran serta profesionalisme yang dicurahkan di sepanjang siasatan dan penyediaan laporan ini. Dengan kerjasama Pesuruhjaya-Pesuruhjaya dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, laporan ini telah berjaya dihasilkan dengan sempurna.



**TUN MD RAUS BIN SHARIF**  
**Pengerusi**  
**Suruhanjaya Siasatan Diraja**

**31 Julai 2024**



## SENARAI DEFINISI DAN SINGKATAN

Dalam Laporan ini melainkan jika konteksnya menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah merujuk kepada atau mempunyai makna berikut:

ABMB	:	Abu Bakar Maritime Base
ABS	:	Akuan Berkanun Saksi
AGC	:	Jabatan Peguam Negara
Akta 119	:	Akta Suruhanjaya Siasatan 1950
Akta 88	:	Akta Rahsia Rasmi 1972
Akta 783	:	Akta Akuan Berkanun 1960
APMM	:	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
AtoN	:	Aids to Navigation
BHEUU	:	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri
CBD	:	Committee for Boundary Delimitation
EEZ	:	Zon Ekonomi Eksklusif
EIA	:	Environmental Impact Assessment
EIC	:	British East India Company
ICJ	:	Mahkamah Keadilan Antarabangsa
JUPEM	:	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
KLN	:	Kementerian Luar Negeri

LTE	:	Low Tide Elevation
MIMA	:	Institut Maritim Malaysia
MSJTC	:	Malaysia-Singapore Joint Technical Committee
PAPA 1948	:	Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
PPK	:	Pasukan Petugas Khas
SOP	:	Tatacara Pengendalian Piawai
Suruhanjaya	:	Suruhanjaya Siasatan Diraja Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan
TULB	:	Tompok Utara Light Beacon
UNCLOS	:	United Nations Convention on the Law of the Sea

TERBUKA

**RAHSIA**



**BAB SATU**

TERBUKA

**RAHSIA**



## BAB SATU

LATAR BELAKANG PENUBUHAN  
SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA

## Pendahuluan

- 1.1 Mesyuarat Jemaah Menteri yang telah diadakan pada 8 Oktober 2021 telah bersetuju supaya sebuah Pasukan Petugas Khas (PPK) ditubuhkan bagi menyemak semula undang-undang berkenaan kes *Sovereignty Over Pedra Branca/Batu Puteh, Middle Rock/Batuan Tengah and South Ledge/Tubir Selatan* (Malaysia-Singapore) yang telah diputuskan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008 dan mengesyorkan opsi-opsyen terbaik mengenai hala tuju Kerajaan berhubung kes berkenaan.
- 1.2 Berikutan dengan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 telah memuktamadkan penubuhan PPK dan memutuskan supaya PPK diketuai oleh Mantan Peguam Negara Malaysia, Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali (Tan Sri Apandi).
- 1.3 Pada 30 Ogos 2022, PPK telah menyiapkan dan memperakukan satu Laporan kepada Kerajaan bertajuk:

**“Laporan Pasukan Petugas Khas Semakan Undang-Undang Kes  
Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan”**

- 1.4 PPK dalam laporannya telah memperincikan cabaran dan halangan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan seperti yang berikut:
- (i) kesukaran memperolehi dokumentasi terperingkat dalam simpanan Kementerian/Jabatan;
  - (ii) Kementerian/Jabatan berkepentingan kurang memberi input dan pandangan;
  - (iii) karenah birokrasi melibatkan prosedur kerja permohonan peruntukan kewangan;
  - (iv) aspek kerahsiaan dokumen dalam simpanan Kementerian/Jabatan;
  - (v) perintah perlindungan akses terhadap dokumentasi; dan
  - (vi) tidak mempunyai kuasa untuk memanggil saksi dan mendapatkan dokumen seperti Suruhanjaya Siasatan Diraja.
- 1.5 Laporan PPK tidak dicapai dengan sebulat suara. Tiga (3) orang ahli PPK telah menandatangani Laporan tersebut dengan bersyarat (*with reservation*).
- 1.6 Berikutan dengan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Januari 2024 telah bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (Suruhanjaya) mengikut Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119] bagi melaksanakan kajian lanjut yang terperinci berkenaan mana-mana fakta dan penemuan dalam Laporan PPK bertarikh 30 Ogos 2022 serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

- 1.7 Penubuhan Suruhanjaya telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim pada 14 Februari 2024.

### **Skop**

- 1.8 Skop siasatan Suruhanjaya telah ditetapkan meliputi perkara-perkara seperti yang dinyatakan dalam Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B) 169 bertarikh 6 Mei 2024 iaitu:
- (a) untuk mengesahkan, mengakaskan atau mengubah, jika difikirkan patut olehnya mana-mana fakta atau penemuan yang telah direkodkan oleh PPK dalam laporannya, antara lain, melalui penemuan keterangan lanjut yang berkaitan dengan mengambil kira cabaran yang telah dihadapi oleh PPK serta menyediakan hasil penemuan;
  - (b) untuk menyemak, mengkaji dan menyediakan pandangan jika mana-mana pihak yang berkaitan telah melanggar apa-apa undang-undang, norma kerja atau pekeliling pentadbiran dalam pelaksanaan tanggungjawab;
  - (c) untuk menilai, mengenal pasti dan mencadangkan syor berhubung dengan tindakan perundangan dan bukan perundangan yang boleh diambil:
    - (i) terhadap mana-mana pihak yang berkaitan dalam pengendalian tuntutan;
    - (ii) untuk meningkatkan proses kerja berhubung dengan proses atau perkara yang berhubung dengan tuntutan;dan

- (iii) untuk melindungi Batuan Tengah dan Tubir Selatan serta laut wilayah di sekitar Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan; dan
- (d) untuk menyediakan laporan akhir yang mengandungi hasil kajian, analisis dan syor yang berkaitan untuk dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan seterusnya kepada Jemaah Menteri untuk tindakan lanjut.

### **Pesuruhjaya**

1.9 Selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 2(1)(d) dan seksyen 3(1) Akta 119, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim pada 14 Februari 2024 telah melantik dan mentauliahkan tujuh (7) orang Pesuruhjaya seperti yang berikut:

- (i) Tun Md Raus bin Sharif – Pengerusi  
(Mantan Ketua Hakim Negara);
- (ii) Tan Sri Datuk Zainun binti Ali – Timbalan  
(Mantan Hakim Mahkamah Persekutuan); Pengerusi
- (iii) Datuk Dr. Baljit Singh Sidhu – Ahli  
(Pengamal Undang-Undang);



- (iv) Dato' Dr. Haji Johan Shamsuddin bin Dato' Haji Sabaruddin – Ahli  
(Mantan Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya);
- (v) Datin Prof. Dr. Faridah binti Jalil – Ahli  
(Pakar Undang-Undang Perlembagaan dan Undang-Undang Pentadbiran, Universiti Kebangsaan Malaysia);
- (vi) YB Dato' Haji Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd Kadir – Ahli  
(Pegawai Kewangan Negeri Johor); dan
- (vii) Tuan Haji Dickson bin Dollah – Ahli  
(Pengarah Laut Wilayah Selatan, Jabatan Laut Malaysia)

1.10 Berdasarkan kepada seksyen 7 Akta 119, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim juga telah melantik Encik Zamri bin Misman, Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) sebagai Setiausaha Suruhanjaya.

1.11 Pada 14 Februari 2024, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim turut melantik Pegawai Undang-Undang daripada Jabatan Peguam Negara iaitu Dato' Yusaini Amer bin Abdul Karim dan Datuk Nazran bin Mohd Sham sebagai Pegawai Pengendali manakala Encik Mohd Ashrof Adrin bin Kamarul, Encik Mohd Zulfadhli bin Sazalye

Donol dan Encik Yazid Mustaqim bin Roslan dilantik sebagai Penolong Pegawai Pengendali Suruhanjaya. Pelantikan tersebut adalah berdasarkan seksyen 3(1)(d) Akta 119.

### **Tempoh Kuat Kuasa**

- 1.12 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim telah menetapkan tempoh kuat kuasa pelantikan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya, Setiausaha, Pegawai-Pegawai Pengendali dan Penolong-Penolong Pegawai Pengendali pada 14 Februari 2024 hingga 13 Ogos 2024. Walau bagaimanapun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim boleh melanjutkan tempoh pelantikan tersebut, jika perlu, menurut seksyen 5 Akta 119.

### **Prosiding**

- 1.13 Perjalanan prosiding siasatan Suruhanjaya dikehendaki dijalankan secara tertutup seperti yang dinyatakan dalam Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B) 169 bertarikh 6 Mei 2024.

### **Lokasi Prosiding**

- 1.14 Suruhanjaya telah menetapkan prosiding Suruhanjaya dijalankan di Bilik Mesyuarat Perdana, BHEUU, Aras 10, Presint 3, Putrajaya.

## **Kerahsiaan**

- 1.15 Semua peringkat prosiding adalah rahsia dan tertakluk di bawah Akta 119 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].
- 1.16 Pesuruhjaya-Pesuruhjaya, Setiausaha, Pegawai-Pegawai Pengendali, Penolong-Penolong Pegawai Pengendali, Pegawai-Pegawai Sekretariat dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam Suruhanjaya ini dikehendaki dan telah pun menandatangani borang perakuan menyimpan rahsia di bawah Akta 88.
- 1.17 Dalam menjalankan siasatan, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya, Setiausaha, Pegawai-Pegawai Pengendali, Penolong-Penolong Pegawai Pengendali dan Pegawai-Pegawai Sekretariat yang terlibat tidak dibenarkan mendedah, menyebarkan, mengedarkan atau bercakap mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan siasatan kepada mana-mana pihak yang tidak berkenaan, termasuk membuat kenyataan akhbar, kecuali dibenarkan oleh Pengerusi Suruhanjaya.

## **Sekretariat**

- 1.18 Sekretariat bagi Suruhanjaya adalah BHEUU, Jabatan Perdana Menteri.

## **Tatacara Pengendalian Piawai**

- 1.19 Bagi memastikan gerak kerja Suruhanjaya berjalan dengan lancar dan teratur, suatu Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) yang

dikenali sebagai Tatacara Pengendalian Piawai Suruhanjaya Siasatan Diraja Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan telah disediakan sebagai rujukan. SOP tersebut mengandungi SOP pra-prosiding, semasa prosiding dan pasca prosiding. Antara kandungan SOP tersebut adalah berkaitan dengan pengurusan pelantikan, mesyuarat, pengendalian saksi, bahan bukti, perjalanan prosiding siasatan, rakaman prosiding, logistik, peruntukan kewangan dan lain-lain perkara yang berkaitan.

(SOP ditanda sebagai Ekshibit dalam Jilid 7)

### **Pendekatan dan Metodologi Siasatan**

- 1.20 Dalam menjalankan siasatan ini, Suruhanjaya telah menggunakan empat (4) pendekatan dan metodologi bagi mencapai objektif penubuhannya untuk memastikan siasatan Suruhanjaya mencakupi semua skop seperti yang telah ditetapkan.

### **Pengumpulan Rekod dan Dokumen**

- 1.21 Bagi mendapatkan maklumat, Suruhanjaya telah mengumpulkan rekod-rekod dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan skop siasatan daripada agensi-agensi Kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan. Dokumen-dokumen yang relevan dikemukakan dan dirujuk dalam siasatan ini ditanda sebagai ekshibit dan menjadi sebahagian daripada laporan Suruhanjaya.

## Taklimat Daripada Agensi Berkaitan

1.22 Bagi mendapatkan penjelasan mengenai rekod-rekod dan dokumen-dokumen yang telah diperolehi, Suruhanjaya telah memanggil beberapa orang wakil Kementerian/Jabatan/Agensi untuk memberikan taklimat kepada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya. Senarai Kementerian/Jabatan/Agensi dan tarikh taklimat adalah seperti yang berikut:

<u>Agensi</u>	<u>Tarikh</u>
(i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor;	– 6 Mac 2024
(ii) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;	– 7 Mac 2024
(iii) Jabatan Peguam Negara;	– 11 Mac 2024
(iv) Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan;	– 11 Mac 2024
(v) Kementerian Luar Negeri;	– 14 Mac 2024
(vi) Majlis Keselamatan Negara;	– 14 Mac 2024
(vii) Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia;	– 18 Mac 2024
(viii) Pusat Hidrografi Nasional;	– 18 Mac 2024
(ix) Pejabat Tanah dan Galian Johor;	– 25 Mac 2024
(x) Pejabat Daerah Pontian;	– 25 Mac 2024
(xi) Majlis Perbandaran Pontian;	– 25 Mac 2024
(xii) Majlis Agama Islam Negeri Johor;	– 25 Mac 2024
(xiii) Jabatan Pengairan dan Saliran;	– 25 Mac 2024
(xiv) Jabatan Perikanan Malaysia; dan	– 25 Mac 2024
(xv) Jabatan Alam Sekitar Malaysia.	– 25 Mac 2024

(Dokumen-dokumen daripada Kementerian/Jabatan/Agensi ditanda sebagai Ekshibit dalam Jilid 8)

### **Lawatan**

1.23 Pada 7 Mac 2024, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya telah membuat lawatan ke *Abu Bakar Maritime Base* (ABMB) yang dibina di Batuan Tengah. Di sana, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya telah mendengar taklimat yang disampaikan oleh Kepten Maritim Kama Azri bin Kamil, Timbalan Pengarah Operasi Maritim Negeri Johor.

### **Akuan Berkanun Saksi**

1.24 Suruhanjaya telah mengenal pasti seramai empat puluh dua (42) orang saksi yang boleh membantu siasatan. Pegawai-Pegawai Pengendali dan Penolong-Penolong Pegawai Pengendali dengan panduan Suruhanjaya telah mengambil keterangan saksi-saksi tersebut melalui penyediaan Akuan Berkanun Saksi di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 783] yang ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah. Mereka yang telah memberikan Akuan Berkanun Saksi adalah seperti yang berikut:

#### **Jabatan Perdana Menteri**

- (i) Tun Dr. Mahathir bin Mohamad  
(Mantan Perdana Menteri Malaysia);
- (ii) Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak  
(Mantan Perdana Menteri Malaysia);

- (iii) Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md Yasin  
(Mantan Perdana Menteri Malaysia dan Mantan Menteri Dalam Negeri);
- (iv) YB Gobind Singh Deo a/l Karpal Singh  
(Menteri Digital dan Mantan Menteri Komunikasi dan Multimedia);
- (v) YB M. Kula Segaran a/l V. Murugeson  
(Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) dan Mantan Menteri Sumber Manusia);
- (vi) Tan Sri Badariah binti Arshad  
(Setiausaha Sulit Kanan, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad);
- (vii) Encik Sufi Yusni bin Md Yusoff  
(Setiausaha Akhbar, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad);
- (viii) Tan Sri Mazidah binti Abdul Majid  
(Mantan Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri);
- (ix) Datuk Dr. Farizah binti Ahmad  
(Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian Kabinet, (Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan), Jabatan Perdana Menteri); dan

- (x) Dr. Punitha Silivarajoo  
(Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Mantan Pengarah Seksyen Dasar dan Penyelidikan, BHEUU, Jabatan Perdana Menteri).

### **Jabatan Peguam Negara**

- (i) Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh  
(Peguam Negara Malaysia);
- (ii) Tan Sri Datuk Seri Panglima Abdul Gani bin Patail  
(Mantan Peguam Negara Malaysia);
- (iii) Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali  
(Mantan Peguam Negara Malaysia);
- (iv) YM Datuk Engku Nor Faizah binti Engku Atek  
(Mantan Peguam Cara Negara, Jabatan Peguam Negara);
- (v) Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan  
(Mantan Peguam Cara Negara II, Jabatan Peguam Negara);
- (vi) Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin  
(Penasihat Undang-Undang Negeri Perak dan Mantan Timbalan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa II, Jabatan Peguam Negara);
- (vii) Datuk Azian binti Mohd Aziz  
(Mantan Ketua Bahagian Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara);



- (viii) Dato' Umar Saifuddin bin Jaafar  
(Ketua Bahagian Penyelidikan, Jabatan Peguam Negara dan Mantan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara);
- (ix) Tuan Alfian bin Yang Amri  
(Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara dan Mantan Ketua Seksyen Perkara Persempadanan, Wilayah dan Maritim, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara);
- (x) Dr. Suraya binti Harun  
(Timbalan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa II dan Peguam Kanan Persekutuan, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara);
- (xi) Dato' Mohd Radzi bin Harun  
(Hakim Mahkamah Tinggi dan Mantan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara);
- (xii) Puan Hafizah binti Hamdzah  
(Pegawai Penyelidik yang dihantar ke United Kingdom dan Peguam Persekutuan, Jabatan Peguam Negara);
- (xiii) Puan Norliyana binti Abdul Manaf  
(Pegawai Penyelidik yang dihantar ke United Kingdom dan Peguam Persekutuan, Jabatan Peguam Negara);  
dan

- (xiv) Encik Mohd Shahrysham bin Kamran  
(Pegawai Penyelidik yang dihantar ke United Kingdom dan Mantan Peguam Persekutuan, Jabatan Peguam Negara).

### **Kementerian Luar Negeri**

- (i) Dato' Seri Ramlan bin Ibrahim  
(Mantan Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri);
- (ii) YM Raja Dato' Nushirwan bin Zainal Abidin  
(Ketua Pengarah Keselamatan Negara dan Mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Hubungan Dua Hala), Kementerian Luar Negeri);
- (iii) Dato' Dr. Azfar bin Mohamad Mustafar  
(Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura dan Mantan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Maritim, Kementerian Luar Negeri);
- (iv) Datin Paduka Dr. Adina binti Kamarudin  
(Duta Besar, Kedutaan Besar Malaysia, Berlin, Jerman dan Mantan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Maritim, Kementerian Luar Negeri);
- (v) Datuk Eldeen Husaini bin Mohd Hashim  
(Duta Besar Malaysia di Paris, Perancis dan Mantan Setiausaha Bahagian, Bahagian Bilateral Asia Tenggara, Kementerian Luar Negeri);

- (vi) Dato' Ahmad Nazri bin Yusof  
(Mantan Duta Besar Malaysia ke The Hague, Belanda);  
dan
- (vii) Tuan Shahrudin bin Onn  
(Duta Besar Malaysia di Phnom Penh, Cambodia dan  
Mantan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal  
Maritim, Kementerian Luar Negeri).

### **Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor**

- (i) Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani  
(Setiausaha Kerajaan Johor);
- (ii) Dato' Haji Obet bin Tawil  
(Mantan Setiausaha Kerajaan Johor);
- (iii) Dato' Haji Ismail bin Karim  
(Mantan Setiausaha Kerajaan Johor);
- (iv) Dato' Ishak bin Sahari  
(Mantan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor);
- (v) Dato' Dr. Badrul Hisham bin Kassim  
(Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah  
Pembangunan Iskandar (IRDA) dan Mantan Timbalan  
Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan));
- (vi) Dato' Ashari bin Kasnan  
(Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan));  
dan

- (vii) Dr. Amirul Haffiz bin Ariff  
(Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Mantan Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan), Pejabat Tanah dan Galian Johor).

### **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia**

- (i) Tuan Sr. Hamdan bin Ab. Aziz  
(Mantan Ketua Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia).

### **Lain-Lain Saksi**

- (i) Dato' Firoz Hussein bin Ahmad Jamaluddin  
(Pengamal Undang-Undang yang dilantik sebagai perunding oleh Kerajaan Malaysia);
- (ii) Dato' Abu Bakar As-Sidek bin Dato' Haji Mohd Sidek  
(Pengamal Undang-Undang yang dilantik sebagai perunding oleh Kerajaan Malaysia); dan
- (iii) Dr. Brendan Plant  
(Pengamal Undang-Undang Antarabangsa yang dilantik sebagai perunding oleh Kerajaan Malaysia).

(Akuan Berkanun Saksi (ABS), Nota Keterangan Saksi (NKS) dan Transkripsi Temu Bual bagi penama-penama di atas ditanda sebagai Ekshibit dalam Jilid 1 hingga 6)

## Prosiding Suruhanjaya

1.25 Berdasarkan ABS di atas, Suruhanjaya telah memanggil seramai tiga belas (13) orang saksi untuk memberi keterangan dalam prosiding yang diadakan secara tertutup di Bilik Mesyuarat Perdana, BHEUU, Jabatan Perdana Menteri Putrajaya. Prosiding tersebut telah dilaksanakan dengan kehadiran semua Pesuruhjaya, Setiausaha, Pegawai Pengendali dan Penolong Pegawai Pengendali. Saksi-saksi yang telah dipanggil untuk memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

<u>Nama Saksi</u>	<u>Tarikh</u>
(i) Datuk Azian binti Mohd Aziz (Mantan Ketua Bahagian Ehwat Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara);	– 21 Mei 2024
(ii) Dato' Dr. Azfar bin Mohamad Mustafar (Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura dan Mantan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwat Maritim, Kementerian Luar Negeri);	– 21 Mei 2024
(iii) Dato' Seri Ramlan bin Ibrahim (Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri);	– 21 Mei 2024
(iv) Dato' Firoz Hussein bin Ahmad Jamaluddin (Pengamal Undang-Undang yang dilantik sebagai perunding oleh Kerajaan Malaysia);	– 23 Mei 2024

	<u>Nama Saksi</u>	<u>Tarikh</u>
(v)	Dato' Ishak bin Sahari (Mantan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor);	– 23 Mei 2024
(vi)	Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali (Mantan Peguam Negara Malaysia);	– 23 Mei 2024
(vii)	Dato' Abu Bakar As-Sidek bin Dato' Haji Mohd Sidek (Pengamal Undang-Undang yang dilantik sebagai perunding oleh Kerajaan Malaysia);	– 29 Mei 2024
(viii)	YB Dato' Haji Obet bin Tawil (Mantan Setiausaha Kerajaan Johor);	– 29 Mei 2024
(ix)	Dato' Ashari bin Kasnan (Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan);	– 29 Mei 2024
(x)	YM Raja Dato' Nushirwan bin Zainal Abidin (Ketua Pengarah Keselamatan Negara dan Mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Hubungan Dua Hala), Kementerian Luar Negeri);	– 11 Jun 2024
(xi)	Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Mantan Perdana Menteri Malaysia);	– 12 Jun 2024

<u>Nama Saksi</u>	<u>Tarikh</u>
(xii) Dr. Suraya binti Harun (Timbalan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa II dan Peguam Kanan Persekutuan, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara); dan	– 12 Jun 2024
(xiii) YB. M. Kula Segaran a/l V. Murugeson (Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi) dan Mantan Menteri Sumber Manusia).	– 12 Julai 2024

(ABS berserta NKS penama-penama di atas yang dipanggil memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya ditanda sebagai Ekshibit dalam Jilid 5 dan 6)

### **Mesyuarat Suruhanjaya**

1.26 Sepanjang tempoh kuat kuasa pelantikan, Suruhanjaya telah mengadakan sebanyak tujuh (7) kali mesyuarat.

(Minit-minit mesyuarat ditanda sebagai Ekshibit dalam Jilid 7)

### **Kuorum**

1.27 Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B) 169 bertarikh 6 Mei 2024 menetapkan lima (5) orang Pesuruhjaya hendaklah membentuk kuorum.







# BAB DUA

TERBUKA



## BAB DUA

PENGENALAN BATU PUTEH, BATUAN TENGAH DAN  
TUBIR SELATAN**Batu Puteh (*Pedra Branca*)**

- 2.1 Batu Puteh merupakan batuan granit berukuran 137 meter panjang dengan purata 60 meter lebar meliputi kawasan lebih kurang 8,560 meter persegi ketika air surut. Batu Puteh terletak kira-kira 7.7 batu nautika dari Tanjung Penyusuh (*Romania Point*) di tenggara Semenanjung Malaysia dan 25.5 batu nautika dari Singapura. Batu Puteh berada di kedudukan garisan  $1^{\circ}19'48\text{N}$  dan  $104^{\circ}24'27\text{E}$  di mana Selat Singapura bertemu dengan Laut China Selatan.
- 2.2 Pelayar Portugis menamakan Batu Puteh sebagai *Pedra Branca* yang bermaksud “*white rock*” manakala pelayar China, Laksamana Cheng Ho menamakannya sebagai *Pia Chio* atau “*white island*”.
- 2.3 Sebuah rumah api yang dinamakan “*Horsburgh Lighthouse*” telah dibina di atas Batu Puteh. Pembinaan rumah api di Batu Puteh telah dimulakan pada tahun 1850. Ia telah siap dibina dan dirasmikan pada April 1851. Rumah api ini telah didirikan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris atau *British East India Company* (EIC). Setelah rumah api siap dibina, ia telah diuruskan oleh Kerajaan Negeri-Negeri Selat (*Straits Settlements*).
- 2.4 Rumah Api Horsburgh telah dibina bagi mengenang jasa James Horsburgh, seorang ahli hidrografi berbangsa Scottish yang telah


banyak memetakan perairan-perairan di sekitar Singapura pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19.

- 2.5 Dengan pemansuhan Kerajaan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1946, pengurusan Rumah Api Horsburgh telah diambil alih oleh Singapura. Sejak itu pelbagai pengubahsuaian telah dilakukan ke atas Batu Puteh oleh Singapura termasuk mendirikan bangunan tambahan menara telekomunikasi serta sebuah platform untuk pendaratan helikopter.



**Pandangan Batu Puteh dari udara  
(Sumber: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia)**

2.6 Sebagai ilustrasi, saiz Batu Puteh adalah lebih kurang sama saiz dengan sebuah padang bola sepak.



Ilustrasi saiz Batu Puteh dengan padang bola sepak

### Batuan Tengah (*Middle Rock*)

2.7 Batuan Tengah terletak di kedudukan 0.6 batu nautika ke selatan Batu Puteh yang merupakan dua (2) gugusan batuan maritim dengan jarak kira-kira 250 meter antara satu sama lain. Batuan Tengah berada di atas air secara kekal walaupun ketika air pasang.



**Batuan Tengah ketika air pasang sebelum didirikan ABMB  
(Sumber: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia)**

- 2.8 Setelah ICJ memutuskan bahawa kedaulatan Batu Tengahan adalah milik Malaysia pada 23 Mei 2008, Kerajaan telah mendirikan *Abu Bakar Maritime Base* (ABMB) di Batu Tengahan. Pembinaan ABMB bermula pada 6 April 2012 dan siap sepenuhnya pada 29 Ogos 2016. ABMB telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada 1 Ogos 2017. Di ABMB, terdapat kemudahan seperti tapak pendaratan helikopter, menara kawalan dan jeti.



**Batuan Tengah selepas didirikan ABMB  
(Sumber: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia)**

### **Tubir Selatan (*South Ledge*)**

- 2.9 Tubir Selatan adalah merupakan gabungan tiga (3) batuan kecil yang hanya kelihatan semasa air surut (*Low Tide Elevation - LTE*). Tubir Selatan terletak di barat daya Batu Puteh pada jarak 2.2 batu nautika dan 1.7 batu nautika dari Batuan Tengah. Kedudukan Tubir Selatan adalah lebih dekat dengan Batuan Tengah berbanding dengan Batu Puteh.



**Pandangan Tubir Selatan semasa air surut  
(Sumber: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia)**



## Kedudukan Geografi

2.10 Kedudukan geografi Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan boleh digambarkan melalui ilustrasi seperti di bawah:



**Ilustrasi Kedudukan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan  
(Sumber: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia)**

## Kronologi Pertikaian Antara Malaysia dan Singapura

2.11 Pertikaian antara Malaysia dan Singapura mengenai Batu Puteh tercetus apabila Malaysia menerbitkan satu peta baharu pada 21 Disember 1979 (Peta 1979) yang menunjukkan batas sempadan Pelantar Benua Malaysia. Penerbitan Peta 1979 tersebut adalah atas keputusan Jemaah Menteri.

2.12 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Julai 1976 semasa mempertimbangkan kertas daripada Menteri Undang-Undang Bil 342/1035/76 telah memutuskan supaya peta baharu bagi menentukan sempadan jajahan Malaysia hendaklah disediakan dengan segera dan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk mendapat persetujuan sebelum diterbitkan.

2.13 Pada 8 September 1976, Mesyuarat Jemaah Menteri sekali lagi telah membangkitkan isu mengenai pengeluaran Peta Malaysia yang perlu disegerakan. Keputusan Jemaah Menteri direkodkan seperti yang berikut:

“Jemaah Menteri mengambil ingatan bahawa Republik Rakyat Cina dan Filipina telah pun mengeluarkan peta-peta baharu mereka yang menunjukkan pulau dan kawasan perairan yang termasuk dalam jajahan mereka. Jemaah Menteri bersetuju persediaan peta baharu Malaysia disegerakan oleh Pengarah Pemetaan Malaysia”


2.14 Tiga (3) tahun kemudian, iaitu pada 21 Disember 1979, Peta Baharu Malaysia (Peta 1979) telah diterbitkan dan diwartakan melalui Warta Kerajaan Jilid 23 No.26 Tambahan No.1.

Skel Semulajadi 1:1,500,000 (Di Garis Lintang U. 5° 30')  
Natural Scale 1:1,500,000 (At Lat. N. 5° 30')

TIDAK SESUAI UNTUK PANDUARAH

# MALAYSIA

Rampalan 97  
Misc.  
Cetakan 1999M  
Edition  
**SYIT (SHEET) 1**



Ditakrifkan oleh Pengarah Pemetaan Negara, Malaysia 1979  
Published by the Director of National Mapping, Malaysia 1979


Rampalan 97  
Misc.  
Cetakan 1999M  
Edition  
**SYIT (SHEET) 1**

Peta 1979 (Syit 1)

Ditakrifkan oleh Pengarah Pemetaan Negara, Malaysia 1979  
Published by the Director of National Mapping, Malaysia 1979

Rampalan 97  
Misc.  
Cetakan 1999M  
Edition  
**SYIT (SHEET) 1**





Direktoran Jajh Pengarah Pemasaran Negara, Malaysia 1979  
Published by the Director of National Marketing Malaysia 1979

Projection - Mercator  
Sounding in Fathoms

Malaysia: Negara Tersebut  
Kawasan Perairan Persekutuan, Sabah, Sarawak dan Semenanjung  
The waters of the Federal Territory of Malacca, Sabah, Sarawak and Peninsular Malaysia  
Copyright © 1979  
No part of this map may be reproduced without the prior written permission of the Director of National Marketing Malaysia 1979


Direktoran Jajh Pengarah Pemasaran Negara, Malaysia 1979  
Printed by the Director of National Marketing Malaysia 1979

Ditak 1984

Peta 1979 (Syit 2)



2.15 Peta 1979 juga menunjukkan kedudukan perairan Malaysia – Singapura seperti di bawah:



**Kedudukan Perairan Malaysia – Singapura berdasarkan Peta 1979**

2.16 Berdasarkan peta di atas, titik 21 hingga 22 adalah merupakan had sempadan maritim di antara Malaysia dan Singapura yang dipersetujui menurut *Straits Settlements and Johore Territorial Waters Agreement* (19 Oktober 1927). Titik 15 hingga 21 dan 22 hingga 32 masih dalam pertikaian dan tiada had sempadan maritim yang jelas. Sepanjang titik ini, terdapat tiga (3) lokasi yang masih dalam proses perundingan antara Malaysia dan Singapura. Lokasi tersebut adalah:

- (i) sekitar Batu Puteh dan Batuan Tengah, sedang dirundingkan dalam *Malaysia-Singapore Joint Technical Committee* (MSJTC);
- (ii) sekitar Tanjung Piai dan Tuas, sedang dirundingkan dalam *Committee for Boundary Delimitation* (CBD); dan
- (iii) Changi Finger, yang masih belum ada platform untuk perundingan.

### **Bantahan Singapura Terhadap Peta 1979**

2.17 Pada 14 Februari 1980, Singapura telah menghantar Nota Bantahan kepada Malaysia mengenai Peta 1979 yang meletakkan Batu Puteh dalam kawasan perairan Malaysia. Bantahan Singapura antara lain berbunyi:

*“... The Government of the Republic of Singapore is gravely concerned at what is set out in the said map. This map purports to claim the island of Pedra Branca as belonging to Malaysia. The Government of the Republic of Singapore rejects this claim. ...*

*... The Government of the Republic of Singapore also notes with equally grave concern the unilateral manner in which the territorial waters and continental shelf boundary lines of Malaysia were drawn in respect of the areas at the eastern and western approaches to Singapore. The demarcation of the boundary lines at the western and eastern approach to Singapore intrudes into the port limits of Singapore....”*

2.18 Melalui Nota Bantahan tersebut, Singapura mempertikaikan Peta 1979 yang menunjukkan Batu Puteh adalah milik Malaysia. Dalam



pertemuan kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura pada bulan Mei 1980 dan pada Disember 1981, Malaysia telah menjelaskan kepada Singapura bahawa Batu Puteh adalah hak milik Kerajaan Johor sejak dahulu kala (*time immemorial*). Singapura tidak bersetuju dengan fakta tersebut.

2.19 Pada tahun 1989, Pesuruhjaya Tinggi Singapura di Malaysia telah mencadangkan supaya diadakan satu pertukaran rasmi dokumen-dokumen berkaitan Batu Puteh antara kedua negara. Beberapa perbincangan susulan juga telah diadakan. Dalam bulan Februari 1992, Singapura telah menyerahkan satu memorandum bertulis kepada Malaysia berkaitan tuntutan ke atas Batu Puteh. Pada 20 Jun 1992, Malaysia telah menyerahkan memorandum balas dengan menyertakan bersama salinan dokumen yang menyokong pendirian Malaysia berhubung haknya ke atas Batu Puteh. Pada akhir tahun 1993, Singapura telah menuntut milikan Batuan Tengah dan Tubir Selatan di mana Singapura mendakwa sesiapa yang memiliki Batu Puteh adalah juga memiliki Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Tuntutan tambahan Singapura merupakan penghalang kepada usaha bagi mencapai penyelesaian melalui rundingan dua hala kedua-dua negara.

### **Perjanjian Khas (*Special Agreement*)**

2.20 Apabila rundingan dua hala mengenai kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan menemui jalan buntu, Singapura pada tahun 1994 telah mencadangkan supaya pertikaian tersebut diadili oleh ICJ. Malaysia bersetuju dan menerima cadangan tersebut.

2.21 Pada 6 Februari 2003, Malaysia dan Singapura telah mencapai persetujuan untuk membawa kes ke ICJ. Untuk tujuan tersebut, kedua-dua negara telah menandatangani Perjanjian Khas di Putrajaya. Artikel 2 Perjanjian Khas menggariskan isu utama yang perlu diputuskan oleh ICJ seperti yang berikut:

*“The court is requested to determine whether sovereignty over*

*(i) Pedra Branca/Batu Puteh,*

*(ii) Middle Rocks; and*

*(iii) South Ledge*

*belongs to Malaysia or Republic of Singapore”*

2.22 Artikel 6 Perjanjian Khas pula memperuntukkan seperti yang berikut:

*“The Parties agree to accept the Judgment of the Court given pursuant to this Special Agreement as final and binding upon them.”*

(Perjanjian Khas ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 7)

### **Pendaftaran Kes**

2.23 Kes pertikaian antara Malaysia dan Singapura telah didaftarkan di ICJ sebagai *“Case Concerning Sovereignty Over Pedra Branca/Batu Puteh, Middle Rock and South Ledge”*.

### **Pendengaran Kes**

2.24 Setelah kertas-kertas prosiding sempurna difailkan oleh kedua-dua negara, ICJ telah menetapkan pendengaran hujahan lisan pada 6

hingga 23 November 2007. Pendengaran lisan telah dibahagikan kepada dua (2) sesi seperti yang berikut:

Sesi 1:	6 hingga 9 November 2007	- Hujahan oleh Singapura
	13 hingga 16 November 2007	- Hujahan oleh Malaysia
Sesi 2:	19 hingga 20 November 2007	- Hujahan oleh Singapura
	22 hingga 23 November 2007	- Hujahan oleh Malaysia

### Hakim - Hakim ICJ

2.25 ICJ dianggotai oleh lima belas (15) orang hakim seperti yang dinyatakan dalam Artikel 3(1) Statut ICJ. Mereka dipilih secara serentak namun berasingan oleh Perhimpunan Agung dan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Untuk dipilih, seseorang hakim perlu mendapat undi mutlak di kedua-dua badan tersebut dan memegang jawatan selama sembilan (9) tahun dan boleh dilantik semula. Dari sudut amalan, lima belas (15) jawatan hakim ICJ diperuntukkan berdasarkan kumpulan serantau Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Afrika – 3, Latin Amerika dan Caribbean – 2, Rantau Asia Pasifik – 3, Eropah Timur – 2, Eropah Barat dan Lain-Lain – 5.

2.26 Setiap tiga (3) tahun sekali, hakim-hakim dengan undian rahsia akan melantik Presiden dan Naib Presiden. Presiden ICJ pada masa itu ialah Hakim Dame Rosalyn C. Higgins dari United

Kingdom dan Naib Presiden ialah Hakim Awn Shawkat Al-Khasawneh dari Jordan.

2.27 Kes Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan telah didengar di hadapan enam belas (16) orang Hakim. Presiden ICJ Hakim Dame Rosalyn C. Higgins telah menarik diri daripada mempengerusikan persidangan tersebut kerana pada tahun 1994, beliau pernah memberi nasihat undang-undang kepada Kerajaan Singapura mengenai tuntutan Singapura terhadap Batu Puteh. Oleh itu, persidangan telah dipengerusikan oleh Naib Presiden ICJ Hakim Awn Shawkat Al-Khasawneh dari Jordan. Hakim-hakim ICJ yang lain yang mendengar kes tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) Hakim Raymond Ranjeva (Madagascar);
- (ii) Hakim Shi Jiuyong (China);
- (iii) Hakim Abdul G. Koroma (Sierra Leone);
- (iv) Hakim Gonzalo Parra-Aranguren (Venezuela);
- (v) Hakim Thomas Buergenthal (USA);
- (vi) Hakim Hisashi Owada (Japan);
- (vii) Hakim Bruno Simma (Germany);
- (viii) Hakim Peter Tomka (Slovakia);
- (ix) Hakim Ronny Abraham (France);
- (x) Hakim Sir Kenneth Keith (New Zealand);
- (xi) Hakim Bernardo Sepúlveda-Amor (Mexico);
- (xii) Hakim Mohamed Bennouna (Morocco);
- (xiii) Hakim Leonid Skotnikov (Russia);

dan dua (2) Hakim *ad-hoc* iaitu:

- (xiv) Hakim Christopher John Robert Dugard (South Africa);  
dan
- (xv) Hakim Pemmaraju Sreenivasa Rao (India).

2.28 Hakim *ad-hoc* dilantik di bawah perenggan 3 Artikel 31 Statut ICJ yang membolehkan mana-mana negara yang tidak mempunyai Hakim di ICJ, memilih Hakim *ad-hoc* untuk menyertai persidangan sesuatu kes. Malaysia memilih Hakim Christopher John Robert Dugard dari Afrika Selatan manakala Singapura memilih Hakim Pemmaraju Sreenivasa Rao dari India.

2.29 Semasa perbicaraan, ICJ telah mendengar hujahan lisan dan hujahan balas daripada kedua-dua pihak seperti yang berikut:

Singapura: H.E. Mr. Tommy Koh (*Agent*)  
H.E. Mr. Chao Hick Tin (*Co-Agent*)  
H.E. Mr. Chan Sek Keong  
Mr. Alain Pellet  
Mr. Ian Brownlie  
Mr. Rodman R. Bundy  
Ms. Loretta Malintoppi  
H.E. Mr. S. Jayakumar

Malaysia: H.E. Tan Sri Abdul Kadir Mohamad (*Agent*)  
Dato' Noor Farida Ariffin (*Co-Agent*)  
H.E. Tan Sri Abdul Gani Patail  
Sir Elihu Lauterpacht  
Mr. James Crawford  
Mr. Nicolaas Jan Schrijver

Mr. Marcelo G. Kohen

Ms. Penelope Nevill

### Keputusan ICJ

2.30 Pada 23 Mei 2008, ICJ telah mengeluarkan keputusan seperti yang berikut:

- (i) dengan undian 12–4, hak kedaulatan Batu Puteh diberikan kepada Singapura;
- (ii) dengan undian 15–1, hak kedaulatan Batuan Tengah diberikan kepada Malaysia; dan
- (iii) dengan undian 15–1, Mahkamah menetapkan kedaulatan Tubir Selatan tertakluk kepada perairan wilayah negara di mana terletak entiti tersebut.

### Keputusan Mengenai Batu Puteh

2.31 Walaupun keputusan ICJ telah menentukan hak kedaulatan Batu Puteh dimiliki oleh Singapura, namun ianya bukanlah merupakan keputusan sebulat suara. Daripada enam belas (16) orang Hakim yang mendengar kes, hanya dua belas (12) orang Hakim yang bersetuju dengan keputusan tersebut, manakala empat (4) orang Hakim lain mengundi menentang.

2.32 Dua belas (12) orang Hakim yang memutuskan hak kedaulatan Batu Puteh diberikan kepada Singapura ialah Naib Presiden dan Pemangku Presiden Hakim Awn Shawkat Al-Khasawneh (Jordan),

Hakim Raymond Ranjeva (Madagascar), Hakim Shi Jiuyong (China), Hakim Abdul G. Koroma (Sierra Leone), Hakim Thomas Buergenthal (USA), Hakim Hisashi Owada (Japan), Hakim Peter Tomka (Slovakia), Hakim Sir Kenneth Keith (New Zealand), Hakim Bernardo Sepúlveda-Amor (Mexico), Hakim Mohamed Bennouna (Morocco), Hakim Leonid Skotnikov (Russia) dan Hakim *ad-hoc* Hakim Pemmaraju Sreenivasa Rao (India) (Penghakiman Majoriti).

### **Penghakiman Majoriti**

2.33 Hakim Majoriti mendapati Malaysia melalui Kesultanan Johor mempunyai hak milik terhadap pulau-pulau dan pulau kecil di Selat Singapura termasuk Batu Puteh sejak kurun ke-17. Pemilikan pulau-pulau tersebut oleh Kesultanan Johor termasuk Batu Puteh tidak pernah dicabar oleh mana-mana pihak atau kuasa di rantau tersebut. Oleh itu, Johor memenuhi syarat yang memperlihatkan kedaulatan berterusan dan secara aman ke atas rantau tersebut. Pemilikan Johor ke atas Batu Puteh turut disahkan oleh bentuk dan tahap penguasaan dan penguatkuasaan (*effectivités*) Kesultanan Johor ke atas orang-orang laut yang sering mendiami kawasan laut tersebut dan melawat pulau-pulau di sekitar Selat Singapura termasuk Batu Puteh. Orang-orang Laut menjadikan kawasan maritim ini sebagai kawasan mereka. Fakta tersebut menolak dakwaan Singapura yang menyatakan Batu Puteh tidak dimiliki oleh sesiapa (*terra nullius*).

2.34 Hakim Majoriti dalam meneliti perkembangan sejarah bermula daripada Perjanjian Inggeris-Belanda pada Mac 1824 dan Perjanjian Crawford pada Ogos 1824 hingga 1840-an

menyimpulkan bahawa tiada apa-apa perubahan kepada hak milik Kesultanan Johor terhadap Batu Puteh dan tidak ada bukti yang menunjukkan berlaku perubahan status ini dalam tempoh tersebut sehingga 1952.

2.35 Walaupun Hakim Majoriti telah memutuskan bahawa Batu Puteh adalah milik Johor, namun terdapat faktor-faktor lain yang dipertimbangkan dalam menentukan sama ada Malaysia/Johor masih mempunyai kedaulatan ke atas Batu Puteh selepas tahun 1952 atau kedaulatan tersebut telah dipindahkan kepada Singapura. Ini berasaskan kepada tindak-tanduk pihak-pihak dalam tempoh tersebut dengan merujuk kepada prinsip dan kaedah undang-undang antarabangsa.

2.36 Hakim Majoriti telah memutuskan bahawa kedaulatan boleh dipindahkan melalui perjanjian antara dua pihak. Selain itu, perjanjian juga boleh dibentuk secara tidak bertulis dan berlatarkan kepada tindak-tanduk pihak-pihak. Undang-undang antarabangsa tidak memperuntukkan secara khusus berkenaan format tetapi menekankan kepada niat pihak-pihak. Menurut Hakim Majoriti lagi, kedaulatan terhadap sesuatu wilayah boleh berpindah disebabkan kegagalan sesebuah negara yang mempunyai kedaulatan untuk memberi tindak balas ke atas tindakan "*a titre de souverain*" (*title of sovereignty*) sesebuah negara atau manifestasi kedaulatan yang ditunjukkan oleh negara lain. Menurut Hakim Majoriti juga, ketiadaan tindak balas adalah terjumlah kepada persetujuan.



### Surat-Menyurat Pada Tahun 1953

2.37 Hakim Majoriti telah merujuk kepada surat balasan daripada Pemangku Setiausaha Kerajaan Johor bertarikh 21 September 1953 (surat 1953) kepada Setiausaha Kolonial di Singapura yang menyatakan seperti yang berikut:

*"Johor does not claim ownership over Pedra Branca/Batu Puteh."*

2.38 Hakim Majoriti berpendapat surat 1953 adalah merupakan suatu dokumen penting yang mengesahkan bahawa suatu keputusan telah dicapai oleh kedua-dua pihak mengenai kedaulatan Batu Puteh. Jawapan oleh Pemangku Setiausaha Kerajaan Johor tersebut menunjukkan bahawa Kerajaan Johor memahami ia tidak lagi mempunyai kedaulatan ke atas Batu Puteh. Menurut Hakim Majoriti lagi, surat tersebut mengesahkan bahawa kedaulatan Batu Puteh telah berpindah milik kepada Singapura.

2.39 Untuk mengukuhkan keputusan mereka, Hakim Majoriti seterusnya telah meneliti tindak-tanduk kedua-dua pihak di kawasan Batu Puteh selepas tahun 1953 terutamanya dari segi *effectivités* iaitu tindak-tanduk yang menunjukkan pelaksanaan kuasa sebagai pemerintah. Hakim Majoriti telah mengambil kira tindak-tanduk Singapura yang telah melaksanakan tindakan-tindakan penguasaan dan penguatkuasaan (*effectivités*) secara berterusan sejak tahun 1953 sehingga tahun 1980. Antaranya ialah membuat penyiasatan mengenai kemalangan kapal di laut sekitar Batu Puteh, merancang kerja-kerja penambakan laut, membina peralatan komunikasi di atas Batu Puteh serta mengarahkan

pegawai-pegawai Malaysia memohon permit terlebih dahulu jika berhasrat melawat Batu Puteh.

- 2.40 Malaysia sebaliknya menurut Hakim Majoriti tidak menunjukkan sebarang reaksi atau bantahan terhadap penaikan bendera Singapura di Batu Puteh, pembinaan peralatan komunikasi tentera di Batu Puteh pada tahun 1977 dan cadangan Singapura untuk menambak Batu Puteh termasuk pengeluaran peta dan bahan terbitan oleh pihak Singapura berkaitan Batu Puteh. Hakim Majoriti memberi perhatian berat terhadap tindakan-tindakan penguasaan dan penguatkuasaan (*effectivités*) yang ditunjukkan oleh Singapura dan ketiadaan atau kegagalan Malaysia (atau Johor sebelum itu) untuk bertindak balas terhadap tindakan-tindakan penguasaan dan penguatkuasaan (*effectivités*) oleh Singapura.
- 2.41 Semasa perbincangan, Malaysia telah mengemukakan beberapa bukti penguasaan dan penguatkuasaan (*effectivités*) selepas tahun 1953. Antaranya ialah Perjanjian Pelantar Benua Malaysia – Indonesia 1969, Perjanjian Konsesi Minyak dengan Continental Oil Co. 1968, Ordinan Darurat No.7 Tahun 1969 (yang menetapkan jarak kawasan perairan Malaysia sehingga 12 batu nautika), penjagaan peraturan perikanan dan rondaan polis di samping penerbitan beberapa buah peta yang menunjukkan Batu Puteh adalah termasuk sebahagian daripada wilayah Malaysia. Walau bagaimanapun, Hakim Majoriti memberikan lebih pengiktirafan kepada tindak-tanduk yang ditunjukkan oleh Singapura terhadap Batu Puteh selepas tahun 1953.

2.42 Dengan itu, Hakim Majoriti menyimpulkan bahawa berdasarkan tindak-tanduk yang ditunjukkan oleh Singapura (British sebelumnya) dan kegagalan Malaysia (Johor sebelumnya) untuk bertindak balas atau membantah tindak-tanduk Singapura tersebut sehingga tahun 1980, maka hak kedaulatan ke atas Batu Puteh telah berpindah kepada Singapura.

### **Penghakiman Minoriti**

2.43 Empat (4) orang Hakim mengundi untuk menentang keputusan Hakim Majoriti yang memberikan kedaulatan Batu Puteh kepada Singapura. Empat (4) orang Hakim yang menentang ialah:

- (i) Hakim Gonzalo Parra-Aranguren (Venezuela);
- (ii) Hakim Bruno Simma (Germany);
- (iii) Hakim Ronny Abraham (France); dan
- (iv) Hakim *Ad Hoc* Christopher John Robert Dugard (South Africa).

2.44 Hakim Gonzalo Parra-Aranguren dan Hakim *Ad Hoc* Christopher John Robert Dugard telah mengeluarkan penghakiman berasingan sementara Hakim Bruno Simma dan Hakim Ronny Abraham telah mengeluarkan penghakiman bersama.

2.45 Pandangan dan dapatan oleh Hakim-Hakim yang menentang keputusan Hakim Majoriti berkaitan Batu Puteh bolehlah dirumuskan seperti yang berikut:

- (i) Hakim Majoriti telah gagal menjelaskan bagaimana kedaulatan Batu Puteh boleh berpindah dari Malaysia/Johor

kepada Singapura dan apakah kaedah yang menyebabkannya berlaku serta bilakah tarikh pemindahan kedaulatan tersebut berlaku. Dalam kes-kes yang diadili sebelum ini, ICJ kebiasaannya akan menyatakan kaedah bagaimana dan bilakah tarikh sesebuah negara itu hilang atau memperolehi kedaulatan ke atas sesebuah kawasan atau wilayah. Dalam kes Batu Puteh, penjelasan sedemikian tidak diberikan oleh Hakim Majoriti;

- (ii) Hakim Majoriti lebih memihak kepada tindakan-tindakan penguasaan dan penguatkuasaan (*effectivités*) yang dilaksanakan oleh Singapura dari tahun 1953 hingga 1980, sedangkan tempoh 27 tahun tersebut adalah terlalu pendek untuk menyebabkan pemilikan Johor terhadap Batu Puteh selama 129 tahun terhakis, dengan mengambil kira dari tempoh siapnya pembinaan Rumah Api Horsburgh pada tahun 1851;
- (iii) tindak-tanduk yang ditunjukkan oleh Singapura tidak boleh dianggap sebagai bukti kedaulatan. Tindakan-tindakan penguasaan dan penguatkuasaan (*effectivités*) oleh Singapura tersebut adalah tidak mencukupi dan tidak begitu kuat sehingga boleh menafikan kedaulatan Malaysia/Johor ke atas Batu Puteh; dan
- (iv) surat-menyurat pada tahun 1953 antara Singapura dan Johor tidak menyentuh mengenai peralihan kedaulatan Batu Puteh dari Johor kepada Singapura. Surat balasan daripada Pemangku Setiausaha Kerajaan Johor memberi jawapan yang berbeza terhadap soalan yang diajukan oleh Singapura. Johor menggunakan istilah “pemilikan” (*ownership*) dan bukan

“kedaulatan” (*sovereignty*). Jika Singapura menganggap surat balasan daripada Johor tersebut sebagai “Johor tidak menuntut kedaulatan ke atas Batu Puteh”, Singapura seharusnya meminta penjelasan mengenai status Batu Puteh. Ini adalah kerana matlamat utama Singapura dalam suratnya kepada Pemangku Setiausaha Kerajaan Johor pada 12 Jun 1953 adalah untuk menentukan sempadan perairan wilayah jajahan (*colony’s territorial waters*). Singapura tidak meminta apa-apa penjelasan mengenai perkara tersebut.

### **Keputusan Mengenai Batuan Tengah**

- 2.46 Malaysia berhujah bahawa Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan tidak boleh dikenal pasti dari segi sejarah dan geomorfologi sebagai satu gugusan pulau. Ini adalah kerana pulau-pulau atau batuan tersebut sentiasa diidentifikasikan secara berasingan dan berada di bawah kedaulatan Kesultanan Johor.
- 2.47 Singapura mengambil pendekatan bahawa kedaulatan Batuan Tengah dan Tubir Selatan perlu diputuskan bersama kedaulatan Batu Puteh. Menurut Singapura, mana-mana negara yang memiliki Batu Puteh, juga memiliki Batuan Tengah dan Tubir Selatan.
- 2.48 ICJ dengan undian 15-1 bersetuju dengan hujahan Malaysia dan memutuskan bahawa hak kedaulatan Batuan Tengah adalah milik Malaysia. Hakim Majoriti berpendapat bahawa faktor-faktor penentu yang menyebabkan Batu Puteh jatuh di bawah kedaulatan Singapura tidak terpakai ke atas Batuan Tengah atau Tubir Selatan. Menurut Hakim Majoriti, Batuan Tengah mempunyai status undang-undang yang sama seperti Batu Puteh di mana hak

milik asal adalah dipegang oleh Sultan Johor. Hakim Majoriti mendapati Singapura tidak mengemukakan bukti bahawa hak milik tersebut telah berpindah kepada Singapura sebagaimana yang berlaku ke atas Batu Puteh. Oleh yang demikian, hak kedaulatan Batuan Tengah adalah kekal milik Malaysia/Johor.

2.49 Hakim yang menentang keputusan majoriti mengenai Batuan Tengah ialah Hakim Pemmaraju Sreenivasa Rao (India), Hakim *ad-hoc* yang dilantik oleh Singapura.

### **Keputusan Mengenai Tubir Selatan**

2.50 ICJ dengan undian 15-1 memutuskan, dengan mengambil kira keadaan Tubir Selatan yang hanya kelihatan ketika air surut (*Low Tide Elevation*), maka kedaulatan Tubir Selatan adalah milik negara yang mempunyai perairan di mana ianya terletak.

2.51 Hakim yang menentang keputusan majoriti mengenai Tubir Selatan ialah Hakim Gonzalo Parra-Aranguren (Venezuela).

### **Kesimpulan**

2.52 Berdasarkan daripada penghakiman ICJ di atas, dapat disimpulkan seperti yang berikut:

- (i) Batu Puteh milik Singapura;
- (ii) Batuan Tengah milik Malaysia; dan
- (iii) Tubir Selatan milik negara yang mempunyai perairan di mana ianya terletak.

(Alasan Penghakiman ICJ mengenai Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 7)

**Penubuhan *Malaysia-Singapore Joint Technical Committee (MSJTC)***

- 2.53 Berikutan dengan keputusan ICJ pada tahun 2008, Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk menubuhkan satu Jawatankuasa bersama yang dikenali sebagai "*Malaysia – Singapore Joint Technical Committee (MSJTC) on the Implementation of the International Court of Justice on Pedra Branca, Middle Rock and South Ledge*".
- 2.54 Mesyuarat pertama telah diadakan pada 3 Jun 2008 di Singapura di mana kedua-dua negara telah menyatakan komitmen mereka untuk menghormati dan melaksanakan keputusan ICJ.
- 2.55 Mesyuarat kedua MSJTC telah diadakan pada 20 Ogos 2008 di Putrajaya. Mesyuarat ini telah diadakan secara berterusan di mana kedua-dua negara bersilih ganti menjadi tuan rumah. Sehingga tahun 2021, sembilan (9) mesyuarat MSJTC telah diadakan. Sepanjang tempoh tersebut, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Singapura telah mempengerusikan mesyuarat ini secara bersama.

- 2.56 MSJTC di peringkat awal telah menubuhkan dua (2) *Sub-Committee* iaitu “*Sub-Committee on the Joint Survey Works in and around Pedra Branca, Middle Rocks and South Ledge*” dan “*Sub-Committee on Maritime and Airspace Management and Fisheries*”.
- 2.57 *Sub-Committee on the Joint Survey Works* telah ditubuhkan semasa mesyuarat MSJTC yang pertama pada 3 Jun 2008. Mandat yang diberikan adalah untuk melaksanakan kerja-kerja ukur bagi menentukan “*low water marks and low tide elevations*” di sekitar Batu Puteh dan Batuan Tengah. *Sub-Committee* telah dibubarkan semasa mesyuarat MSJTC keenam pada 23 Februari 2012 setelah kerja-kerja ukur diselesaikan.
- 2.58 *Sub-Committee on Maritime and Airspace Management and Fisheries* telah ditubuhkan semasa mesyuarat MSJTC ketiga pada 5 Januari 2010. *Sub-committee* tersebut telah diberi mandat untuk membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan ruang udara, maritim dan perikanan yang melibatkan kedua-dua buah negara.
- 2.59 Mesyuarat MSJTC yang keenam pada 22-23 Februari 2012 telah memperakukan laporan *Sub-Committee on the Joint Survey Works* dan seterusnya telah menubuhkan satu *Sub-committee* untuk merundingkan had sempadan maritim antara Malaysia dan Singapura.
- 2.60 Mesyuarat MSJTC ketujuh gagal mencapai apa-apa persetujuan dan dengan itu, minit mesyuarat pada 28 – 29 November 2013 tidak dapat dimuktamadkan.



- 2.61 Selepas mesyuarat ketujuh, tiada lagi mesyuarat susulan diadakan sehinggalah pada 21 Januari 2020 di mana satu mesyuarat telah diadakan di Kuala Lumpur (MSJTC kelapan). Di dalam mesyuarat tersebut, kedua-dua buah negara telah bersetuju untuk membuat permulaan baharu dalam keadaan neutral. Mesyuarat juga bersetuju dengan penubuhan satu *Sub-committee* bagi merundingkan had sempadan maritim antara Malaysia dan Singapura di kawasan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang dikenali sebagai "*Sub-Committee on Maritime Boundary Delimitation of Pedra Branca, Middle Rocks and South Ledge*".
- 2.62 Mesyuarat MSJTC kesembilan pada 23 November 2021 telah diadakan di Singapura. Mesyuarat tersebut telah memperakukan Terma Rujukan *Sub-Committee on Maritime Boundary Delimitation of Pedra Branca, Middle Rocks and South Ledge*. Dalam mesyuarat tersebut, Malaysia dan Singapura menyatakan komitmen untuk menyelesaikan isu berkenaan had sempadan maritim di Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.
- 2.63 Pada tahun 2024, MSJTC telah ditukar nama kepada *Joint MSJTC & Committee for Boundary Delimitation (CBD)*. Delegasi Malaysia diketuai oleh Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, Peguam Negara Malaysia yang mempengerusikan mesyuarat bersama dengan Peguam Negara Singapura.
- 2.64 Mesyuarat pertama telah diadakan pada 7 Februari 2024 dan Mesyuarat kedua telah diadakan pada 29 sehingga 30 April 2024. Dalam kedua-dua mesyuarat tersebut, pihak-pihak telah

membincangkan isu had sempadan maritim melibatkan segmen seperti yang berikut:

- (i) segmen timur Selat Singapura yang melibatkan kawasan sempadan maritim bagi perairan di sekitar Batu Puteh dan Batuan Tengah melalui platform MSJTC; dan
- (ii) segmen barat Selat Singapura yang melibatkan sempadan maritim di perairan Tanjung Piai dan Tuas melalui platform *Committee for Boundary Delimitation Pursuant to the Agreement between the Foreign Ministers of Singapore and Malaysia on 14 March 2019* (CBD).

2.65 Pada masa ini, usaha rundingan antara kedua-dua buah negara di bawah platform yang dinyatakan di atas masih lagi berterusan.

#### **Permohonan Semakan**

2.66 Pada 18 Januari 2016, Peguam Negara Malaysia, Tan Sri Apandi melalui Nota kepada YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Dato' Sri Najib) telah menyatakan hasrat Jabatan Peguam Negara untuk memulakan kerja-kerja penyelidikan dan perundangan bagi tujuan membuat Permohonan Semakan terhadap keputusan ICJ mengenai kedaulatan Batu Puteh di bawah Artikel 61 Statut ICJ.

2.67 Pada 31 Januari 2016, Dato' Sri Najib melalui surat balas telah memberi mandat kepada Jabatan Peguam Negara untuk memulakan kerja-kerja penyelidikan dan perundangan sebagai persediaan bagi Malaysia untuk mengemukakan Permohonan

Semakan tersebut. Berikutan dengan mandat yang diberikan, Peguam Negara telah memohon dan mendapat persetujuan Kerajaan untuk melantik dua (2) orang perunding tempatan bagi bertindak dan menasihati Kerajaan mengenai Permohonan Semakan terhadap keputusan ICJ bertarikh 23 Mei 2008. Dato' Abu Bakar As-Sidek bin Dato' Haji Mohd Sidek (Dato' Abu Bakar) yang dilantik dan telah menandatangani kontrak pada 14 Disember 2016, manakala Dato' Firoz Hussein bin Ahmad Jamaluddin (Dato' Firoz) yang dilantik dan telah menandatangani kontrak pada 20 Disember 2016.

2.68 Atas nasihat Tan Sri Apandi, Kerajaan telah melantik tiga (3) orang perunding antarabangsa. Mereka ialah Profesor Malcolm Shaw QC, Sir Daniel Lincoln Bethlehem QC dan Dr. Brendan Plant. Profesor Malcolm Shaw QC telah menandatangani kontrak pada 19 September 2016, manakala Sir Daniel Lincoln Bethlehem QC dan Dr. Brendan Plant masing-masing menandatangani kontrak pada 20 Disember 2016.

2.69 Ketiga-tiga pakar perunding antarabangsa tersebut telah dilantik untuk menasihati Kerajaan Malaysia berkaitan isu-isu yang berbangkit daripada keputusan ICJ bertarikh 23 Mei 2008 serta menasihati kemungkinan dan prospek Permohonan Semakan yang ingin difailkan oleh Malaysia di ICJ.

2.70 Atas nasihat Tan Sri Apandi, Malaysia juga telah melantik seorang pakar hidrografi antarabangsa dari Amerika Syarikat, iaitu Mr. Coalter Lathrop bagi membantu dalam aspek pembacaan dan tafsiran peta yang dikemukakan oleh Malaysia. Atas nasihat Tan Sri Apandi juga, Malaysia telah melantik Profesor Laurence

Boisson untuk membantu tiga (3) perunding antarabangsa yang disebut di atas.

### Lantikan Pegawai Penyelidik

2.71 Bagi maksud membantu kerja-kerja penyelidikan, Tan Sri Apandi telah melantik tiga (3) orang pegawai daripada Jabatan Peguam Negara sebagai Pegawai Penyelidik untuk melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:

- (i) menyediakan pandangan undang-undang (*opinion*);
- (ii) meneliti dokumen-dokumen;
- (iii) menghadiri mesyuarat bersama perunding antarabangsa;
- (iv) menyediakan ikatan-ikatan dokumen; dan
- (v) menyediakan penterjemahan (*translation*) dokumen-dokumen tertentu untuk rujukan perunding antarabangsa.

2.72 Pegawai Penyelidik yang dilantik ialah:

- (i) Puan Norliyana binti Abdul Manaf;
- (i) Puan Hafizah binti Hamdzah; dan
- (ii) Encik Mohd Shahrysham bin Kamran.

2.73 Ketiga-tiga Pegawai Penyelidik tersebut telah ditempatkan di London, United Kingdom mulai 1 April 2017 sehingga 12 Mac 2018. Mereka diselia secara langsung oleh Dato' Abu Bakar dan Dato' Firoz. Proses kerja dan tugas mereka dibuat atas arahan kedua-dua individu tersebut. Tiada arahan yang diberikan kepada ketiga-tiga Pegawai Penyelidik untuk melaporkan status pelaksanaan

tugas mereka kepada mana-mana pegawai atasan di Jabatan Peguam Negara.

2.74 Melalui penyelidikan yang dibuat oleh Dato' Abu Bakar dan Dato' Firoz dengan dibantu oleh ketiga-tiga orang pegawai penyelidik, terdapat banyak bukti yang telah ditemui dan boleh dijadikan asas untuk menyokong Permohonan Semakan di ICJ.

### **Keputusan Jemaah Menteri**

2.75 Pada 25 Januari 2017, Mesyuarat Jemaah Menteri melalui Memorandum Jemaah Menteri telah bersetuju untuk Malaysia memfailkan Permohonan Semakan terhadap keputusan ICJ berhubung kedaulatan Batu Puteh.

2.76 Berikutan dengan itu, Malaysia telah memfailkan Permohonan Semakan pada 2 Februari 2017. Asas permohonan tersebut adalah berdasarkan penemuan tiga (3) fakta [dokumen baharu] penting iaitu bukti-bukti baharu yang difikirkan boleh mengembalikan hak kedaulatan Batu Puteh kepada Malaysia. Bukti-bukti tersebut tidak dibentangkan kepada ICJ semasa perbicaraan yang berakhir pada 23 November 2007.

### **Tiga (3) Fakta [Dokumen Baharu]**

2.77 Tiga (3) fakta [dokumen baharu] yang hendak dikemukakan ialah:

- (i) *A 1958 (1958 telegram) from the Governor of Singapore responding to a request from the British Secretary of State for*

*the Colonies for comments on a proposal to extend Singapore's Territorial waters from 3 miles to 6 miles;*

- (ii) *A Memorandum in 1958 (1958 Memorandum) addressed to Governor of Singapore stating that the Royal Navy could not pursue an Indonesian gunboat near Batu Puteh because it was Johor territorial waters; and*
- (iii) *A map (The Map) prepared by the British Commander of the Far East Fleet within the file titled "Naval Operation in the Malacca and Singapore Straits 1964-1966". It shows the limits of Singapore territorial waters at the point south of Pulau Tekong Besar in Johor Straits and does not extend to the vicinity of Batu Puteh.*

2.78 Perunding antarabangsa dan perunding tempatan bersependapat bahawa penemuan tiga (3) fakta [dokumen baharu] di *National Archives of United Kingdom* itu boleh dijadikan asas untuk membuktikan hak kedaulatan Malaysia ke atas Batu Puteh. Menurut mereka lagi, fakta baharu tersebut merupakan suatu fakta yang tidak diketahui (*unknown*) oleh ICJ dan Malaysia selaku pihak yang mengemukakan Permohonan Semakan tersebut. Ketiadaan pengetahuan ini bukanlah disebabkan oleh kecuaiian (*ignorance may not be due to negligence*).

2.79 Berdasarkan Artikel 61(4) Statut ICJ, Permohonan Semakan perlu dibuat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh penemuan tiga (3) fakta [dokumen baharu]. Menurut pasukan penyelidik, penemuan tiga (3) fakta [dokumen baharu] ini telah ditemui oleh perunding tempatan pada 4 Ogos 2016 dan dengan itu pemfailan

Permohonan Semakan perlu dibuat sebelum atau pada 3 Februari 2017. Atas nasihat perunding antarabangsa dan perunding tempatan, Malaysia telah memfailkan Permohonan Semakan di ICJ pada 2 Februari 2017.

- 2.80 Dalam Permohonan Semakan tersebut, Kerajaan Malaysia telah melantik Dato' Seri Ramlan bin Ibrahim (Dato' Seri Ramlan), Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri sebagai Ejen (*Agent*) dan Dato' Ahmad Nazri bin Yusof, Duta Malaysia ke The Hague, Belanda sebagai Ejen Bersama (*Co-Agent*). Walau bagaimanapun, pada 6 September 2017, Kerajaan telah memutuskan untuk Tan Sri Apandi menggantikan Dato' Seri Ramlan sebagai Ejen (*Agent*) Malaysia.

#### **Permohonan Tafsiran (*Request for Interpretation*)**

- 2.81 Permohonan Tafsiran telah dibuat atas syor Peguam Negara, Tan Sri Apandi kepada Kerajaan kerana beliau berpandangan bahawa keputusan ICJ pada 23 Mei 2008 tidak membuat sebarang keputusan yang jelas berhubung dengan kedaulatan ke atas Tubir Selatan sama ada ia hak milik Malaysia atau Singapura dan keadaan ini memerlukan suatu tafsiran diberikan oleh ICJ.
- 2.82 Pada 24 Mei 2017, Mesyuarat Jemaah Menteri melalui Memorandum Jemaah Menteri telah bersetuju untuk Malaysia memfailkan Permohonan Tafsiran (*Request for Interpretation*) terhadap keputusan ICJ. Berikutan dengan itu, Permohonan Tafsiran tersebut telah difailkan pada 30 Jun 2017 menurut peruntukan Artikel 60 Statut ICJ.

- 2.83 Lanjutan daripada pemfailan kedua-dua permohonan tersebut, Malaysia dan Singapura masing-masing telah memfailkan pandangan bertulis (*written observation*) di ICJ. Jabatan Peguam Negara telah membuat permohonan kepada ICJ supaya kedua-dua Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran didengar bersama.
- 2.84 ICJ telah menetapkan tarikh pendengaran lisan Permohonan Semakan pada 11 Jun 2018 hingga 15 Jun 2018 sementara tarikh pendengaran lisan Permohonan Tafsiran ditetapkan pada 18 Jun 2018 hingga 22 Jun 2018.

### **Malaysia Tidak Meneruskan Kedua-dua Permohonan**

- 2.85 Pada 10 Mei 2018, YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad (Tun Dr. Mahathir) telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ketujuh. Antara tindakan awal yang beliau ambil ialah dengan mengadakan pertemuan secara berasingan dengan Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan dan Ketua Agensi Persekutuan.
- 2.86 Pertemuan antara Perdana Menteri dengan Jabatan Peguam Negara telah diadakan pada 14 Mei 2018 di Pejabat Sementara Perdana Menteri di Yayasan Kepimpinan Perdana, Cyberjaya. Jabatan Peguam Negara diwakili oleh Peguam Cara Negara, YM Datuk Engku Nor Faizah binti Engku Atek (Datuk Engku Nor Faizah) dan Peguam Cara Negara II, Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan. Pertemuan tersebut turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa. Dalam pertemuan tersebut,



Peguam Cara Negara telah membangkitkan isu Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran yang akan didengar pada 11 Jun 2018 hingga 15 Jun 2018 dan 18 Jun 2018 hingga 22 Jun 2018.

2.87 Lanjutan daripada pertemuan tersebut, Perdana Menteri telah mengarahkan supaya satu sesi taklimat diberikan kepada beliau mengenai kedua-dua permohonan tersebut. Taklimat tersebut telah diadakan pada 17 Mei 2018 di Pejabat Sementara Perdana Menteri di Yayasan Kepimpinan Perdana, Cyberjaya.

2.88 Mereka yang hadir dalam sesi taklimat tersebut ialah wakil-wakil daripada Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara, perunding tempatan dan perunding antarabangsa seperti yang berikut:

**Kementerian Luar Negeri**

- (i) Dato' Seri Ramlan bin Ibrahim  
(Ketua Setiausaha);
- (ii) YM Raja Dato' Nushirwan bin Zainal Abidin  
(Timbalan Ketua Setiausaha (Hubungan Dua Hala));
- (iii) Dato' Dr. Azfar bin Mohamad Mustafa  
(Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Maritim); dan
- (iv) Datuk Eldeen Husaini bin Mohd Hashim  
(Setiausaha Bahagian Asia Tenggara).

### **Jabatan Peguam Negara**

- (i) Datuk Azian binti Mohd Aziz  
(Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa);
- (ii) Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin  
(Timbalan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa II);
- (iii) Tuan Alfian bin Yang Amri  
(Ketua Seksyen Perkara Persempadanan, Wilayah dan Maritim, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa); dan
- (iv) Dr. Suraya binti Harun  
(Peguam Kanan Persekutuan, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa)

### **Perunding Tempatan dan Antarabangsa**

- (i) Dato' Firoz Hussein bin Ahmad Jamaluddin  
Peguam Tempatan;
- (ii) Dato' Abu Bakar As-Sidek bin Dato' Haji Mohd Sidek  
Peguam Tempatan; dan
- (iii) Dr. Brendan Plant  
Perunding Antarabangsa.

2.89 Taklimat kepada Perdana Menteri telah disampaikan oleh Dr. Brendan Plant. Selain daripada Dr. Brendan Plant, tiada antara mereka yang hadir di dalam sesi taklimat tersebut telah memberi sebarang pandangan.

2.90 Selepas sesi taklimat pada 17 Mei 2018, Perdana Menteri melalui surat bertarikh 21 Mei 2018 kepada Peguam Cara Negara, Datuk Engku Nor Faizah, telah mengemukakan pendapat beliau bahawa usaha berkaitan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran tidak perlu diteruskan. Sebaliknya beliau mengarahkan perancangan dibuat untuk tebus guna lautan [perairan] di sekitar Batuan Tengah yang dimiliki oleh Malaysia. Melalui surat tersebut, beliau juga ingin mengetahui kos yang telah dikeluarkan untuk membiayai pasukan perunding tempatan dan antarabangsa termasuk resit pembayaran kepada mereka.

(Surat Tun Dr. Mahathir bertarikh 21 Mei 2018 dilampirkan sebagai Ekshibit di Jilid 7)

2.91 Perdana Menteri telah membawa isu untuk tidak meneruskan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran tersebut di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Mei 2018 di mana Jemaah Menteri telah bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut.

2.92 Semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Mei 2018, hanya terdapat tiga belas (13) orang Menteri yang telah dilantik untuk menganggotai Jemaah Menteri. Mereka ialah:

- (i) YAB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dato' Dr. Wan Ismail (Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga);
- (ii) YB. Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md Yasin (Menteri Dalam Negeri);

- (iii) YB. Tuan Lim Guan Eng  
(Menteri Kewangan);
- (iv) YB. Tuan Haji Mohamad bin Sabu  
(Menteri Pertahanan);
- (v) YB. Dr. Maszlee bin Malik  
(Menteri Pendidikan);
- (vi) YB. Puan Rina binti Mohd Harun  
(Menteri Pembangunan Luar Bandar);
- (vii) YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
(Menteri Hal Ehwal Ekonomi);
- (viii) YB. Puan Zuraida binti Kamaruddin  
(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan);
- (ix) YB. Tuan Anthony Loke Siew Fook;  
(Menteri Pengangkutan)
- (x) YB. Tuan Gobind Singh Deo  
(Menteri Komunikasi dan Multimedia);
- (xi) YB. Tuan M Kula Segaran a/l V. Murugeson  
(Menteri Sumber Manusia);
- (xii) YB. Tuan Salahuddin bin Ayub  
(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani); dan
- (xiii) YB. Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad  
(Menteri Kesihatan)

(Cabutan Minit Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Mei 2018 ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 7)

2.93 Pada pagi 23 Mei 2018, sebelum Jemaah Menteri bersidang, Peguam Cara Negara, Datuk Engku Nor Faizah yang bertindak atas surat Perdana Menteri bertarikh 21 Mei 2018, telah mengutus surat kepada Peguam Negara Singapura bagi menyampaikan hasrat Kerajaan Malaysia untuk tidak meneruskan prosiding bagi Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran.

(Surat Peguam Cara Negara bertarikh 23 Mei 2018 ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 7)

2.94 Peguam Negara Singapura, pada tarikh yang sama telah menyatakan persetujuan Kerajaan Singapura atas hasrat Malaysia untuk tidak meneruskan prosiding kedua-dua permohonan tersebut.

(Surat Peguam Negara Singapura bertarikh 23 Mei 2018 ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 7)

2.95 Pada 24 Mei 2018, Datuk Azian binti Mohd Aziz (Datuk Azian) melalui satu panggilan telefon dengan Dato' Ishak bin Sahari (Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) telah memaklumkan kepada beliau mengenai keputusan Kerajaan Persekutuan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut. Tujuan panggilan tersebut ialah untuk YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor menyembah maklum kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor mengenai keputusan Kerajaan Persekutuan.

(Rekod Nota percakapan antara Datuk Azian dan Dato' Ishak bin Sahari pada 24 Mei 2018 ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 7)

- 2.96 Pada 28 Mei 2018, Dato' Ahmad Nazri bin Yusof, Duta Malaysia ke The Hague, Belanda, selaku Ejen Bersama (*Co-Agent*) bagi Malaysia telah memaklumkan persetujuan Malaysia dan Singapura kepada Pendaftar ICJ untuk tidak meneruskan prosiding bagi kedua-dua permohonan tersebut.

(Surat Dato' Ahmad Nazri bin Yusof bertarikh 28 Mei 2018 ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 7)

- 2.97 Pendaftar ICJ melalui surat 29 Mei 2018 telah memaklumkan bahawa perintah untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut telah direkodkan dan telah memberi arahan untuk mengeluarkan kedua-dua permohonan tersebut daripada senarai kes ICJ.

(Surat Pendaftar ICJ bertarikh 29 Mei 2018 ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 7)

- 2.98 Kerajaan Singapura melalui suratnya bertarikh 29 Mei 2018 telah memaklumkan bahawa Kerajaan Singapura tidak mempunyai sebarang bantahan untuk ICJ menyiarkan dokumen-dokumen berkaitan kedua-dua permohonan tersebut untuk diakses oleh orang awam. Malaysia juga melalui surat bertarikh 22 Jun 2018, bersetuju bahawa Malaysia tiada halangan untuk prosiding bertulis bagi kedua-dua permohonan diakses oleh umum melalui laman sesawang ICJ.

(Surat Kerajaan Singapura bertarikh 29 Mei 2018 dan Surat Dato' Ahmad Nazri bin Yusof bertarikh 22 Jun 2018 ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 7)

### **Penubuhan Pasukan Petugas Khas (PPK)**

2.99 Pada 8 Oktober 2021 iaitu tiga (3) tahun selepas Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran tersebut tidak diteruskan, isu ini telah dibangkitkan semula dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Jemaah Menteri antara lain mengambil maklum dan bersetuju:

- (i) akan pandangan bahawa isu-isu dasar yang sensitif khususnya melibatkan aspek kedaulatan negara wajar dibentangkan untuk pertimbangan dan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri. Jemaah Menteri juga wajar mendapatkan nasihat dan pandangan Peguam Negara selaras dengan Perkara 145(2) Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah tepat berdasarkan lunas perundangan;
- (ii) supaya sebuah PPK ditubuhkan dan diketuai oleh Tan Sri Apandi, mantan Peguam Negara bagi menyemak semula undang-undang berkenaan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan dan mengesyorkan opsyen-opsyen terbaik mengenai hala tuju Kerajaan berhubung kes berkenaan;
- (iii) supaya pandangan undang-undang awal diperolehi berkenaan tindakan undang-undang di bawah "*Tort of Misfeasance*" ke atas mana-mana pihak yang didapati telah

melakukan kecuaiian dan kekhilafan elemen tidak meneruskan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran dalam kes tersebut; dan

- (iv) supaya pasukan petugas khas tersebut diberikan tempoh selama enam (6) bulan untuk mengemukakan dapatan dan syor-syor kepada Jemaah Menteri.

2.100 Lanjutan daripada keputusan tersebut, Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 telah bersetuju dengan penubuhan PPK termasuk terma rujukan, keahlian dan implikasi kewangan yang terlibat dalam pelaksanaan PPK.

#### **Terma Rujukan PPK**

2.101 Terma rujukan PPK secara umumnya adalah seperti yang berikut:

- (i) menyemak dan mengkaji semula Permohonan Semakan keputusan kes *Sovereignty Over Pedra Branca/Batu Puteh, Middle Rock/Batuan Tengah dan South Ledge/Tubir Selatan* (Malaysia-Singapura) yang telah difailkan pada tahun 2017 berdasarkan penemuan fakta dan bukti baharu pada tahun 2016;
- (ii) menyemak dan mengkaji semula Permohonan Tafsiran keputusan kes *Sovereignty Over Pedra Branca/Batu Puteh, Middle Rock/Batuan Tengah dan South Ledge/Tubir Selatan* (Malaysia-Singapura) yang telah difailkan pada 2017;
- (iii) meneliti dan menyemak dokumen dan/atau maklumat berhubung kes *Sovereignty Over Pedra Branca/Batu Puteh,*



*Middle Rock/Batuan Tengah dan South Ledge/Tubir Selatan (Malaysia-Singapura)* termasuk yang digunakan bagi tujuan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran;

- (iv) mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak yang pernah terlibat secara langsung dengan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran untuk mendapatkan penjelasan dan input lanjut yang berkaitan serta menyediakan laporan yang sewajarnya susulan sesi libat urus tersebut;
- (v) menyemak, mengkaji dan menyediakan pandangan undang-undang awal berkenaan tindakan undang-undang “*Tort of Misfeasance*” ke atas mana-mana pihak yang didapati telah melakukan kecuaiian dan kekhilafan ekoran tidak meneruskan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran;
- (vi) mengemukakan satu laporan interim berhubung kemajuan kajian dan hasil kajian dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh lantikan keahlian PPK kepada Jawatankuasa Pemantauan yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) (“Jawatankuasa Pemantauan”);
- (vii) menambah baik laporan interim tersebut berdasarkan maklum balas Jawatankuasa Pemantauan; dan
- (viii) mengemukakan laporan akhir yang mengandungi hasil kajian atau dapatan, analisis, dan syor berkaitan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

## Keahlian PPK

2.102 Keahlian PPK adalah terdiri daripada peguam-peguam tempatan yang mengendalikan kes ini pada tahun 2016 hingga 2017, pengamal undang-undang dan wakil Kementerian/Jabatan yang berkepentingan. Keahlian PPK adalah seperti yang berikut:

- (i) Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali – Pengerusi  
(Mantan Peguam Negara Malaysia);
- (ii) Datuk Dr. Baljit Singh Sidhu – Ahli  
(Pengamal Undang-Undang);
- (iii) YM Datuk Tengku Ahmad Fuad bin Tengku Ahmad Burhanuddin – Ahli  
(Pengamal Undang-Undang);
- (iv) Dato' Ahmad Nazri bin Yusof – Ahli  
(Mantan Duta Besar Malaysia ke The Hague, Belanda);
- (v) Dato' Firoz Hussein bin Ahmad Jamaluddin – Ahli  
(Pengamal Undang-Undang);
- (vi) Dato' Abu Bakar As-Sidek bin Dato' Haji Mohd Sidek – Ahli  
(Pengamal Undang-Undang);

- (vii) Dato' Umar Saifuddin bin Jaafar – Ahli  
(Ketua Bahagian Hal Ehwal  
Antarabangsa Jabatan Peguam Negara)  
(Wakil Jabatan Peguam Negara));
- (viii) Dato' Haji Mohammed Ridha bin Dato' – Ahli  
Haji Abd Kadir  
(Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor  
(Pembangunan)  
(Wakil Kerajaan Johor));
- (ix) Tuan Sr. Hamdan bin Ab. Aziz – Ahli  
(Pengarah Ukur Bahagian Ehwal  
Persempadanan Jabatan Ukur dan  
Pemetaan Malaysia (JUPEM)  
(Wakil JUPEM));
- (x) Encik Shaharuddin bin Onn – Ahli  
(Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Hal  
Ehwal Maritim, Kementerian Luar Negeri  
(Wakil KLN)).

2.103 Encik Wan Mohd Nuzul bin W Mansor telah dilantik sebagai Setiausaha PPK.

2.104 Urus setia PPK adalah BHEUU, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Luar Negeri.

## Laporan PPK

2.105 Pada 30 Ogos 2022, PPK telah menyediakan satu Laporan bertajuk “Laporan Pasukan Petugas Khas, Semakan Undang-Undang Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan” berserta lampiran-lampiran yang mengandungi dokumen-dokumen yang menjadi bahan rujukan oleh PPK dalam menyediakan Laporan tersebut.

(Laporan PPK dan Lampiran kepada Laporan PPK ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 9)

2.106 Di dalam Laporan tersebut, PPK telah mengemukakan beberapa syor kepada Kerajaan. Namun demikian, tiga (3) orang ahli PPK telah menandatangani Laporan tersebut dengan bersyarat (*with reservation*):

- (i) Dato' Umar Saifuddin bin Jaafar menyatakan *reservation* seperti surat Jabatan Peguam Negara (AGC) bertarikh 19 Ogos 2022 kepada BHEUU. Wakil AGC menyatakan bahawa AGC telah menandatangani Laporan Akhir PPK dengan bersyarat kerana PPK tidak mengambil kira pandangan AGC semasa memuktamadkan Laporan Akhir PPK. Pandangan AGC ini telah dikemukakan kepada pihak urus setia PPK pada 19 Ogos 2022. Wakil AGC berpandangan bahawa pegawai AGC tidak melakukan apa-apa kesalahan kerana YAB Perdana Menteri (pada ketika itu) telah dinasihatkan dengan secukupnya oleh perunding tempatan dan antarabangsa yang hadir semasa sesi taklimat bersama YAB Perdana Menteri

yang diadakan pada 17 Mei 2018. Wakil AGC berpandangan bahawa perunding tempatan dan antarabangsa yang terlibat secara langsung dalam penyediaan kedua-dua permohonan ke ICJ adalah berada dalam kedudukan terbaik untuk menasihati Kerajaan Malaysia mengenai kedua-dua permohonan tersebut. Ini adalah kerana mereka telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menasihati Kerajaan berhubung kerja-kerja yang timbul daripada Mahkamah Keadilan Antarabangsa mengenai kes Kedaulatan ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

(*Reservation* Dato' Umar Saifuddin bin Jaafar melalui surat Jabatan Peguam Negara bertarikh 19 Ogos 2022 ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 7)

- (ii) Tuan Sr. Hamdan bin Ab. Aziz menyatakan *reservation* seperti komen dan nota yang dikemukakan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Wakil JUPEM telah menandatangani Laporan Akhir PPK dengan bersyarat kerana menurut JUPEM, semasa Laporan Akhir PPK tersebut dimuktamadkan, sebahagian ahli PPK masing-masing mempunyai sudut pandang dan pendapat yang berbeza. Penjelasan ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ABS Tuan Sr. Hamdan bin Ab. Aziz bertarikh 17 April 2024, bagi soalan nombor 13 di muka surat 7 di mana beliau menyatakan seperti yang berikut:

“Saya menandatangani Laporan Akhir dengan reservasi kerana semasa atau pada bila-bila masa Laporan Akhir tersebut disiapkan dan dimuktamadkan, kesemua dan/atau sebahagian

ahli PPK masing-masing mempunyai sudut pandang dan pendapat yang berbeza-beza yang membawa kepada kelainan dan perbezaan yang tidak dapat dielakkan, dan setiap perbezaan, percanggahan dan/atau kelainan tersebut telah dinyatakan oleh setiap dan/atau sebahagian ahli PPK termasuklah pihak JUPEM sendiri”.

- (iii) Encik Shaharuddin bin Onn menyatakan *reservation* berpandukan kepada komen yang telah dibuat oleh Kementerian Luar Negeri. Kementerian Luar Negeri telah memberikan maklum balas menyatakan pandangan dan pendirian mereka berhubung kenyataan, dapatan dan syor-syor yang terkandung sama ada dalam draf laporan akhir atau Laporan Akhir PPK kepada pihak urus setia PPK menerusi surat Kementerian Luar Negeri bertarikh 26 September 2022. Surat bertarikh 26 September 2022 ini turut merujuk kepada input dan komen Kementerian Luar Negeri kepada PPK yang telah dihantar pada 24 Ogos 2022. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri mendakwa bahawa Laporan Akhir PPK tidak mempertimbangkan pandangan atau pendirian Kementerian Luar Negeri berhubung perkara-perkara khusus yang dibangkitkan. Oleh yang demikian, wakil Kementerian Luar Negeri telah diarahkan untuk menandatangani Laporan Akhir PPK tersebut dengan bersyarat.

(*Reservation* Encik Shaharuddin bin Onn melalui surat bertarikh 26 September 2022 ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 7)

## Cabaran dan Halangan PPK

- 2.107 Sebagaimana yang dinyatakan di dalam BAB SATU, dalam melaksanakan tugas seperti yang diamanahkan, PPK menghadapi beberapa cabaran dan halangan terutamanya kerana tidak mempunyai kuasa untuk memanggil saksi-saksi dan mendapatkan dokumen-dokumen seperti yang boleh dilakukan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja.
- 2.108 Mengambil kira perkara tersebut, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Januari 2024 telah bersetuju untuk Kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah Dan Tubir Selatan.

TERBUKA





# BAB TIGA

TERBUKA



## BAB TIGA

### PENEMUAN DAN CADANGAN

#### Pendahuluan

- 3.1 Dengan menggunakan pendekatan dan metodologi siasatan yang dinyatakan di dalam BAB SATU, Suruhanjaya telah merumuskan beberapa penemuan fakta dan isu undang-undang berkaitan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Daripada penemuan-penemuan ini, Suruhanjaya di dalam BAB TIGA mengesyorkan tindakan-tindakan yang sesuai untuk diambil oleh Kerajaan.
- 3.2 ICJ dalam penghakiman bertarikh 23 Mei 2008 telah memutuskan bahawa:
- (i) dengan undian 12-4, hak kedaulatan Batu Puteh diberikan kepada Singapura;
  - (ii) dengan undian 15-1, hak kedaulatan Batuan Tengah diberikan kepada Malaysia; dan
  - (iii) dengan undian 15-1, adalah ditetapkan bahawa kedaulatan Tubir Selatan tertakluk kepada perairan wilayah negara di mana terletaknya entiti tersebut.

## Permohonan Semakan Batu Puteh

3.3 Pada 2 Februari 2017, Malaysia telah memfailkan Permohonan Semakan terhadap keputusan ICJ yang memutuskan kedaulatan Batu Puteh adalah hak Singapura. Permohonan Semakan tersebut dibuat mengikut Artikel 61 Statut ICJ yang memperuntukkan seperti yang berikut:

- 1. An application for revision of a judgment may be made only when it is based upon the discovery of some fact of such a nature as to be a decisive factor, which fact was, when the judgment was given, unknown to the Court and also to the party claiming revision, always provided that such ignorance was not due to negligence.*
- 2. The proceedings for revision shall be opened by a judgment of the Court expressly recording the existence of the new fact, recognizing that it has such a character as to lay the case open to revision, and declaring the application admissible on this ground.*
- 3. The Court may require previous compliance with the terms of the judgment before it admits proceedings in revision.*
- 4. The application for revision must be made at latest within six months of the discovery of the new fact.*
- 5. No application for revision may be made after the lapse of ten years from the date of the judgment.*

- 3.4 Artikel 61 Statut ICJ jelas memperuntukkan bahawa sesuatu permohonan semakan boleh dibuat berdasarkan kepada penemuan fakta baharu yang perlu bersifat memutuskan kes. Penemuan fakta baharu itu juga merupakan satu fakta yang tidak diketahui oleh mahkamah dan negara yang membuat permohonan ketika penghakiman itu disampaikan. Ketiadaan pengetahuan itu juga bukanlah disebabkan oleh kecuaiian negara tersebut.
- 3.5 Artikel 61 Statut ICJ juga memperuntukkan bahawa sesuatu permohonan semakan perlu dibuat dalam jangka masa enam (6) bulan dari tarikh penemuan fakta baharu dan dalam tempoh jangka masa sepuluh (10) tahun daripada keputusan ICJ disampaikan.
- 3.6 Berdasarkan had masa sepuluh (10) tahun yang ditetapkan oleh Artikel 61.5 Statut ICJ, Malaysia perlu mengemukakan permohonan semakan terhadap keputusan ICJ tersebut pada atau sebelum tarikh 23 Mei 2018. Berdasarkan had masa enam (6) bulan untuk memfailkan permohonan semakan daripada penemuan fakta baharu tersebut, Malaysia telah memfailkan Permohonan Semakan pada 2 Februari 2017.
- 3.7 Suruhanjaya mendapati Permohonan Semakan yang difailkan oleh Malaysia adalah dalam tempoh yang ditetapkan oleh Statut ICJ.

### **Malaysia Tidak Meneruskan Permohonan Semakan**

- 3.8 Pada 23 Mei 2018, Malaysia telah mengambil keputusan untuk tidak meneruskan Permohonan Semakan yang telah difailkan di ICJ pada

2 Februari 2017. Dengan tidak meneruskan Permohonan Semakan tersebut, keputusan ICJ yang memberi hak kedaulatan Batu Puteh kepada Singapura menjadi muktamad. Pemfailan semula sesuatu permohonan semakan adalah terhalang oleh Artikel 61.5 Statut ICJ kerana sesuatu permohonan semakan tidak boleh dibuat selepas tamat tempoh sepuluh (10) tahun daripada keputusan ICJ disampaikan. Oleh kerana tarikh keputusan ICJ disampaikan ialah pada 23 Mei 2008, tarikh akhir untuk membuat sesuatu permohonan semakan ialah sebelum atau pada 23 Mei 2018.

- 3.9 Dengan keputusan sedemikian, keputusan ICJ yang memberikan hak kedaulatan Batu Puteh kepada Singapura tidak boleh dipertikaikan lagi dari sudut undang-undang. Malaysia harus menerima dan akur dengan keputusan sedemikian walaupun kehilangan Batu Puteh sememangnya sukar diterima oleh Malaysia, terutamanya Negeri Johor. Ini adalah kerana Batu Puteh adalah milik Kesultanan Johor sejak dahulu kala.

### **Permohonan Tafsiran**

- 3.10 Pada 30 Jun 2017, Suruhanjaya mendapati bahawa dalam tempoh empat (4) bulan selepas Permohonan Semakan difailkan, Malaysia telah memfailkan Permohonan Tafsiran (*Request for Interpretation*) terhadap keputusan ICJ mengenai Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Permohonan Tafsiran dibuat kerana Peguam Negara, Tan Sri Apandi berpandangan bahawa keputusan ICJ pada 23 Mei 2008 antara lain tidak membuat keputusan yang jelas berhubung dengan kedaulatan ke atas Tubir Selatan. Dalam keterangannya, Tan Sri Apandi dan juga keterangan dua (2) orang perunding

tempatan iaitu Dato' Abu Bakar dan Dato' Firoz yang menjadi perunding dalam kedua-dua permohonan tersebut menyatakan bahawa pemfailan Permohonan Tafsiran adalah merupakan “*tactical move*” untuk membolehkan seberapa banyak dokumen baharu yang dijumpai dikemukakan di ICJ di mana ianya mungkin tidak diterima masuk dalam Permohonan Semakan. Ini adalah kerana prosedur kemasukan dokumen baharu untuk Permohonan Semakan adalah amat ketat berbanding dengan prosedur Permohonan Tafsiran.

- 3.11 Keputusan untuk memfailkan Permohonan Tafsiran telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri melalui Memorandum Jemaah Menteri pada 24 Mei 2017.

### **Malaysia Tidak Meneruskan Permohonan Tafsiran**

- 3.12 Pada 23 Mei 2018, Malaysia juga telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan Permohonan Tafsiran. Berbeza dengan Permohonan Semakan, Permohonan Tafsiran yang tidak diteruskan boleh difailkan semula pada bila-bila masa. Ini adalah kerana Statut ICJ tidak menetapkan had masa untuk mana-mana pihak memfailkan Permohonan Tafsiran. Artikel 60 Statut ICJ memperuntukkan:

*“The judgment is final and without appeal. In the event of dispute as to the meaning or scope of the judgment, the Court shall construe it upon the request of any party.”*

- 3.13 Berdasarkan peruntukan di atas, adalah jelas bahawa tidak ada had masa untuk memfailkan Permohonan Tafsiran. Oleh itu, Malaysia boleh memfailkan semula Permohonan Tafsiran pada bila-bila masa

yang sesuai. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya tidak mencadangkan Malaysia memfailkan semula Permohonan Tafsiran dalam masa terdekat memandangkan proses rundingan antara Malaysia dan Singapura di bawah platform *Joint MSJTC & CBD* masih berjalan.

### **Kronologi Tindakan Tidak Meneruskan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran**

- 3.14 Pada 10 Mei 2018, Tun Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh. Suruhanjaya mendapati antara tindakan awal yang beliau ambil ialah dengan memanggil dan mengadakan perjumpaan dengan semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi secara berasingan pada 14 Mei 2018. Dalam pertemuan tersebut, Jabatan Peguam Negara telah diwakili oleh Peguam Cara Negara, Datuk Engku Nor Faizah dan Peguam Cara Negara II, Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan. Turut hadir dalam perjumpaan tersebut ialah Ketua Setiausaha Negara ketika itu iaitu Tan Sri Ali bin Hamsa.
- 3.15 Peguam Negara, Tan Sri Apandi tidak hadir kerana telah diarah oleh Tun Dr. Mahathir untuk mengambil cuti rehat (*garden leave*) sebaik sahaja beliau mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia.
- 3.16 Dalam perjumpaan tersebut, isu mengenai Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran yang telah ditetapkan untuk perbicaraan di ICJ telah dibangkitkan oleh Peguam Cara Negara. Tun Dr.



Mahathir telah dimaklumkan bahawa tarikh perbicaraan bagi kedua-dua permohonan tersebut telah ditetapkan seperti yang berikut:

Permohonan Semakan - 11 Jun 2018 hingga 15 Jun 2018;  
dan

Permohonan Tafsiran - 18 Jun 2018 hingga 22 Jun 2018.

3.17 Memandangkan tarikh perbicaraan kedua-dua permohonan tersebut sudah hampir, Peguam Cara Negara telah memohon arahan daripada Tun Dr. Mahathir sama ada kedua-dua permohonan tersebut perlu diteruskan atau tidak. Tun Dr. Mahathir telah bertanya sama ada Malaysia mempunyai kes yang kukuh atau sebaliknya. Peguam Cara Negara dalam kenyataan ABS bertarikh 28 Mei 2024 dalam menjawab soalan itu menyatakan seperti yang berikut:

“Saya terpaksa memohon maaf kepada beliau kerana tidak seorang pun dari kami (Peguam Cara Negara dan Peguam Cara Negara II) berada dalam kedudukan untuk memberitahu kepada beliau tentang merit kes itu kerana kami tidak terlibat, hanya Tan Sri Apandi dan peguam-peguam tempatan dan pakar luar negara yang dilantik [terlibat].”

3.18 Berikutan dengan itu, Tun Dr. Mahathir telah mengarahkan satu sesi taklimat diberikan kepada beliau oleh pihak-pihak yang mengetahui mengenai kedua-dua permohonan tersebut.

3.19 Selepas pertemuan itu, Peguam Cara Negara telah mengutus surat bertarikh 16 Mei 2018 memohon tarikh lapang Tun Dr. Mahathir bagi mendapatkan arahan selanjutnya mengenai pendirian Malaysia berhubung kedua-dua permohonan tersebut.

3.20 Lanjutan daripada itu, Peguam Cara Negara telah mengarahkan Datuk Azian, Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara untuk mengatur satu sesi taklimat kepada Tun Dr. Mahathir. Taklimat telah diadakan di Pejabat Sementara Perdana Menteri di Yayasan Kepimpinan Perdana di Cyberjaya. Mereka yang hadir di taklimat tersebut ialah seperti yang berikut:

**Kementerian Luar Negeri**

- (i) Dato' Seri Ramlan bin Ibrahim  
(Ketua Setiausaha);
- (ii) YM Raja Dato' Nushirwan bin Zainal Abidin  
(Timbalan Ketua Setiausaha (Hubungan Dua Hala));
- (iii) Dato' Dr. Azfar bin Mohamad Mustafa  
(Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Maritim); dan
- (iv) Datuk Eldeen Husaini bin Mohd Hashim  
(Setiausaha Bahagian Asia Tenggara).

**Jabatan Peguam Negara**

- (i) Datuk Azian binti Mohd Aziz  
(Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa);
- (ii) Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin  
(Timbalan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa II);
- (iii) Tuan Alfian bin Yang Amri  
(Ketua Seksyen Perkara Persempadanan, Wilayah dan Maritim, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa); dan

- (iv) Dr. Suraya binti Harun  
(Peguam Kanan Persekutuan, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa).

### **Perunding Tempatan dan Antarabangsa**

- (i) Dato' Firoz Hussein bin Ahmad Jamaluddin  
Peguam Tempatan;
- (ii) Dato' Abu Bakar As-Sidek bin Dato' Haji Mohd Sidek  
Peguam Tempatan; dan
- (iii) Dr. Brendan Plant  
Perunding Antarabangsa.

3.21 Taklimat yang diadakan pada 17 Mei 2018 telah disampaikan oleh Dr. Brendan Plant. Dalam taklimat tersebut, Tun Dr. Mahathir telah mengemukakan beberapa pertanyaan yang telah dijawab oleh Dr. Brendan Plant. Berdasarkan keterangan saksi, jawapan yang telah diberikan oleh Dr. Brendan Plant kepada Tun Dr. Mahathir adalah selari dengan *legal opinion* yang telah diberikan oleh perunding antarabangsa yang menjadi asas untuk Malaysia memfailkan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran.

3.22 Semasa taklimat, tidak ada antara mereka yang hadir di dalam sesi taklimat tersebut telah memberi sebarang pandangan atau ulasan terhadap taklimat yang diberikan oleh Dr. Brendan Plant. Di akhir sesi taklimat, Tun Dr. Mahathir tidak membuat sebarang keputusan. Menurutnya, beliau memerlukan masa untuk membuat keputusan.

3.23 Susulan daripada sesi taklimat tersebut, Tun Dr. Mahathir telah mengutus surat bertarikh 21 Mei 2018 kepada Peguam Cara Negara dengan menyatakan seperti yang berikut:

“...setelah meneliti cadangan tafsiran *Case Concerning The Sovereignty Over Pedra Branca, Middle Rock and South Ledge* di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), saya berpendapat bahawa usaha ini tidak perlu diteruskan.”

3.24 Jabatan Peguam Negara yang menerima surat Tun Dr. Mahathir pada 22 Mei 2018 telah dengan segera mengambil tindakan. Pada 23 Mei 2018, Peguam Cara Negara telah menghantar sepucuk surat kepada Peguam Negara Singapura bagi menyampaikan keputusan Malaysia untuk tidak meneruskan tindakan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran. Perenggan 2 surat tersebut menyatakan:

*“2. Following the recent political development and change of government in Malaysia, and having regard to the close bilateral relations and high importance of maintaining and enhancing good bilateral relations between Malaysia and Singapore, as well as the courtesy call by His Excellency Lee Hsien Loong, the Prime Minister of Singapore on YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, the Prime Minister of Malaysia on 19 May 2018, I have been instructed to convey to you the view and wish of the Prime Minister and the Government of Malaysia to discontinue the two pending International Court of Justice (ICJ) cases, the oral proceedings of which were scheduled to commence in The Hague on 11 June 2018 and 18 June 2018 respectively.”*

3.25 Seterusnya perenggan lima (5) surat tersebut menyatakan:

*“5. In connection with the above, I would be grateful if Your Excellency could communicate the view and wish of the Prime Minister and the Government of Malaysia for the Application for Revision and Application for Interpretation to be discontinued to the attention of the Prime Minister and the Government of the Republic of Singapore as soon as possible.”*

3.26 Peguam Negara Singapura telah menjawab surat Peguam Cara Negara Malaysia pada hari yang sama iaitu pada 23 Mei 2018. Perenggan dua (2) surat tersebut menyatakan:

*“ 2. As requested at paragraph 5 of your letter, I have conveyed to the Prime Minister and the Government of Singapore the view and wish of the Prime Minister and the Government of Malaysia to discontinue the Revision Application and the Interpretation Application. I am pleased to inform your Excellency that my Prime Minister and Government welcome Malaysia's intention to discontinue the Revision and Interpretation Applications. We agree fully on the importance of the close bilateral ties between Singapore and Malaysia, and are confident that this step will help to enhance our strong ties.”*

3.27 Berikutan dengan keputusan tersebut, Dato' Ahmad Nazri bin Yusof, Duta Besar Malaysia ke The Hague, Belanda, yang juga merupakan Ejen Bersama (Co-Agent) Malaysia telah menulis surat bertarikh 28 Mei 2018 kepada Pendaftar ICJ untuk memaklumkan bahawa Malaysia tidak akan meneruskan kedua-dua permohonan tersebut.

3.28 Peguam Negara Singapura sebagai Ejen Kerajaan Singapura pula telah menulis surat kepada Pendaftar ICJ memaklumkan persetujuan atas notis tidak meneruskan tindakan oleh Malaysia.

3.29 Pendaftar ICJ melalui surat 29 Mei 2018 telah mengisytiharkan bahawa permohonan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut telah direkodkan dan telah mengeluarkan arahan supaya kedua-dua permohonan tersebut dikeluarkan daripada senarai kes ICJ.

(Surat Peguam Negara Singapura bertarikh 23 Mei 2018, surat Peguam Negara Singapura bertarikh 23 Mei 2018, Surat Dato' Ahmad Nazri bin Yusuf kepada Pendaftar ICJ bertarikh 28 Mei 2018, Surat Peguam Negara Singapura kepada Pendaftar ICJ bertarikh 29 Mei 2018 dan Surat Pendaftar ICJ bertarikh 29 Mei 2018 ditanda sebagai Ekshibit di dalam Jilid 7)

### **Tun Dr. Mahathir bin Mohamad**

3.30 Suruhanjaya telah mengenal pasti Tun Dr. Mahathir sebagai salah seorang saksi yang perlu hadir memberi keterangan di dalam prosiding Suruhanjaya. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya mendapati Tun Dr. Mahathir adalah merupakan saksi keberatan (*reluctant witness*). Beliau telah menggunakan pelbagai alasan untuk mengelak diri daripada menghadiri prosiding Suruhanjaya.

3.31 Pegawai Pengendali seawal 25 April 2024 telah menghubungi peguam Tun Dr. Mahathir iaitu Encik Muhammad Rafique Rashid Ali (Encik Rafique) bagi memaklumkan hasrat Suruhanjaya untuk memanggil Tun Dr. Mahathir sebagai saksi. Untuk tujuan tersebut,

pada 16 Mei 2024, Pegawai Pengendali telah menghantar e-mel soalan-soalan di dalam bentuk ABS melalui peguamnya, Encik Rafique.

3.32 Pada 20 Mei 2024, Encik Rafique telah menghantar surat balasan kepada Suruhanjaya memaklumkan bahawa Tun Dr. Mahathir tidak akan mengemukakan keterangan bertulis dalam bentuk ABS dan akan hadir menjawab secara lisan di dalam prosiding Suruhanjaya.

### **Permohonan Lisan Tun Dr. Mahathir**

3.33 Semasa prosiding bermula pada pagi 21 Mei 2024, peguam-peguam Tun Dr. Mahathir iaitu Encik Zainur Zakaria dan Encik Rafique telah hadir dan membuat beberapa permohonan lisan kepada Suruhanjaya. Keputusan Suruhanjaya terhadap permohonan lisan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) permohonan Tun Dr. Mahathir supaya prosiding Suruhanjaya dijalankan secara terbuka adalah ditolak;
- (ii) permohonan Tun Dr. Mahathir untuk melarang Tun Md Raus Sharif daripada bertindak sebagai Pengerusi Suruhanjaya dan untuk menghalang Datuk Dr. Baljit Singh Sidhu dan Dato' Mohammed Ridha bin Dato' Abd Kadir daripada menjadi ahli Suruhanjaya atas alasan terdapat bahaya berat sebelah yang nyata (*real danger of bias*) adalah ditolak. Suruhanjaya memutuskan bahawa tiada isu berkenaan bahaya berat sebelah yang nyata berbangkit;
- (iii) permohonan Tun Dr. Mahathir supaya beliau dan peguam beliau hadir sepanjang prosiding tersebut adalah ditolak. Skop

Suruhanjaya jelas memperuntukkan bahawa “*perjalanan prosiding siasatan Suruhanjaya dikehendaki dilaksanakan secara tertutup*”. Suruhanjaya memutuskan bahawa berdasarkan seksyen 18 Akta 119, Tun Dr. Mahathir bukan merupakan hal perkara siasatan Suruhanjaya;

- (iv) permohonan supaya senarai saksi dalam siasatan Suruhanjaya dikemukakan kepada Tun Dr. Mahathir dan kebenaran saksi-saksi tersebut disoal balas oleh Tun Dr. Mahathir adalah juga ditolak. Suruhanjaya memutuskan bahawa Tun Dr. Mahathir bukan pihak kepada prosiding ini dan beliau hanya merupakan seorang saksi;
- (v) permohonan supaya salinan dokumen-dokumen yang akan digunakan dalam prosiding Suruhanjaya dibekalkan kepada Tun Dr. Mahathir adalah ditolak. Suruhanjaya memutuskan bahawa siasatan Suruhanjaya merupakan prosiding tertutup dan kebanyakan dokumen-dokumen tersebut adalah diklasifikasikan sebagai rahsia; dan
- (vi) permohonan bahawa Aturan-aturan dan Prosedur (*Rules and Procedures*) siasatan Suruhanjaya dibekalkan kepada Tun Dr. Mahathir adalah ditolak. Suruhanjaya memutuskan bahawa Aturan-aturan dan Prosedur Siasatan Suruhanjaya adalah mengikut Akta 119 dan juga ada dinyatakan di dalam Warta (*Gazette*) P.U.(B)169 bertarikh 6 Mei 2024 yang boleh diakses di domain awam.

(Warta (*Gazette*) P.U.(B)169 bertarikh 6 Mei 2024 ditanda sebagai Ekshibit di dalam Jilid 7)



## Permohonan Semakan Kehakiman

3.34 Tun Dr. Mahathir yang tidak berpuas hati dengan keputusan Suruhanjaya seperti di atas telah memfailkan satu permohonan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk kebenaran memulakan prosiding semakan kehakiman terhadap Pesuruhjaya-Pesuruhjaya dan juga Setiausaha Suruhanjaya (Responden-Responden). Dalam permohonan yang difailkan pada 5 Jun 2024 tersebut, Tun Dr. Mahathir (Pemohon) telah memohon perintah-perintah seperti yang berikut:

- (i) suatu deklarası bahwa Pemohon adalah seorang individu yang mana kelakuannya menjadi perkara siasatan ini atau orang yang terlibat atau berkaitan dengan perkara yang sedang disiasat oleh Suruhanjaya bagi Mengkaji Perkara Pengendalian Isu Berkaitan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119];
- (ii) satu perintah *Mandamus* terhadap Responden 1 hingga 8 dan mana-mana Pesuruhjaya melakukan perkara-perkara berikut:
  - (a) membenarkan Pemohon dan peguamnya hadir sepanjang prosiding Suruhanjaya;
  - (b) menyerahkan kepada Pemohon dan peguamnya kesemua dokumen, senarai saksi dan/atau bukti dokumentar yang akan dibentangkan semasa prosiding Suruhanjaya; dan
  - (c) menjalankan prosiding Suruhanjaya secara terbuka kepada umum;

- (iii) satu perintah larangan yang melarang:
  - (a) Responden Pertama (Tun Md Raus bin Sharif) bertindak selaku Pengerusi Suruhanjaya; dan
  - (b) Responden Ketiga (Datuk Dr. Baljit Singh Sidhu) dan Keenam (Dato' Haji Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd Kadir) daripada menjadi Pesuruhjaya-Pesuruhjaya; dan
- (iv) satu perintah bahawa supaya prosiding Suruhanjaya ditangguhkan sehingga penyelesaian akhir Permohonan Semakan Kehakiman, mengikut Aturan 54 Kaedah 3(8) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

3.35 Pada 12 Jun 2024, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menolak semua perintah-perintah yang dimohon oleh Tun Dr. Mahathir kecuali perintah membenarkan Tun Dr. Mahathir dan peguamnya hadir sepanjang prosiding Suruhanjaya. Tarikh bicara di hadapan Mahkamah Tinggi untuk penghujahan mengenai isu tersebut telah ditetapkan pada 4 September 2024.

### **Tun Dr. Mahathir Sebagai Saksi**

3.36 Mengikut panggilan saksi (sepina) yang diserahkan kepada Tun Dr. Mahathir, beliau sepatutnya hadir di prosiding Suruhanjaya pada 12 Jun 2024, jam 9.00 pagi. Walau bagaimanapun, melalui surat peguamnya bertarikh 20 Mei 2024, beliau telah memohon agar pendengaran prosiding ditangguhkan kepada jam 11.00 pagi pada tarikh yang sama. Suruhanjaya telah membenarkan permohonan tersebut.

3.37 Sebaik sahaja keputusan Mahkamah diberi pada 12 Jun 2024, Tun Dr. Mahathir pada hari yang sama pada jam 11.00 pagi telah hadir memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya. Sebelum memberi keterangannya pada hari tersebut, Tun Dr. Mahathir pada 11 Jun 2024 telah terlebih dahulu mengemukakan ABS11 yang mengandungi jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Pegawai Pengendali.

3.38 Tun Dr. Mahathir dalam keterangannya telah menyatakan perkara-perkara penting seperti yang berikut:

- (i) surat beliau bertarikh 21 Mei 2018 kepada Peguam Cara Negara bukanlah merupakan suatu keputusan yang mengarahkan Peguam Cara Negara supaya tidak meneruskan kedua-dua permohonan tetapi hanyalah merupakan pendapatnya sahaja;
- (ii) keputusan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut adalah merupakan keputusan Jemaah Menteri yang bersidang pada 23 Mei 2018;
- (iii) keputusan beliau untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut adalah bersandarkan kepada alasan:
  - (a) Perjanjian Khas antara Malaysia dan Singapura di mana kedua-dua negara telah bersetuju untuk membawa kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan ke ICJ dan kedua-dua negara akan akur dengan keputusan yang dibuat oleh ICJ dan bersetuju bahawa tiada rayuan dibuat; dan

- (b) tiga (3) fakta [dokumen baharu] yang menjadi asas untuk digunakan bagi mendapatkan kembali hak Malaysia ke atas Batu Puteh adalah sangat lemah untuk meyakinkan ICJ dalam mempertimbangkan semula keputusannya.
- (iv) bahawa kedua-dua permohonan adalah sangat lemah untuk meyakinkan ICJ berdasarkan penelitian beliau terhadap dokumen-dokumen yang diterima daripada Jabatan Peguam Negara pada 16 Mei 2018 dan berpandukan kepada perbincangan beliau dengan Dr. Brendan Plant sebelum sesi taklimat dan semasa sesi taklimat bertarikh 17 Mei 2018.

### **Surat Tun Dr. Mahathir Bertarikh 21 Mei 2018**

- 3.39 Untuk menjadi lebih jelas diperturunkan keseluruhan surat Tun Dr. Mahathir bertarikh 21 Mei 2018 kepada Peguam Cara Negara seperti di bawah:

TERBUKA



PERDANA MENTERI  
MALAYSIA

21 Mei 2018

YBhg Datuk Engku Nor Faizah Engku Atek  
Peguam Cara Negara Malaysia  
Jabatan Peguam Negara, Malaysia (AGC)  
No.45, Persiaran Perdana  
Presint 4,  
62100 Putrajaya



*YBhg Datuk,*

*To' Puan Again,  
Kita sudah berakap.  
Silalah anda perhati  
indikator sebagai mana  
yang dibincangkan  
mfazah  
22/5/18*

**PERMOHONAN SEMAKAN DAN PERMOHONAN TAFSIRAN KEPUTUSAN  
CASE CONCERNING THE SOVEREIGNTY OVER PEDRA BRANCA,  
MIDDLE ROCK AND SOUTH LEDGE DI MAHKAMAH KEADILAN  
ANTARABANGSA (ICJ)**

Setelah meneliti cadangan tafsiran keputusan Case Concerning the Sovereignty Over Pedra Branca, Middle Rock and South Ledge di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), saya berpendapat bahawa usaha ini tidak perlu diteruskan. PEGUAM CARA NEGARA

Sebaliknya perancangan dibuat untuk tebusguna lautan sekeliling Middle Rock yang dimiliki oleh Malaysia.

Saya juga ingin tahu kos penubuhan pasukan peguam tempatan dan asing termasuk resit pembayaran kepada mereka.

*Salam hormat*

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD

- 3.40 Perkara pertama yang boleh diperhatikan daripada surat tersebut ialah kandungan surat tersebut hanya merujuk kepada Permohonan Tafsiran dan tidak termasuk Permohonan Semakan. Keduanya, surat tersebut menyebut “saya berpendapat”.
- 3.41 Peguam Cara Negara, Datuk Engku Nor Faizah, memahami surat tersebut merujuk kepada kedua-dua permohonan. Beliau juga memahami bahawa surat tersebut adalah merupakan arahan Tun Dr. Mahathir supaya usaha berkaitan kedua-dua permohonan tersebut tidak perlu diteruskan. Dengan itu, beliau telah mengambil tindakan menghubungi pihak Singapura untuk memberitahu bahawa Malaysia tidak akan meneruskan kedua-dua permohonan tersebut.
- 3.42 Datuk Engku Nor Faizah tidak dipanggil sebagai saksi dalam prosiding Suruhanjaya kerana keadaan kesihatan beliau yang tidak mengizinkan beliau untuk hadir. Walau bagaimanapun, beliau telah memberi kenyataan melalui ABS bertarikh 28 Mei 2024 dan 14 Jun 2024 yang dilampirkan dengan transkrip temu ramah PPK bertarikh 17 Mei 2022.

(ABS bertarikh 28 Mei 2024 dan 14 Jun 2024 yang dilampirkan dengan transkrip temu ramah PPK bertarikh 17 Mei 2022 ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 2)

- 3.43 Daripada keterangan melalui dokumen-dokumen tersebut, terdapat asas untuk Peguam Cara Negara memahami bahawa surat Tun Dr. Mahathir bertarikh pada 21 Mei 2018 adalah merujuk kepada kedua-dua permohonan dan ianya merupakan suatu arahan oleh Tun Dr. Mahathir. Ini boleh diimbau daripada kronologi sebelum

surat tersebut dikeluarkan. Kronologi tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) semasa pertemuan antara Tun Dr. Mahathir, Peguam Cara Negara dan Peguam Cara Negara II pada 14 Mei 2018, Jabatan Peguam Negara telah memohon arahan daripada Tun Dr. Mahathir sama ada kedua-dua permohonan tersebut perlu diteruskan atau sebaliknya. Oleh kerana kedua-dua Peguam Cara Negara tidak berada dalam kedudukan untuk memberitahu Tun Dr. Mahathir tentang merit kedua-dua permohonan tersebut maka Tun Dr. Mahathir telah mengarahkan agar satu sesi taklimat diberikan kepada beliau oleh pihak-pihak yang mengetahui mengenai kedua-dua permohonan;
- (ii) berikutan dengan perbincangan pada 14 Mei 2018, Peguam Cara Negara telah menyusul dengan surat kepada Tun Dr. Mahathir bertarikh 16 Mei 2018 yang mengandungi maklumat ringkas mengenai kedua-dua permohonan tersebut. Melalui surat tersebut Peguam Cara Negara telah mengemukakan *pleadings* serta *executive summary* kepada *pleadings* serta dokumen-dokumen yang berkaitan bagi kedua-dua permohonan tersebut termasuklah pandangan-pandangan undang-undang daripada perunding antarabangsa. Juga disertakan e-mel daripada Profesor Malcolm Shaw QC bertarikh 15 Mei 2018 yang baharu diterima oleh Jabatan Peguam Negara. Di akhir surat tersebut, Peguam Cara Negara menyatakan “Jabatan ini memohon tarikh lapang Tun Dr. Mahathir bagi sesi taklimat tersebut bagi mendapatkan

arahan selanjutnya berhubung dengan pendirian Malaysia berhubung dengan kedua-dua arahan tersebut”; dan

- (iii) di akhir taklimat yang telah diadakan pada 17 Mei 2018, Tun Dr. Mahathir mengatakan bahawa beliau akan memberi keputusan selepas mendapatkan pandangan peguam-peguam. Ini menjadi lebih jelas berdasarkan kepada pesanan melalui aplikasi *Whatsapp* yang dihantar oleh Datuk Azian kepada Datuk Engku Nor Faizah selepas taklimat berakhir:

“Dato’ SG @ 4.56pm:

*How was the briefing?*

Azian @ 4.57pm:

*He asked a few questions like how important is the White Rock to us. How did the ICJ decided that Middle Rocks belong to Malaysia. He also expressed concern if our chances of getting back White Rock is less than 50%. Whether is it worth the time and money to proceed with the case. Hence Tun wanted time to discuss the matter further with his lawyers?*

Azian @ 5.04pm:

*[Share a picture taken with Tun with captions “sempat bergambar dengan Tun”]*

Dato’ SG @5.31pm:

*His lawyers? Kitalah his lawyers (emoji).”*



3.44 Oleh yang demikian, adalah munasabah untuk Peguam Cara Negara mempunyai tanggapan dan kefahaman bahawa surat tersebut merupakan suatu arahan daripada Tun Dr. Mahathir supaya kedua-dua permohonan tersebut tidak diteruskan.

(Surat Peguam Cara Negara bertarikh 16 Mei 2018 berserta dengan dokumen-dokumen berkaitan dan e-mel Profesor Malcolm Shaw QC bertarikh 15 Mei 2018 dilampirkan sebagai Ekshibit di Jilid 7)

### **Adakah Jemaah Menteri Yang Membuat Keputusan**

3.45 Keterangan menunjukkan bahawa tindakan yang diambil oleh Peguam Cara Negara memaklumkan kepada Singapura bahawa Malaysia tidak berhasrat untuk meneruskan kedua-dua permohonan tersebut adalah berdasarkan kepada surat Tun Dr. Mahathir bertarikh 21 Mei 2018 dan bukan atas keputusan Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 23 Mei 2018 yang bermula pada jam 9.30 pagi. Keterangan juga menunjukkan bahawa keputusan tersebut telah disampaikan kepada Singapura pada pagi 23 Mei 2018 sebelum Mesyuarat Jemaah Menteri bermula. Perkara ini boleh dilihat sebagaimana yang berikut:

- (i) melalui salinan e-mel Puan Intan Diyana binti Ahamad, Peguam Kanan Persekutuan kepada Datuk Azian yang menyatakan bahawa Pesuruhjaya Tinggi Singapura telah dimaklumkan akan pandangan dan hasrat Tun Dr. Mahathir untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut pada 9.00 pagi 23 Mei 2018;

- (ii) sesalinan e-mel Encik Alfian Yang Amri bertarikh 23 Mei 2018 yang dihantar pada jam 1.12 tengah hari kepada Encik Sufi Yusni bin Md Yusoff, Pegawai Media Tun Dr. Mahathir yang melampirkan surat Jabatan Peguam Negara kepada Peguam Negara Singapura. Surat tersebut memaklumkan bahawa Tun Dr. Mahathir berhasrat untuk memberhentikan kedua-dua Permohonan dan surat tersebut telah diserahkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Singapura pada 23 Mei 2018. Encik Sufi Yusni bin Md Yusuff juga diminta untuk memaklumkan kepada Tun Dr. Mahathir untuk perhatian beliau sekiranya dihubungi oleh pihak Singapura;
- (iii) surat Datuk Engku Nor Faizah, Peguam Cara Negara bertarikh 24 Mei 2018 menyatakan:

“ Sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada YAB Tun, susulan daripada surat bertarikh 21 Mei 2018 yang menyatakan bahawa Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran tidak perlu diteruskan, Jabatan ini telah mengambil langkah untuk memaklumkan Kerajaan Republik Singapura akan pendirian Malaysia bahawa kedua-dua Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran Keputusan *Case Concerning The Sovereignty Over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge* tersebut tidak perlu diteruskan melalui surat bertarikh 23 Mei 2018 kepada Peguam Negara Singapura. Sesalinan surat tersebut dilampirkan sebagai Lampiran A untuk perhatian dan makluman YAB Tun.”

(Salinan e-mel Puan Intan Diyana binti Ahamad bertarikh 23 Mei 2018 dan salinan e-mel Encik Alfian Yang Amri bertarikh 23 Mei 2018 ditanda sebagai Ekshibit di Jilid 7)

- 3.46 Surat Peguam Cara Negara tersebut di atas tidak menyatakan bahawa keputusan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan adalah merupakan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri sebagaimana yang dinyatakan oleh Tun Dr. Mahathir. Adalah juga diperhatikan bahawa Tun Dr. Mahathir tidak mempertikaikan dan/atau menafikan mahupun membetulkan kandungan surat Peguam Cara Negara tersebut bagi memperjelaskan bahawa surat beliau bertarikh 21 Mei 2018 hanyalah merupakan satu pendapat semata-mata dan bukanlah merupakan suatu keputusan atau arahan.
- 3.47 Dengan alasan-alasan tersebut, Suruhanjaya tidak dapat menerima dakwaan Tun Dr. Mahathir bahawa surat bertarikh 21 Mei 2018 supaya Malaysia tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut merupakan suatu pendapat beliau semata-mata. Sebaliknya, surat tersebut merupakan suatu keputusan.
- 3.48 Pada 23 Mei 2018, Tun Dr. Mahathir telah membawa isu untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut di Mesyuarat Jemaah Menteri di bawah tajuk "Hal-Hal Lain".
- 3.49 Berdasarkan minit Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 23 Mei 2018, Jemaah Menteri mengambil maklum mengenai pandangan dan alasan Tun Dr. Mahathir untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan seperti yang berikut:

- (i) Perjanjian Khas di mana Malaysia dan Singapura bersetuju membawa kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan ke ICJ telah menyatakan bahawa kedua-dua pihak akan akur dengan keputusan yang akan dibuat oleh ICJ dan bersetuju supaya tiada rayuan dikemukakan; dan
- (ii) tiga (3) fakta [dokumen baharu] yang menjadi asas untuk digunakan bagi mendapatkan kembali hak Malaysia ke atas Batu Puteh adalah sangat lemah untuk meyakinkan ICJ dalam mempertimbangkan semula keputusannya.

3.50 Jemaah Menteri kemudiannya telah memutuskan:

“(i) supaya Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran Keputusan *Sovereignty Over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks/Batuan Tengah and South Ledge/Tubir Selatan* (Malaysia/Singapura) oleh Malaysia di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa tidak diteruskan.”

### **Status Perjanjian Khas**

3.51 Suruhanjaya mendapati bahawa Artikel 6 Perjanjian Khas yang ditandatangani oleh Malaysia dan Singapura, memperuntukkan seperti yang berikut:

*“The Parties agree to accept the Judgement of the Court given pursuant to this Special Agreement as final and binding upon them.”*

Peruntukan di atas adalah selari dengan Artikel 60 Statut ICJ yang memperuntukkan bahawa keputusan ICJ adalah muktamad dan

tidak boleh dirayu. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berpendapat bahawa rayuan adalah berbeza dengan permohonan semakan atau permohonan tafsiran. Adalah diperakui bahawa Statut ICJ tidak membuat peruntukan mengenai rayuan tetapi menyediakan peruntukan mengenai semakan dan tafsiran. Adalah jelas bahawa, Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran yang difailkan oleh Malaysia tidak boleh ditakrifkan atau disamakan sebagai rayuan.

3.52 Suruhanjaya berpendapat bahawa pandangan Tun Dr. Mahathir di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 23 Mei 2018 dengan bersandarkan kepada Perjanjian Khas sebagai alasan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut adalah tidak tepat dan tidak boleh dipertahankan (*untenable*). Ini adalah kerana kedua-dua permohonan tersebut merupakan satu kesinambungan proses (*continuing process*) dan bukannya merupakan suatu rayuan yang terjumlah sebagai memungkir Perjanjian Khas.

3.53 Perlu dijelaskan bahawa Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran oleh Malaysia terhadap keputusan ICJ adalah sebagaimana yang diperuntukkan oleh Statut ICJ. Tambahan pula, keputusan Malaysia untuk membawa kedua-dua permohonan tersebut telah dibincangkan oleh Jemaah Menteri terdahulu secara menyeluruh dengan pembentangan melalui Memorandum Jemaah Menteri. Berbanding dengan keputusan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut, tiada Memorandum Jemaah Menteri dibentangkan. Keputusan dibuat hanya berpandukan kepada pandangan dan penjelasan Tun Dr. Mahathir semasa isu mengenai kedua-dua permohonan tersebut dibawa kepada perhatian

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Mei 2018 di bawah tajuk “Hal-Hal Lain”.

### **Kes Malaysia Lemah**

3.54 Alasan kedua yang diberikan oleh Tun Dr. Mahathir kepada Jemaah Menteri supaya Malaysia tidak perlu meneruskan kedua-dua permohonan tersebut adalah bahawa tiga (3) fakta [dokumen terbaharu] yang digunakan bagi mendapatkan kembali Batu Puteh adalah sangat lemah untuk meyakinkan ICJ dalam menimbangkan semula keputusannya. Semasa memberi keterangan dan ditanya apakah asas beliau berpendapat sedemikian, beliau menyatakan:

- (i) atas beberapa pandangan perundangan (*legal opinions*) yang dibuat oleh perunding antarabangsa yang dikemukakan kepada beliau oleh Jabatan Peguam Negara;
- (ii) pertemuan dengan Dr. Brendan Plant sebelum taklimat pada 17 Mei 2018; dan
- (iii) berdasarkan taklimat yang diberikan oleh Dr. Brendan Plant yang menyatakan kes Malaysia adalah sangat lemah.

3.55 Dr. Brendan Plant dalam kenyataannya menafikan beliau ada bertemu Tun Dr. Mahathir secara bersendirian sebelum sesi taklimat pada 17 Mei 2018. Ini boleh dilihat melalui soal jawab oleh Pegawai Pengendali dan Dr. Brendan Plant seperti yang berikut:

Q : *Before the briefing session with Prime Minister on 17 May 2018, had you ever met or had any prior engagement with*

*the Prime Minister Tun. Dr. Mahathir? If yes, please explain when and on what occasion?*

A : *No, my one and only engagement with Dr. Mahathir in my life was in that room in that meeting.*

3.56 Dr. Brendan Plant dalam pernyataannya menafikan ada menyatakan semasa sesi taklimat atau pada bila-bila masa bahawa Malaysia mempunyai kes yang sangat lemah dalam kedua-dua Permohonan tersebut. Dr. Brendan Plant telah ditanya dengan soalan berikut:

Q : *At the point of 15 May 2018 thereabout, based on the documents and references that you have regarding the Application for the Review and the Interpretation case filed by Malaysia in ICJ, do you feel confident that Malaysia would have a chance of reversing the decision made by the ICJ on 23 May 2008 or is it your view that Malaysia does not have a strong case and that withdrawing both the Application for a Review and Interpretation was a far better option to take?*

A : *So, our view was and my view personally was consistent throughout. We knew that this was difficult. We knew that it would be precedent setting to succeed in these cases but of course one of the reasons for that is a lot of the applications made in the past for revision by other States were very weak. We were alive to the fact that the court probably wouldn't be very excited if I can put it in those terms, about revising a judgment or revisiting its original judgment but as we've said repeatedly there was available to Malaysia a plausible case. There was a credible basis both for the revision and for the interpretation. The revision, the difficulty is of course you need new*

*documents. New documents that were not known at the time the original proceedings were brought, new documents that could not have been known at the time the original proceedings were brought through no negligence of, in this case Malaysia, there was no way they could have known these documents existed or had access to them but that those documents go to the Hague of the decision the binding decision rendered by the ICJ and one of the things that we thought was important and why we thought there was a credible case was available to Malaysia related not only to the fact that there were these new documents and not just one but a few 3 clear additional documents but that the way in which the original proceedings were argued, the way the submissions developed in writing and orally, were very different from the decision which the court produced. The court, 2008 decision is based on a case theory which was not presented by either Malaysia or Singapore in those original proceedings. So, it was somewhat surprising and this is part of what I had written about before I became involved in this case at all. It was surprising to me that the court had come up with an approach that didn't really match with the dynamics of those proceedings. So, these new documents seemed could carry some significance to us, given the fact that this unusual or this unexpected case theory became the basis for the decision. So, there was a credible basis but we always knew that it would be difficult to persuade the court to take such a significant step as correcting its judgment but there were pretty sound as I say, plausible, credible basis for proceeding. Personally, I thought that the interpretation case had an*



*even better prospect because it was apparent in the evidence that we were privy to that Malaysia and Singapore did not share an understanding of the operative part of the 2008 decision. There were various incidents which occurred as a result of that divergent understanding and given that some language which was vague which was somewhat circular which included ambiguity was present in the operative part of the 2008 judgment. We thought that there was a decent chance that the court might be persuaded to clarify what they had previously meant in the interpretation basis. Again, it's novel, this doesn't happen often it's never been successful before or since but we thought in these particular circumstances, there was a credible argument to be made and there was certainly there were meritorious claims and there was a chance of success.*

- 3.57 Mengenai sama ada tindakan Malaysia untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan ini adalah merupakan pilihan terbaik, Dr. Brendan Plant berpendapat seperti yang berikut:

*"It was not my view that withdrawal was a far better option. It was pretty clear to me on the basis of 10 years of paralysis isn't the right word but of some of uncertainties in the relations between Malaysia and Singapore in and around the features. In question it was pretty clear that there wasn't a consensus view on what that original judgment meant. As I say, I think that taking the matter to an independent tribunal was going to be a useful mechanism for clearing that blockage. Let's remember that has happened before. We were mindful of the fact that Malaysia and Singapore had successfully engaged in international dispute settlement processes*

*before and I think of the land reclamation arbitration in particular. So, no, it is not my view that withdrawal was a better option. It was certainly not a far better option.”*

3.58 Berdasarkan kenyataan di atas, adalah jelas bahawa Dr. Brendan Plant tidak pernah menyatakan bahawa Malaysia mempunyai kes yang sangat lemah dalam kedua-dua permohonan tersebut. Beliau juga tidak pernah menyatakan bahawa menarik balik kedua-dua permohonan adalah merupakan pilihan yang lebih baik.

3.59 Semasa sesi taklimat, terdapat saksi-saksi termasuk Tun Dr. Mahathir yang menyatakan Dr. Brendan Plant ada menyebut perkataan bahawa Malaysia tidak mempunyai *silver bullet* untuk berjaya dalam kedua-dua permohonan tersebut. Apabila ditanya sama ada beliau ada menyatakan sedemikian, Dr. Brendan Plant menjelaskan seperti yang berikut:

*“If I use that term it would have been to say that the truism that you are never guaranteed of a win in any case before any court in any system that if there is no silver bullet there is no way it gets, another phrase would be something like slam dunk. There is no guarantee that you will win and I think this might have been I might have been asked about the prospects for success. I restated our position that there's an arguable case we have a credible basis for bringing the claim that has merit but of course we can't guarantee a win. I can't say that there's a silver bullet that will 100% guarantee that the ICJ finding our favor but there was a credible plausible case to present. So that's a truism of litigation in throughout the world. Maybe well, at least it's a truism where the rule of law obtains you have no guarantee that's what that phrase would mean. I believe, I don't*

*remember using it but it also I wouldn't say that's not a phrase that I would not use. I would be ready to agree that I would say a word like that but that would have meant that there is no guarantee as to the outcome in a court case as I tell my students if you know what the outcome of a court case is going to be, you normally don't bother going to court."*

### **Keterangan YB M. Kula Segaran a/l V. Murugeson**

3.60 YB M. Kula Segaran a/l V. Murugeson (YB M. Kula Segaran) salah seorang Menteri yang hadir dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Mei 2018 dalam ABS13 menyatakan pengalamannya sebagai seorang peguam seperti yang berikut:

*"...from my professional experience as a practicing lawyer, winning or losing cases in court are entirely normal. There will always the cases that we think we are going to win but we end up losing, and cases that we think we are going to lose but at the end winning. Such is litigation."*

3.61 Apa yang dinyatakan oleh YB M. Kula Segaran seperti di atas adalah selari dengan apa yang dikatakan oleh Dr. Brendan Plant bahawa *"there is no guarantee as to the outcome in a court case."* Suruhanjaya menerima hakikat bahawa kalah atau menang dalam perbicaraan di mana-mana mahkamah adalah sukar untuk diramalkan.

3.62 YB M. Kula Segaran dalam keterangannya di hadapan Suruhanjaya menyatakan perkara-perkara yang berikut:

- (i) beliau telah dilantik sebagai Menteri Sumber Manusia pada 21 Mei 2018;
- (ii) pada 23 Mei 2018, beliau telah menghadiri Mesyuarat Jemaah Menteri yang pertama di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri;
- (iii) pada Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut, selain daripada Perdana Menteri, hanya terdapat tiga belas (13) orang Menteri yang menganggotai Jemaah Menteri;
- (iv) semasa Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut, Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran Kes Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di ICJ telah dibangkitkan oleh Tun Dr. Mahathir di bawah tajuk “Hal-hal Lain”;
- (v) beliau mengesahkan bahawa tiada Memorandum Jemaah Menteri disediakan untuk membincangkan sama ada Kerajaan hendak meneruskan kedua-dua permohonan yang menunggu perbincangan di ICJ;
- (vi) keputusan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan adalah berpandukan penerangan dan penjelasan oleh Tun Dr. Mahathir yang mengambil masa kurang dari sepuluh (10) minit;
- (vii) Jemaah Menteri tidak dibekalkan pandangan undang-undang yang disediakan oleh perunding antarabangsa, *pleadings* serta *executive summary* kepada *pleadings* tersebut dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kedua-dua permohonan tersebut; dan

(viii) tiga (3) fakta [dokumen baharu] yang dikatakan oleh Tun Dr. Mahathir adalah sangat lemah tidak dibekalkan kepada Jemaah Menteri.

3.63 YB M. Kula Segaran juga mengatakan bahawa hampir semua Menteri yang menghadiri Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Mei 2018 adalah merupakan muka-muka baharu yang pertama kali menghadiri Mesyuarat Jemaah Menteri. Beliau menyatakan bahawa pada ketika itu, beliau tidak mengetahui tentang adanya keperluan untuk Memorandum Jemaah Menteri disediakan bagi perkara-perkara dasar yang mempunyai implikasi dan kepentingan besar kepada negara meliputi dasar ekonomi, kewangan, pembangunan, sosial, bencana alam dan hubungan luar.

3.64 YB M. Kula Segaran seterusnya menyatakan bahawa beliau merasa tidak selesa dengan keputusan Jemaah Menteri untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut. Menurutnyanya sebaik sahaja Mesyuarat Jemaah Menteri selesai, beliau telah pergi berjumpa dengan Tun Dr. Mahathir dan menyatakan bahawa beliau tidak selesa dengan keputusan tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut kerana ianya melibatkan isu kedaulatan negara. Menurut YB M. Kula Segaran, Tun Dr. Mahathir tidak memberi sebarang reaksi terhadap ketidakselesaian beliau.

3.65 Suruhanjaya berpendapat, pandangan yang diberikan oleh Tun Dr. Mahathir kepada Jemaah Menteri bahawa tiga (3) fakta [dokumen baharu] yang dijadikan asas untuk mendapatkan kembali Batu Puteh adalah sangat lemah untuk menyakinkan ICJ dalam mempertimbangkan semula keputusannya adalah pandangan peribadi beliau.

Ini mengakibatkan keputusan Jemaah Menteri pada 23 Mei 2018 dibuat tanpa melalui perbincangan yang menyeluruh kerana Jemaah Menteri tidak dibekalkan dengan pandangan undang-undang oleh perunding antarabangsa, *pleadings* serta *executive summary* kepada *pleadings* tersebut, dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kedua-dua permohonan serta e-mel daripada Profesor Malcolm Shaw QC sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Peguam Cara Negara kepada Tun Dr. Mahathir pada 16 Mei 2018.

3.66 Tan Sri Mazidah binti Abdul Majid, Timbalan Ketua Setiausaha di Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan (BKPP), Jabatan Perdana Menteri dalam Akuan Berkanun Saksi mengesahkan telah berlangsung satu Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Mei 2018. Menurut Tan Sri Mazidah binti Abdul Majid, Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran Kes Batu Puteh di ICJ telah dibincangkan di bawah "Hal-Hal Lain". Tiada Memorandum Jemaah Menteri disediakan mengenai perkara tersebut dan beliau tidak mengetahui alasan kenapa Memorandum Jemaah Menteri tidak disediakan.

3.67 Menurut Tan Sri Mazidah binti Abdul Majid, berdasarkan kepada Perkara 4.1 Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Tahun 2008, Memorandum perlu disediakan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri antara lain, bagi perkara-perkara dasar yang mempunyai implikasi dan kepentingan besar kepada negara meliputi dasar ekonomi, kewangan, pembangunan, sosial, bencana alam dan hubungan luar.

- 3.68 Suruhanjaya mendapati bahawa keputusan untuk tidak meneruskan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran berkaitan dengan kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan merupakan perkara-perkara dasar dan melibatkan hubungan luar yang mempunyai implikasi dan kepentingan besar kepada negara. Tindakan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut telah mengakibatkan Malaysia kehilangan hak kedaulatan terhadap Batu Puteh secara kekal. Seharusnya, Memorandum Jemaah Menteri disediakan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri dan bukannya dibincangkan di bawah tajuk “Hal- Hal Lain”.
- 3.69 Suruhanjaya mendapati keputusan Jemaah Menteri pada 23 Mei 2018 yang memutuskan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut hanyalah sekadar mengesahkan pandangan dan pendapat Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri. Daripada keterangan yang dikemukakan di hadapan Suruhanjaya oleh saksi-saksi, tiada pandangan undang-undang sama ada daripada perunding antarabangsa atau perunding tempatan yang dilantik oleh Kerajaan yang memberi pandangan atau pendapat sedemikian. Malahan juga, tiada pendapat undang-undang daripada Jabatan Peguam Negara yang memberi pandangan bahawa kes Malaysia dalam kedua-dua permohonan tersebut adalah sangat lemah.
- 3.70 Perunding tempatan iaitu Dato’ Firoz dan Dato’ Abu Bakar yang memulakan pencarian bahan bukti dan penyelidikan sejak pertengahan 2016 berpendapat bahawa Malaysia mempunyai “*an arguable case*”. Perunding antarabangsa yang terdiri daripada Profesor Malcolm Shaw QC, Sir Daniel Lincoln Bethlehem QC dan Dr. Brendan Plant melalui pandangan bersama bertarikh 26 Januari

2017 tidak menyatakan bahawa kes Permohonan Semakan Malaysia adalah sangat lemah. Pandangan bersama ketiga-tiga perunding antarabangsa tersebut telah dikemukakan kepada Tun Dr. Mahathir sebelum beliau menghantar surat kepada Peguam Cara Negara untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut.

3.71 Pandangan bersama perunding antarabangsa bertarikh 26 Januari 2017 berkaitan Permohonan Semakan antara lain menyatakan:

*“In the materials which have been supplied to us, we have so far been able to identify a handful of potentially relevant documents. These include the following:*

- (i) *A 1958 telegram from the Governor of Singapore responding to a request from the British Secretary of State for the Colonies for comments on a proposal to extend Singapore's territorial waters from 3 miles to 6 miles (in an effort to prevent the emergence of a general international entitlement to 12 mile limits). The Governor indicated that it was important to Singapore that the existing 3 mile limit be retained, as access to the channels of approach to Singapore would be inhibited if an entitlement to 6 mile limits became generally accepted in international law. For this reason, he proposed that, in the event that 6 miles became the generally accepted limit, 'special provision should be made for an international high seas corridor one mile wide through the straits between Singapore and Malayan territory on the north and Indonesian territory on the south'. He suggested that this corridor would follow the normal shipping channel from west to east, the easternmost leg of which would run 'from a point midway between the southernmost point of St John's Islands and Batu Berhanti Light to a point 1 mile north of Horsburgh Light'. This*



*document suggests that, in 1958, the highest levels of Singaporean Government did not consider that PBP was Singaporean territory, since there would be no need to advocate the provision of an international passage near PBP if it had been subject to Singaporean sovereignty.*

- (ii) *A map prepared by the British Commander of the Far East Fleet within the file titled 'Naval Operations in the Malacca and Singapore Straits 1964-1966' (DEFE 69/359) shows the 'Restricted and Prohibited Areas in the Singapore Territorial Waters'. This map shows the limits of Singaporean territorial waters at a point south of Pulau Tekon Besar in the Johor Strait, and does not extend to the vicinity of PBP. Handwritten notes on the map endorse it as an accurate depiction of the restrictions in effect in February 1966, i.e., after Singapore became independent in August 1965.*
- (iii) *A memo in one of the British files (FCO141/14808) addressed to 'GS' (presumed to be the Governor of Singapore) relates the fact that, during an incident in 1958 when a Malaysian vessel was being followed by an Indonesian gunboat near PBP, the Royal Navy was unable to act because the Malaysian ship was 'still inside Johore territorial waters'.*

*In the light of these documents, we consider that an application for revision plausible as the material just noted operates to contradict the central analysis of the Court in its 2008 judgement that Singapore had acquired title and maintained its claim to sovereignty over PBP in which Malaysia had acquiesced.*

...

Our advice, therefore, is that an application for revision would be plausible in the sense of producing a respectable arguable case and would have some possibility of success, although one would need to bear in mind the high bar for such applications that is in place.”

- 3.72 Suruhanjaya berpendapat, jika tiga (3) fakta [dokumen baharu] yang hendak dikemukakan oleh Malaysia dalam Permohonan Semakan diterima oleh ICJ, ia berkemungkinan boleh mematahkan alasan Hakim Majoriti ICJ yang memutuskan bahawa kedaulatan Batu Puteh telah berpindah kepada Singapura atas alasan bahawa Singapura telah melaksanakan tindakan-tindakan penguasaan dan penguatkuasaan (*effectivités*) secara berterusan sejak tahun 1953 hingga tahun 1980.
- 3.73 Hakim Majoriti di awal alasan penghakiman dengan jelas memutuskan bahawa Kesultanan Johor mempunyai hak milik sejarah terhadap Batu Puteh. Ini sekali gus menolak dakwaan Singapura bahawa Batu Puteh tidak dimiliki oleh sesiapa (*terra nullius*). Walau bagaimanapun, Hakim Majoriti buat pertama kali dalam sejarah ICJ memutuskan bahawa walaupun sesebuah negara telah membuktikan hak milik asal, namun telah membuat keputusan bahawa hak milik tersebut boleh berpindah atas alasan terdapat pembuktian tindakan-tindakan penguasaan dan penguatkuasaan (*effectivités*) yang mengatasi pemilikan asal. Oleh itu, kemasukan tiga (3) fakta [dokumen baharu] dalam Permohonan Semakan boleh menunjukkan bahawa Singapura tidak mempunyai penguasaan dan penguatkuasaan (*effectivités*) sepenuhnya terhadap Batu Puteh. Dengan itu juga, kedaulatan Batu Puteh tidak boleh berpindah dari

Malaysia kepada Singapura seperti yang diputuskan oleh empat (4) Hakim ICJ yang menentang keputusan Hakim Majoriti.

- 3.74 Suruhanjaya berpendapat bahawa Malaysia mempunyai kes yang boleh dihujah (*arguable case*) dan bukan sangat lemah seperti yang dinyatakan oleh Tun Dr. Mahathir. Oleh yang demikian itu, tindakan untuk tidak meneruskan kes di saat akhir adalah amat dikesalkan. Berdasarkan keterangan Pasukan Malaysia (*Legal Team*), mereka telah bersedia untuk berhujah di ICJ. Semua kertas-kertas *pleading* dan hujahan bertulis telah difailkan. Apa yang perlu dilakukan sebelum pendengaran tersebut adalah supaya Kerajaan melantik Ejen baharu kerana Peguam Negara sebagai Ejen Kerajaan Malaysia telah diarahkan oleh Tun Dr. Mahathir untuk bercuti rehat (*garden leave*).
- 3.75 Menurut dua (2) orang perunding tempatan, pelantikan Ejen baharu tidak menjejaskan persediaan Pasukan Malaysia kerana apa yang hendak dihujahkan telah siap tersedia dan boleh dilakukan oleh perunding tempatan dan perunding antarabangsa yang mewakili Malaysia.
- 3.76 Kedua-dua perunding tempatan dalam keterangan mereka menyatakan bahawa selepas Malaysia memfailkan Permohonan Semakan berasaskan tiga (3) fakta [dokumen baharu], Singapura telah membuat permohonan di hadapan Pendaftar ICJ untuk membatalkan Permohonan Semakan Malaysia. Menurut mereka, permohonan Singapura telah ditolak oleh ICJ. Ini menunjukkan kes Malaysia mengenai Permohonan Semakan adalah tidak sangat lemah seperti yang difahami oleh Tun Dr. Mahathir.

3.77 Kesimpulannya, Suruhanjaya mendapati bahawa Jemaah Menteri yang telah bersetuju dengan keputusan untuk tidak meneruskan usaha berkaitan kedua-dua permohonan tersebut adalah semata-mata dengan berpandukan kepada penerangan yang diberikan oleh Tun Dr. Mahathir. Keputusan tersebut tidaklah dibuat melalui perbincangan yang menyeluruh.

### **Cadangan Tindakan Undang-undang Yang Boleh Diambil Terhadap Tun Dr. Mahathir**

#### **Tort Misfeasans (*Tort of Misfeasance*)**

3.78 PPK telah mencadangkan supaya tindakan sivil di bawah Tort Misfeasans diambil terhadap Tun Dr. Mahathir. PPK berpendapat bahawa Tun Dr. Mahathir:

- (i) adalah seorang pegawai awam;
- (ii) telah melaksanakan kuasa sebagai seorang pegawai awam;
- (iii) telah bertindak dengan niat jahat (*malice or bad faith*) sama ada dengan niat untuk mencederakan pihak yang menuntut atau, menyedari risiko kecederaan tersebut, tanpa kepercayaan yang jujur bahawa tindakannya adalah sah dari segi undang-undang; dan
- (iv) telah menyebabkan kecederaan material atau kerosakan jenis yang boleh dijangka oleh beliau.

3.79 Suruhanjaya mendapati bahawa cadangan PPK untuk mengambil tindakan sivil ke atas Tun Dr. Mahathir adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam (*Public*

*Authorities Protection Act*) 1948 (PAPA 1948). Seksyen 2(a) memperuntukkan seperti yang berikut:

“Jika, selepas mula berkuat kuasa Akta ini, apa-apa guaman, tindakan, pendakwaan atau prosiding lain dimulakan di Persekutuan terhadap mana-mana orang kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan menurut atau dalam melaksanakan atau dengan tujuan melaksanakan mana-mana undang-undang bertulis atau apa-apa kewajipan awam atau kuasa awam atau berkenaan dengan apa-apa keabaihan atau keingkaran yang dikatakan dalam melaksanakan mana-mana undang-undang bertulis, kewajipan atau kuasa sedemikian, peruntukan yang berikut hendaklah berkuat kuasa:

- (a) guaman, tindakan, pendakwaan atau prosiding itu tidak boleh diambil atau dimulakan melainkan jika ia dimulakan dalam tiga puluh enam bulan selepas sahaja perbuatan, keabaihan atau keingkaran yang diadukan itu atau, dalam hal kecederaan atau kerosakan yang berterusan, dalam masa tiga puluh enam bulan selepas sahaja terhentinya kecederaan atau kerosakan itu.”

3.80 Tindakan Tun Dr. Mahathir untuk tidak meneruskan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran telah dibuat pada 21 Mei 2018. Tempoh tiga puluh enam (36) bulan telah berakhir pada 21 Mei 2021. Oleh yang demikian itu, sebarang tindakan sivil terhadap Tun Dr. Mahathir adalah terhalang oleh had masa. Suruhanjaya mengesyorkan supaya cadangan tindakan sivil di bawah Tort Misfeasans tidak perlu diambil terhadap Tun Dr. Mahathir.

## Tindakan Jenayah

3.81 Berpandukan kepada kronologi peristiwa seperti yang dinyatakan di atas, Suruhanjaya berpendapat bahawa satu siasatan jenayah boleh dibuat terhadap Tun Dr. Mahathir di bawah seksyen 415(b) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen 417 Kanun yang sama.

### Seksyen 415(b) Kanun Keseksaan

3.82 Seksyen 415 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti yang berikut:

#### ***“Cheating***

*415. Whoever by deceiving any person, whether or not such deception was the sole or main inducement, —*

*(a) fraudulently or dishonestly induces the person so deceived to deliver any property to any person, or to consent that any person shall retain any property; or*

*(b) intentionally induces the person so deceived to do or omit to do anything which he would not do or omit to do if he were not so deceived and which act or omission causes or is likely to cause damage or harm to any person in body, mind, reputation, or property, is said to “cheat”.*”

3.83 Seksyen 417 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti yang berikut:

#### ***“Punishment for cheating***

*417. Whoever cheats shall be punished with imprisonment for a term which may extend to five years or with fine or with both.”*

3.84 Dalam konteks seksyen 415(b), apa yang perlu ditunjukkan ialah Tun Dr. Mahathir telah menipu Jemaah Menteri dan dengan sengaja mendorong Kerajaan Malaysia untuk tidak meneruskan permohonan-permohonan tersebut walaupun keputusan tersebut telah dibuat secara sepihak oleh Tun Dr. Mahathir tanpa kelulusan Jemaah Menteri. Sekiranya Jemaah Menteri dibekalkan dengan kertas kuasa tindakan di ICJ dan pandangan bertulis daripada perunding antarabangsa, Jemaah Menteri berkemungkinan mempunyai pandangan yang berbeza berkenaan kedua-dua permohonan tersebut.

3.85 Dalam hal ini, Tun Dr. Mahathir berkemungkinan telah dengan sengaja mendorong Jemaah Menteri untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut walaupun ianya bertentangan dengan pendapat perunding antarabangsa yang menyatakan bahawa terdapat asas permohonan tersebut mempunyai kebarangkalian untuk berjaya.

3.86 Bagi kesalahan di bawah seksyen 415(b) Kanun Keseksaan, apa yang perlu dibuktikan ialah berlakunya dorongan berniat (*intentional inducement*) dan tidak perlu membuktikan niat tidak jujur. Dalam hal ini, rujukan dibuat kepada Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes Vol. Two, 25th Edition pada p. 2148 para 9:

*"Section 415 had two parts. While in the first part, the person must "dishonestly" or "fraudulently" induce the complainant to deliver any property; in the second part, the person should intentionally induce the complainant to do or omit to do a thing. In the first part, inducement must be dishonest or fraudulent. In the second part inducement must be intentional. A guilty intention is an essential*

*ingredient of the offence of cheating. In order, therefore, to secure conviction of a person for the offence of cheating, "mens rea" on the part of that person must be established. Thus so far as the second part of section 415 is concerned, "property" at no stage is involved. Here it is the doing of an act or omission to do an act by the complainant, as a result of intentional inducement by the accused, which is material. Such inducement should result in the doing of an act or omission to do an act as a result of which the person concerned should have suffered or was likely to suffer damage or harm in body, mind, reputation or property."*

*At p. 2160, para 18:-*

*"By this clause intentional deceptions are made punishable as cheats if they cause or are likely to cause any damage or harm whether to property or reputation. It is sufficient to constitute cheating within this clause if the deception is intended to cause any damage or harm whatsoever to the person deceived... the deception must be intended not only to induce the person deceived to do or omit to do something, but also to cause damage to that person..."*

*"The word "intentionally" only applies to the act or omission which the person deceived is induced to do or omit to do, and it is not necessary in order to sustain a charge under this branch of the definition that the accused person should also have intended to cause harm or damage as a result of such act or omission. It is sufficient if he intentionally induces the person deceived to do or omit to do anything which he would not do or omit to do if he were not deceived and the act or omission caused damage or harm to that person in body, mind, reputation or property. The intention need not be fraudulent or dishonest. In the latter part of the section the words "fraudulently", or "dishonestly" do not find a place."*



3.87 Berpandukan kepada kronologi yang dinyatakan di atas, Suruhanjaya berpendapat bahawa terdapat asas untuk satu siasatan jenayah dimulakan terhadap Tun Dr. Mahathir. Oleh yang demikian, Suruhanjaya mencadangkan agar satu siasatan jenayah dimulakan terhadap Tun Dr. Mahathir atas kesalahan di bawah peruntukan seksyen 415(b) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen 417 Kanun yang sama.

### **Seksyen 418 Kanun Keseksaan**

3.88 Suruhanjaya berpendapat satu siasatan jenayah boleh dimulakan terhadap Tun Dr. Mahathir atas kesalahan di bawah seksyen 418 Kanun Keseksaan. Suruhanjaya berpendapat bahawa satu siasatan di bawah seksyen 418 Kanun Keseksaan boleh disiasat atas fakta bahawa beliau telah menipu Kerajaan dengan pengetahuan bahawa beliau berpotensi untuk menyebabkan kerugian salah (*wrongful loss*) kepada Kerajaan Malaysia kerana sebagai Perdana Menteri, beliau mempunyai obligasi untuk melindungi kepentingan negara.

3.89 Seksyen 418 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti yang berikut:

***“Cheating with knowledge that wrongful loss may be thereby caused to a person whose interest the offender is bound to protect***

*418. Whoever cheats with the knowledge that he is likely thereby to cause wrongful loss to a person whose interest in the transaction to which the cheating relates, he was bound either by law, or by a legal*

*contract, to protect, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to seven years or with fine or with both.”*

3.90 Elemen-elemen yang perlu dibuktikan bagi kesalahan di bawah seksyen 418 adalah seperti yang berikut:

- (i) bahawa tertuduh telah menipu seseorang (*that the accused cheated some person*);
- (ii) bahawa tertuduh mempunyai kewajipan undang-undang untuk melindungi kepentingan orang tersebut (*that the accused was then under a legal obligation to protect the interest of that person*);
- (iii) bahawa penipuan tersebut adalah berhubung kait dengan perkara yang sama (*that the cheating related thereto*); dan
- (iv) bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan bahawa beliau berkemungkinan akan menyebabkan kerugian salah terhadap orang tersebut (*that the accused knew that he was likely to cause wrongful loss to such person*).

3.91 Kerugian salah (*wrongful loss*) telah didefinisikan di bawah seksyen 23 Kanun Keseksaan seperti yang berikut:

**“23. “Wrongful gain” and “wrongful loss”**

*“Wrongful gain” is gain by unlawful means of property to which the person gaining is not legally entitled.*

*“Wrongful loss” is the loss by unlawful means of property to which the person losing it is legally entitled.*

*A person is said to gain wrongfully when such person retains wrongfully, as well as when such person acquires wrongfully. A*

*person is said to lose wrongfully when such person is wrongfully kept out of any property, as well as when such person is wrongfully deprived of property.”*

- 3.92 Suruhanjaya berpendapat bahawa Tun Dr. Mahathir telah menipu Kerajaan Malaysia yang terdiri daripada ahli-ahli Jemaah Menteri dan telah menyebabkan mereka membuat keputusan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut.
- 3.93 Penipuan yang dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir adalah berhubung kait dengan pelaksanaan fungsi-fungsi tanggungjawab beliau yang mana beliau mempunyai obligasi secara undang-undang untuk melindungi kepentingan Malaysia. Sebagai Perdana Menteri, beliau adalah bertanggungjawab terhadap negara dan hendaklah pada setiap masa memelihara, melindungi serta mempertahankan kepentingan dan kedaulatannya.
- 3.94 Dengan membuat keputusan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut, Tun Dr. Mahathir telah menyebabkan kerugian salah (*wrongful loss*) kepada Kerajaan Malaysia.
- 3.95 Suruhanjaya juga berpendapat bahawa terdapat asas untuk satu siasatan jenayah dijalankan terhadap Tun Dr. Mahathir atas kesalahan di bawah peruntukan seksyen 418 Kanun Keseksaan.
- 3.96 Dalam isu tindakan jenayah ini, Tan Sri Datuk Zainun binti Ali dan Datin Prof. Dr. Faridah binti Jalil berpendapat tindakan-tindakan Tun Dr. Mahathir berhubung keputusan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut hanyalah merupakan satu pengabaian tugas (*dereliction of duty*) dan tidak terjumlah kepada suatu

kesalahan jenayah di bawah mana-mana peruntukan undang-undang.

### **Kesimpulan**

- 3.97 Suruhanjaya mencadangkan agar satu laporan polis dibuat oleh Setiausaha Suruhanjaya bagi membolehkan satu siasatan jenayah dimulakan terhadap Tun Dr. Mahathir atas kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 415(b) dan seksyen 418 Kanun Keseksaan.

### **Jabatan Penting Yang Terlibat**

- 3.98 Suruhanjaya telah mengenal pasti dua (2) Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam kes Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran.

### **Jabatan Peguam Negara**

#### **(a) Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali**

- 3.99 Suruhanjaya mendapati inisiatif untuk Malaysia memfailkan Permohonan Semakan dan kemudiannya Permohonan Tafsiran di ICJ dibuat oleh Tan Sri Apandi, Mantan Peguam Negara Malaysia setelah beliau mendapat mandat daripada Perdana Menteri pada masa itu iaitu Dato' Sri Najib pada 31 Januari 2016.
- 3.100 Suruhanjaya mendapati Pasukan Malaysia yang bertanggungjawab dalam Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran yang

difailkan oleh Malaysia di ICJ diketuai oleh Peguam Negara, Tan Sri Apandi sebagai Ejen Malaysia. Tan Sri Apandi dibantu oleh:

- (i) dua (2) orang perunding tempatan iaitu Dato' Abu Bakar dan Dato' Firoz;
- (ii) lima (5) orang perunding antarabangsa iaitu Profesor Malcolm Shaw QC, Sir Daniel Lincoln Bethlehem QC, Dr. Brendan Plant, Profesor Laurence Boisson dan Mr. Coalter Lathrop;
- (iii) tiga (3) orang Pegawai Penyelidik daripada Jabatan Peguam Negara iaitu Puan Norliyana binti Abdul Manaf, Puan Hafizah binti Hamdzah dan Encik Mohd Shahrysham bin Kamran; dan
- (iv) Duta Besar Malaysia ke The Hague, Belanda iaitu Dato' Ahmad Nazri bin Yusuf yang merupakan Ejen Bersama Malaysia.

3.101 Suruhanjaya mendapati tiada agensi lain seperti Majlis Keselamatan Negara, Pusat Hidrografi Nasional, Kementerian Luar Negeri, Kerajaan Negeri Johor mahupun Pegawai-Pegawai daripada Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara terlibat sebagai sebahagian daripada ahli Pasukan Malaysia. Penglibatan Kementerian Luar Negeri hanya terhadap kepada pelantikan Duta Besar Malaysia ke The Hague, Belanda yang dilantik sebagai Ejen Bersama Malaysia.

3.102 Tan Sri Apandi di dalam keterangannya mengakui bahawa tindakannya tidak melibatkan pelbagai agensi dalam kedua-dua permohonan tersebut adalah untuk menjaga kerahsiaan. Suruhanjaya berpendapat dalam tindakan yang sebegitu penting melibatkan soal kedaulatan negara, perundingan antara agensi

perlu diadakan bagi mendapatkan pandangan semua pihak yang berkepentingan. Adalah diperhatikan bahawa terdapat beberapa orang pegawai daripada Jabatan Peguam Negara seperti Datuk Almalena Sharmila binti Datuk Dr. Johan dan Dr. Suraya binti Harun yang terlibat dalam perbicaraan di ICJ pada tahun 2008. Mereka masih bertugas di Jabatan Peguam Negara dan sepatutnya dilibatkan. Malahan, Dr. Suraya binti Harun adalah merupakan seorang yang kompeten mengenai undang-undang maritim di dalam konteks undang-undang antarabangsa. Beliau juga berpengetahuan mengenai isu berkaitan kes Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang difailkan pada tahun 2003. Malangnya, kedua-dua mereka tidak dilibatkan dalam Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran.

- 3.103 Selain daripada tiga (3) orang Pegawai Penyelidik yang ditempatkan di London, tiada mana-mana pegawai daripada Jabatan Peguam Negara yang terlibat secara langsung dan mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai merit undang-undang dalam kedua-dua permohonan tersebut.
- 3.104 Suruhanjaya berpendapat bahawa tindakan Tan Sri Apandi untuk tidak melibatkan pegawai-pegawai daripada Jabatan Peguam Negara dan agensi-agensi lain yang berkaitan di dalam tindakan sepeenting ini adalah merupakan satu tindakan yang tidak wajar untuk dilakukan dan tidak boleh dijadikan ikutan.

**(b) Peguam Cara Negara dan Peguam Cara Negara II**

- 3.105 Pada 14 Mei 2018, Peguam Cara Negara, Datuk Engku Nor Faizah dan Peguam Cara Negara II, Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan telah mengadakan pertemuan dengan Tun Dr. Mahathir. Dalam pertemuan tersebut, isu mengenai Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran yang telah ditetapkan perbicaraannya pada 11 Jun 2018 hingga 22 Jun 2018 telah dibangkitkan oleh Datuk Engku Nor Faizah. Apabila diajukan pertanyaan mengenai merit kedua-dua permohonan tersebut oleh Perdana Menteri, sama ada Malaysia mempunyai kes yang kukuh atau sebaliknya, Datuk Engku Nor Faizah meminta maaf kerana beliau tidak berada dalam kedudukan untuk menjawab persoalan tersebut atas alasan bahawa beliau tidak terlibat langsung di dalam kedua-dua permohonan ini. Beliau juga mencadangkan dan memohon supaya perunding antarabangsa yang dilantik oleh Tan Sri Apandi hadir untuk memberi taklimat kepada Perdana Menteri.
- 3.106 Suruhanjaya berpendapat alasan yang diberikan oleh Peguam Cara Negara dan Peguam Cara Negara II selaku pegawai tertinggi kedua dan ketiga di Jabatan Peguam Negara yang membangkitkan isu tersebut kepada Perdana Menteri tetapi tidak bersedia untuk memberikan apa-apa penjelasan amatlah mendukacitakan. Mereka sewajarnya telah membuat persediaan dengan mendapatkan maklumat mengenai kedudukan undang-undang kedua-dua permohonan tersebut dan bersedia untuk memberikan penjelasan berkenaannya apabila diminta oleh Perdana Menteri.

- 3.107 Lebih memmeranjatkan, selepas mereka mencadangkan agar perunding antarabangsa memberi taklimat kepada Perdana Menteri, mereka memilih untuk tidak hadir di dalam sesi taklimat pada 17 Mei 2018 dan sebaliknya mewakilkan Datuk Azian yang merupakan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara berserta tiga (3) orang lagi untuk hadir di dalam sesi taklimat tersebut. Ketidakhadiran mereka adalah merupakan pengabaian tugas (*dereliction of duty*).
- 3.108 Memandangkan Peguam Negara, Tan Sri Apandi telah diarahkan untuk bercuti rehat (*garden leave*), maka Peguam Negara bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas sebagai ketua jabatan. Dalam keadaan sedemikian, sewajarnya Peguam Negara memikul tanggungjawab untuk hadir di sesi taklimat yang telah ditetapkan bersama Perdana Menteri dan bersedia memberi pandangan undang-undang berhubung isu-isu yang berbangkit.

**(c) Datuk Azian binti Mohd Aziz**

- 3.109 Datuk Azian adalah merupakan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara mulai 1 Disember 2016 hingga 31 Oktober 2018. Dalam keterangan di prosiding Suruhanjaya, beliau mengatakan bahawa beliau tidak memberi apa-apa pandangan undang-undang di dalam sesi taklimat bertarikh 17 Mei 2018 atas alasan bahawa beliau tidak terlibat dalam penyelidikan dan persediaan kedua-dua permohonan tersebut. Suruhanjaya berpendapat walaupun beliau tidak terlibat dalam penyelidikan dan persediaan kedua-dua permohonan tersebut,



beliau mempunyai pengetahuan berkenaan isu undang-undang yang berbangkit.

- 3.110 Suruhanjaya mendapati bahawa Datuk Azian terlibat dalam penyediaan kedua-dua Memorandum Jemaah Menteri berkenaan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran. Dalam penyediaan Memorandum Jemaah Menteri, beliau telah dibekalkan dengan pandangan undang-undang oleh perunding antarabangsa yang membolehkan beliau untuk mengumpul maklumat dan mengenal pasti isu undang-undang yang berkait dengan kedua-dua permohonan tersebut.
- 3.111 Oleh itu, alasan Datuk Azian untuk tidak memberikan apa-apa pandangan undang-undang semasa sesi taklimat tersebut tidak boleh dipertahankan. Menurut beliau, di dalam taklimat tersebut, beliau tidak diminta untuk memberi sebarang pandangan oleh Perdana Menteri. Suruhanjaya berpendapat bahawa alasan tersebut tidak dapat diterima kerana adalah menjadi tanggungjawab beliau sebagai Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa yang mewakili Jabatan Peguam Negara untuk memberi pandangan undang-undang di dalam isu yang melibatkan kepentingan negara.

## **Kementerian Luar Negeri**

### **(a) Dato' Seri Ramlan bin Ibrahim**

- 3.112 Pegawai-pegawai daripada Kementerian Luar Negeri yang diketuai oleh Ketua Setiausaha, Dato' Seri Ramlan juga tidak memberi apa-apa pandangan di dalam sesi taklimat tersebut. Dato' Seri Ramlan memberi alasan bahawa selepas digantikan sebagai Ejen Malaysia,

beliau tidak terlibat lagi dalam kedua-dua permohonan tersebut. Malah beliau menyatakan bahawa Kementerian Luar Negeri “*totally detach from the case because KLN was never in the loop on the findings nor engaged in any meaningful discussion as any member of the team should be expected to*”.

3.113 Suruhanjaya berpendapat tindakan Ketua Setiausaha, Dato’ Seri Ramlan yang menyatakan Kementerian Luar Negeri “*totally detach from the case because KLN was never in the loop on the findings nor engaged in any meaningful discussion as any member of the team should be expected to*” adalah tidak tepat. Menurut keterangan beliau, selepas beliau digantikan sebagai Ejen Malaysia, beliau ada menghubungi Jabatan Peguam Negara untuk berbincang mengenai kedua-dua permohonan tersebut. Menurutnya lagi, permintaan untuk mengadakan perbincangan tidak mendapat maklum balas positif. Namun, Suruhanjaya berpendapat Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri dan pegawai-pegawainya tidak seharusnya mengambil pendirian untuk melepas tangan dalam kedua-dua permohonan tersebut. Kementerian Luar Negeri adalah Kementerian yang penting dan bertanggungjawab mengenai hubungan antarabangsa dan isu-isu mengenai kedaulatan negara.

3.114 Suruhanjaya juga berpendapat bahawa Kementerian Luar Negeri mempunyai pengetahuan mengenai isu-isu dalam kedua-dua permohonan tersebut memandangkan Kementerian Luar Negeri turut terlibat dalam penyediaan ulasan kepada Memorandum Jemaah Menteri untuk Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran. Malahan Dato’ Seri Ramlan telah dilantik sebagai Ejen Malaysia dalam kedua-dua permohonan tersebut sebelum diambil

alih oleh Tan Sri Apandi. Adalah tidak bertanggungjawab untuk beliau melepas tangan apabila tidak lagi menjadi Ejen. Ejen Bersama dalam kedua-dua permohonan adalah Duta Besar Malaysia ke The Hague, Belanda, Dato' Ahmad Nazri bin Yusuf yang merupakan pegawai daripada Kementerian Luar Negeri.

**(b) Dato' Dr. Azfar bin Mohamad Mustafar**

3.115 Suruhanjaya berpendapat bahawa Dato' Dr. Azfar bin Mohamad Mustafar (Dato' Dr. Azfar), Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Maritim pada masa itu telah bertindak secara bersendirian dengan menghantar e-mel yang dikatakan bagi pihak Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri kepada Pegawai Media Tun Dr. Mahathir, Encik Sufi Yusni bin Md Yusoff. Di dalam Perenggan kedua e-mel bertarikh 21 Mei 2018, beliau menyatakan:

“Seperti yang telah dimaklumkan oleh YBhg. Dato' Seri Ramlan Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri semasa sesi taklimat bersama YAB Tun PM pada 17 Mei 2018, KLN berpandangan perkara berkaitan Permohonan Semakan (dan Permohonan Tafsiran) sewajarnya diteliti dan dipertimbang secara komprehensif kerana dijangka akan mempunyai kesan atau *ramifications* yang meluas. Inilah sebab utama kenapa KLN berpandangan perkara-perkara berkaitan Permohonan Semakan dan bukti-bukti/dokumen-dokumen baharu perlu dibincangkan dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan sebelum Permohonan Semakan dikemukakan kepada ICJ di dalam ulasan kepada Memorandum Jemaah Menteri yang dibentangkan pada 25 Januari 2017.”

- 3.116 Suruhanjaya mendapati penghantaran e-mel tersebut dibuat tanpa pengetahuan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Dato' Seri Ramlan. Tindakan Dato' Dr. Azfar menghantar e-mel yang menyatakan pandangan seperti di atas adalah tidak wajar. Sepatutnya pandangan tersebut dibangkitkan semasa sesi taklimat dan bukan selepasnya.
- 3.117 Suruhanjaya berpendapat tindakan pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri untuk tidak mengemukakan pandangan semasa sesi taklimat bersama Tun Dr. Mahathir adalah amat dikesali dan sepatutnya tidak berlaku kerana Kementerian Luar Negeri adalah Kementerian yang penting dalam mempertahankan kedaulatan negara.

### Perunding Tempatan

- 3.118 Suruhanjaya mendapati perunding tempatan iaitu Dato' Firoz dan Dato' Abu Bakar yang hadir di sesi taklimat juga tidak memberikan pandangan undang-undang kepada Tun Dr. Mahathir. Kedua-dua perunding tempatan ini dilantik untuk menasihati Kerajaan dalam isu Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran. Mereka berdua terlibat dari awal dalam semua aspek termasuk penyelidikan, penyediaan pliding-pliding dan hujahan-hujahan yang telah difailkan di ICJ. Dengan itu mereka mengetahui merit, kekuatan dan kelemahan kes kedua-dua permohonan tersebut.
- 3.119 Jika kedua-dua mereka berpendapat bahawa Malaysia mempunyai kes yang boleh dihujahkan (*arguable case*), Suruhanjaya berpendapat adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk

mengemukakan pandangan kepada Tun Dr. Mahathir semasa sesi taklimat tersebut dan meyakinkan Tun Dr. Mahathir dengan memberi alasan mengapa kedua-dua permohonan wajar diteruskan. Kegagalan ini jelas menunjukkan bahawa mereka telah gagal memenuhi skop tugas mereka seperti dinyatakan dalam Perjanjian yang telah mereka tandatangani dengan Kerajaan.

### Kesimpulan

- 3.120 Suruhanjaya berpendapat bahawa pasukan Malaysia tidak meliputi keanggotaan yang menyeluruh daripada semua Kementerian, Jabatan dan Agensi yang berkaitan. Hal ini telah menimbulkan masalah dari sudut koordinasi dan pendekatan tindakan yang sewajarnya diambil oleh pasukan Malaysia. Tambahan pula, Kementerian yang penting seperti Kementerian Luar Negeri telah mengambil sikap lepas tangan. Masalah ini menjadi lebih rumit apabila Tan Sri Apandi diarah mengambil cuti rehat (*garden leave*) dan seterusnya perkhidmatannya sebagai Peguam Negara ditamatkan pada 4 Jun 2018.
- 3.121 Tindakan Tan Sri Apandi di atas telah menyebabkan tiada seorang pun yang terlibat dalam sesi taklimat pada 17 Mei 2018 bersedia untuk memberi pandangan mengapa Malaysia harus meneruskan pendengaran kedua-dua permohonan tersebut. Hanya Dr. Brendan Plant yang memberi taklimat kepada Tun Dr. Mahathir. Pegawai-pegawai daripada Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Luar Negeri yang merupakan dua (2) agensi penting dan sepatutnya memberi pandangan tetapi memilih untuk berdiam diri atas alasan

bahawa mereka tidak dilibatkan dari awal dalam kedua-dua permohonan ini.

- 3.122 Dalam hal ini, Suruhanjaya mencadangkan sebagai panduan di masa hadapan, perkara-perkara penting seperti yang melibatkan kedaulatan negara yang boleh menentukan hilang atau kekalnya sesuatu wilayah negara, hendaklah dilaksanakan secara bersepadu melibatkan agensi-agensi yang berkaitan.
- 3.123 Dengan ini, Suruhanjaya mencadangkan supaya Majlis Keselamatan Negara mengambil tanggungjawab penuh terhadap isu kedaulatan negara serta menyediakan arahan dan tatacara pengendalian piawai (SOP) untuk dipatuhi bagi menangani perkara-perkara yang melibatkan kedaulatan negara.

### **Penglibatan Kerajaan Negeri Dalam Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran**

- 3.124 Suruhanjaya mendapati Kerajaan Negeri Johor tidak pernah dilibatkan dalam Permohonan Semakan dan Tafsiran Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Tindakan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut juga telah dibuat tanpa melibatkan Kerajaan Negeri Johor. Keputusan tersebut telah menyebabkan Kerajaan Negeri Johor kehilangan peluang untuk mendapatkan kembali wilayah jajahannya.
- 3.125 Berdasarkan keterangan Tan Sri Apandi, keputusan untuk memfailkan kedua-dua permohonan telah disembah maklum kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sebelum dibawa ke

pertimbangan Jemaah Menteri. Sembah maklum juga dibuat mengenai perkembangan kes dari semasa ke semasa oleh Tan Sri Apandi tanpa melibatkan mana-mana pihak lain. Hal ini kerana Tan Sri Apandi berpendapat perkara tersebut adalah rahsia.

- 3.126 Tindakan Tan Sri Apandi untuk tidak memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Johor berkaitan perkara yang telah disembang maklum kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah menyebabkan Kerajaan Negeri Johor tidak dapat mengambil apa-apa tindakan termasuk memberi maklum balas bagi membantu memantapkan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran.
- 3.127 Suruhanjaya mendapati bahawa semasa kes dibawa ke ICJ pada tahun 2003, Kerajaan Negeri Johor turut dilibatkan sama. Semasa perbicaraan di ICJ pada tahun 2008, terdapat wakil Kerajaan Johor yang hadir di dalam perbicaraan tersebut. Berdasarkan kepada amalan ini, Suruhanjaya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri Johor wajar dilibatkan di dalam kedua-dua permohonan ini sama ada ketika pemfailan mahupun ketika keputusan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut dibuat.
- 3.128 Suruhanjaya mengesyorkan, dalam hal-hal berkaitan kedaulatan sesuatu negeri atau perkara-perkara yang boleh menjejaskan kedaulatan wilayahnya seperti yang berlaku dalam kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan, Kerajaan Negeri sepatutnya dilibatkan bersama. Penglibatan tersebut adalah bagi membolehkan Kerajaan Negeri memberi apa-apa bantuan, pandangan dan input serta menyatakan pendirian Kerajaan Negeri terhadap isu tersebut.

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]



[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA



[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

TERBUKA





TERBUKA







[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]



[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[Redacted]

[Redacted]

- [Redacted]
- [Redacted]
- [Redacted]
- [Redacted]
- [Redacted]
- [Redacted]
- [Redacted]
- [Redacted]

[Redacted]

TERBUKA

[Redacted]

- [Redacted]
- [Redacted]

[Redacted]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]



[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]



### **Tatacara Pelaksanaan Tugas oleh Penjawat Awam**

3.186 Suruhanjaya mendapati, beberapa perkara perlu diberi perhatian berkaitan dengan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab penjawat awam. Perkara-perkara yang hendak ditegaskan adalah:

- (i) isu teritorialiti antara pelbagai Agensi Kerajaan;
- (ii) kepincangan komunikasi antara Anggota Pentadbiran dan penjawat awam; dan
- (iii) kurang rasa tanggungjawab dan akauntabiliti antara pegawai Kerajaan serta kurang nilai patriotisme.

3.187 Berdasarkan keterangan saksi-saksi adalah didapati bahawa perkara-perkara yang dinyatakan dalam Laporan ini sepatutnya tidak berlaku sekiranya mereka mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap negara. Bagi memperjelaskan lagi keadaan tersebut, perkara-perkara yang dimaksudkan adalah:

#### **(a) Isu teritorialiti**

- (i) berdasarkan keterangan yang diberikan oleh wakil-wakil daripada Kementerian Luar Negeri, iaitu Dato' Seri Ramlan

bin Ibrahim dan Dato' Dr. Azfar, sepanjang pengendalian Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran tersebut, Peguam Negara Malaysia, iaitu Tan Sri Apandi telah bertindak sendiri tanpa melibatkan Kementerian Luar Negeri dan agensi-agensi lain;

- (ii) selain daripada tiga (3) orang pegawai penyelidik daripada Jabatan Peguam Negara yang ditempatkan di London, Tan Sri Apandi tidak melibatkan mana-mana pegawai lain daripada Jabatan Peguam Negara dalam pengendalian kes tersebut. Sebaliknya, beliau mencadangkan kepada Kerajaan untuk melantik perunding tempatan iaitu Dato' Firoz dan Dato' Abu Bakar walaupun Jabatan Peguam Negara mempunyai Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa yang dibarisi oleh pakar-pakar seperti Dr. Suraya binti Harun;
- (iii) adalah didapati bahawa Dr. Suraya binti Harun mempunyai kepakaran yang cukup dan mampu untuk membantu dalam mengendalikan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran. Ini berdasarkan penglibatan beliau di dalam perbicaraan kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada tahun 2008. Beliau juga mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Undang-Undang Maritim Antarabangsa. Hal ini ditunjukkan oleh kebolehan beliau untuk memperjelaskan penghakiman ICJ pada 2008 dan kedudukan undang-undang berkenaan Batu Puteh dengan baik semasa memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya. Justeru itu, pendirian Tan Sri Apandi yang hanya mahu



mengendalikan kes tersebut tanpa melibatkan penjawat awam lain, khususnya daripada Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Luar Negeri, agensi-agensi lain dan Kerajaan Negeri Johor tidak sepatutnya berlaku;

- (iv) adalah didapati bahawa pengendalian kes tersebut tidak bertepatan dengan amalan yang dilakukan oleh Jabatan Peguam Negara dalam kes-kes lain yang dikendalikan oleh jabatan tersebut;
- (v) adalah juga didapati bahawa isu teritorialiti ini mungkin berakar daripada latar belakang perkhidmatan Tan Sri Apandi di dalam Jabatan Peguam Negara di mana beliau bertugas dalam tempoh yang tidak begitu lama serta hasrat beliau untuk melaksanakan tugas ini dalam kumpulan kecil atas dasar kerahsiaan;
- (vi) penambahbaikan dalam sistem tadbir urus penjawat awam perlulah digalakkan bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti. Namun begitu, di dalam pelaksanaan sistem kerja di Jabatan Peguam Negara atau mana-mana agensi Kerajaan lain, pakar-pakar dalaman perlulah dilibatkan supaya pandangan mereka diambil kira dalam apa sahaja isu yang melibatkan kepentingan negara;
- (vii) adalah juga didapati bahawa permintaan daripada pihak Kementerian Luar Negeri untuk bekerjasama dalam isu ini tidak mendapat maklum balas yang positif daripada Tan Sri Apandi di mana perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Ini

mengambil kira bahawa Kementerian Luar Negeri adalah merupakan agensi peneraju (*lead agency*) dalam kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada tahun 2008; dan

- (viii) ketiadaan semangat kebersamaan dan pendekatan yang menyeluruh oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dalam menangani isu-isu yang melibatkan kedaulatan negara adalah merupakan satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Ini adalah kerana terdapat pelbagai pemegang taruh (*stakeholders*) yang mampu memberikan perspektif yang lebih luas dan sumbangan buah fikiran dalam menangani permasalahan yang timbul.

**(b) Kepincangan komunikasi**

- (i) berdasarkan keterangan yang diberikan oleh Tun Dr. Mahathir dan Datuk Engku Nor Faizah, terdapat isu kepincangan komunikasi yang serius antara Perdana Menteri dan pegawai-pegawai pelaksana;
- (ii) secara kronologi, Tun Dr Mahathir telah mengutus sepucuk surat bertarikh 21 Mei 2018 yang dialamatkan kepada Datuk Engku Nor Faizah bagi menyatakan pendapat beliau bahawa usaha berkaitan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran tidak perlu diteruskan;

- (iii) berdasarkan perkara itu, pada 23 Mei 2018, Datuk Engku Nor Faizah telah menghantar surat kepada Peguam Negara Singapura bagi memaklumkan hasrat Malaysia untuk tidak meneruskan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran yang telah difailkan tanpa menunggu Mesyuarat Jemaah Menteri selesai terlebih dahulu;
- (iv) keputusan ini menyebabkan Malaysia tidak lagi boleh memfailkan semula Permohonan Semakan di hadapan ICJ akibat terhalang oleh had masa; dan
- (v) ketika memberikan keterangan di hadapan Suruhanjaya, Tun Dr. Mahathir menyatakan bahawa beliau hanya memberikan pendapat dan menyatakan bahawa perkara itu bukanlah merupakan satu arahan. Bagi Datuk Engku Nor Faizah pula, beliau memahami bahawa kandungan surat tersebut merupakan satu arahan memandangkan ianya datang daripada Perdana Menteri sendiri.

3.188 Suruhanjaya mendapati bahawa perkara ini adalah merupakan satu masalah komunikasi antara Perdana Menteri dan Datuk Engku Nor Faizah. Sewajarnya Datuk Engku Nor Faizah mendapatkan penjelasan terlebih dahulu daripada Tun Dr. Mahathir sama ada kandungan surat tersebut merupakan suatu arahan yang perlu dilaksanakan atau hanya merupakan pendapat semata-mata.

3.189 Suruhanjaya mendapati terdapat “Garis Panduan Tindakan ke atas Sokongan yang di Terima daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan

Kerajaan” yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 3 Mac 2010 yang perlu dipatuhi. Garis Panduan ini terpakai kepada semua Kementerian, Jabatan, Agensi dan Badan Berkanun Persekutuan. Suruhanjaya berpendapat Garis Panduan ini haruslah sentiasa menjadi panduan kepada semua penjawat awam di Kementerian, Jabatan, Agensi dan Badan Berkanun Persekutuan untuk dipatuhi.

3.190 Suruhanjaya juga mendapati satu “Garis Panduan Pengendalian Sokongan oleh Anggota Pentadbiran dalam Urusan Kerajaan” yang telah dikeluarkan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim pada 21 Mei 2024 bagi menjelaskan pelaksanaan pengendalian permohonan dan pengeluaran sokongan oleh Anggota Pentadbiran dalam urusan Kerajaan bagi memastikan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban diamalkan serta mengelakkan percanggahan kepentingan dan salah laku dalam menjalankan tugas-tugas rasmi. Suruhanjaya berpandangan pengeluaran Garis Panduan ini adalah sangat bertepatan dengan masa dan keadaan.

3.191 Suruhanjaya mendapati kedua-dua Garis Panduan tersebut hendaklah sentiasa diambil kira dan dihayati oleh Anggota Pentadbiran dan pegawai Kerajaan supaya sebarang tindakan dan keputusan yang dibuat adalah telus dan jelas berdasarkan tatacara urusan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

**(c) Kurang rasa tanggungjawab dan akauntabiliti**

(i) Suruhanjaya mendapati terdapat beberapa orang pegawai berjawatan tinggi dalam perkhidmatan awam, semasa

- memberi keterangan di dalam prosiding Suruhanjaya telah menunjukkan sikap kurang tanggungjawab dan akauntabiliti dalam melaksanakan tugas mereka;
- (ii) pegawai-pegawai daripada Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Luar Negeri tidak mengambil sebarang nota catatan bagi merekodkan taklimat yang diberi pada 17 Mei 2018;
  - (iii) selain itu, ketidakhadiran Datuk Engku Nor Faizah, Peguam Cara Negara dan Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, Peguam Cara Negara II dalam sesi taklimat bersama Perdana Menteri tidak sepatutnya berlaku. Mengambil kira kes tersebut melibatkan kedaulatan negara, maka Peguam Cara Negara dan Peguam Cara Negara II seharusnya mengambil inisiatif untuk hadir dalam sesi taklimat itu memandangkan pada masa tersebut Peguam Negara telah diarahkan bercuti rehat (*garden leave*) oleh Perdana Menteri. Dalam ketiadaan Peguam Negara, tugas-tugas Peguam Negara sepatutnya dijalankan oleh Peguam Cara Negara dengan penuh tanggungjawab;
  - (iv) ketiadaan nasihat undang-undang daripada Jabatan Peguam Negara sepanjang proses kedua-dua permohonan tersebut juga wajar diberi penekanan. Jabatan Peguam Negara perlu menjalankan tanggungjawabnya untuk memberi pandangan dan nasihat pada bila-bila masa kepada Perdana Menteri agar

keputusan yang dibuat oleh Kerajaan adalah berlandaskan undang-undang; dan

- (v) kurangnya rasa tanggungjawab, akauntabiliti dan nilai patriotisme dalam kalangan penjawat awam boleh memudaratkan negara terutama dalam hal berkaitan dengan kedaulatan negara. Penjawat awam mesti mempunyai nilai patriotisme yang tinggi serta mengambil pendekatan proaktif dalam memastikan kepentingan negara sentiasa terjamin.

3.192 Adalah dicadangkan supaya Kerajaan memperkasakan semangat patriotisme dalam kalangan Anggota Pentadbiran dan penjawat awam dengan memperbanyakkan program-program bagi menyemarakkan nilai patriotisme dalam kalangan mereka. Dalam hal ini, Suruhanjaya mendapati Pejabat Perdana Menteri telah menubuhkan Akademi Kenegaraan Malaysia dan akademi ini merupakan agensi terbaik untuk melaksanakan cadangan ini.

3.193 Suruhanjaya berpandangan adalah penting untuk Kerajaan menyelaraskan sistem penyampaian perkhidmatan awam secara menyeluruh dengan mengambil kira perkara-perkara yang telah diketengahkan di atas bagi memastikan isu-isu berkaitan kedaulatan negara dapat dikendalikan dengan lebih baik.

3.194 Suruhanjaya mendapati pada tahun 2019, terdapat cadangan untuk menggubal suatu Rang Undang-Undang dengan tujuan bagi meningkatkan integriti dan tatakelola dalam kalangan penjawat awam agar urus tadbir dapat dijalankan tanpa rasa bimbang, pilih

kasih dan ancaman. Cadangan tersebut juga bertujuan untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang bersifat lebih profesional, mempunyai pengasingan kuasa serta fungsi yang jelas antara Anggota Pentadbiran dan penjawat awam. Namun begitu, cadangan penggubalan Rang Undang-Undang tersebut masih di peringkat cadangan. Oleh itu, Suruhanjaya berpendapat bahawa cadangan penggubalan Rang Undang-Undang tersebut harus dipertimbangkan semula oleh Kerajaan.

### **Penubuhan Pasukan Petugas Khas**

3.195 Suruhanjaya mendapati Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 telah bersetuju dengan penubuhan Pasukan Petugas Khas (PPK) termasuk terma rujukan, keahlian dan implikasi kewangan yang terlibat dalam pelaksanaan PPK ini. Antara terma rujukan PPK adalah:

“(iv) mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan Permohonan Semakan dan Permintaan Tafsiran untuk mendapatkan penjelasan daripada input lanjut yang berkaitan serta menyediakan laporan yang sewajarnya susulan sesi libat urus tersebut;”

3.196 Antara keahlian PPK yang dilantik ialah Tan Sri Apandi Ali sebagai Pengerusi, Dato’ Ahmad Nazri bin Yusof, mantan Duta Besar Malaysia ke The Hague, Belanda, Dato’ Firoz dan Dato’ Abu Bakar sebagai Ahli PPK.

3.197 Tan Sri Apandi adalah Ejen Malaysia sementara Dato’ Ahmad Nazri bin Yusof adalah Ejen Bersama dalam Permohonan Semakan dan

Permohonan Tafsiran. Dato' Firoz dan Dato' Abu Bakar pula adalah dua (2) peguam tempatan yang menjadi perunding tempatan di dalam kedua-dua permohonan tersebut. Persoalannya bagaimanakah PPK hendak mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran untuk mendapatkan penjelasan sedangkan mereka sendiri adalah terlibat dalam kedua-dua permohonan tersebut.

- 3.198 Suruhanjaya berpendapat bahawa Tan Sri Apandi Ali, Dato' Ahmad Nazri bin Yusof, Dato' Firoz dan Dato' Abu Bakar sepatutnya tidak dilantik sebagai Ahli PPK. Pelantikan mereka merupakan konflik kepentingan kerana mereka terlibat secara langsung dalam mengendalikan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran.
- 3.199 Suruhanjaya berpandangan, sebelas (11) orang Ahli PPK yang dilantik adalah terlalu ramai. Adalah lebih sesuai ahli kepada sesuatu badan siasatan seperti PPK ini dihadkan kepada lima (5) hingga tujuh (7) orang ahli sahaja.
- 3.200 Suruhanjaya juga berpendapat tiada keperluan menubuhkan PPK atau suatu badan siasatan mendahului suatu Suruhanjaya Siasatan Diraja di bawah Akta 119. Suruhanjaya mendapati beberapa Suruhanjaya yang telah ditubuhkan sebelum ini tidak didahului dengan penubuhan PPK atau suatu badan siasatan.
- 3.201 Penubuhan PPK atau pasukan siasatan sebagai pendahulu (*prelude*) kepada penubuhan sesuatu Suruhanjaya Siasatan Diraja adalah tidak sesuai dalam perkara-perkara penting seperti kes



Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Ia bukan sahaja melibatkan perbelanjaan yang besar, tetapi tindakan-tindakan yang segera tidak dapat diambil dalam menangani isu-isu yang berbangkit dalam kedua-dua permohonan tersebut.

### **Kumpulan Pemikir (*Think Tank*)**

3.202 Suruhanjaya mendapati pada 1993 Kerajaan telah mewujudkan Institut Maritim Malaysia (MIMA). MIMA merupakan sebuah institusi penyelidikan dasar bagi mengkaji dasar dalam sektor maritim negara. Pada masa yang sama, urusan berkaitan maritim juga diuruskan oleh pelbagai Kementerian, Jabatan atau Agensi seperti yang berikut:

- (i) Jabatan Perdana Menteri (Majlis Keselamatan Negara);
- (ii) Kementerian Luar Negeri (Jabatan Hal Ehwal Maritim);
- (iii) Kementerian Pengangkutan (Bahagian Maritim, Jabatan Laut);
- (iv) Kementerian Pertahanan (Pusat Hidrografi Nasional dan Tentera Laut Diraja Malaysia);
- (v) Kementerian Dalam Negeri (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Pasukan Polis Marin); dan
- (vi) Jabatan Peguam Negara (Unit Persempadanan, Wilayah dan Maritim, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa).

3.203 Suruhanjaya mencadangkan supaya Majlis Keselamatan Negara bertindak sebagai agensi peneraju (*lead agency*) yang bertanggungjawab menyelaras dan membentuk satu koordinasi kesemua tindakan yang melibatkan maritim, persempadanan, keselamatan dan kedaulatan negara selaras dengan Arahan Majlis

Keselamatan Negara No. 5 (Pengurusan Keselamatan dan Kedaulatan Maritim).

- 3.204 Suruhanjaya juga mendapati terdapat pelbagai agensi yang menguruskan isu ruang udara negara. Atas alasan yang sama, Suruhanjaya mencadangkan agar Majlis Keselamatan Negara bertindak sebagai agensi peneraju (*lead agency*) yang bertanggungjawab menyelaraskan dan membentuk satu agensi tunggal bagi mengawal selia dan mengkoordinasi segala urusan yang melibatkan ruang udara negara.
- 3.205 Suruhanjaya berpandangan Jabatan Perkhidmatan Awam perlu mengekalkan kepakaran yang sedia ada dengan mewujudkan waran perjawatan dan peluang kenaikan pangkat yang melibatkan sektor maritim dan ruang udara. Sebarang kenaikan pangkat hendaklah dikekalkan di tempat yang sama supaya terdapat kesinambungan kepakaran khusus di dalam kedua-dua sektor tersebut.
- 3.206 Suruhanjaya juga berpendapat, di dalam menangani isu-isu berkaitan maritim dan ruang udara, ianya memerlukan gabungan kerjasama antara pegawai Kerajaan yang mampu memahami realiti pelaksanaan dasar Kerajaan sedia ada dan nuansa sistem (*system nuances*) dengan anggota bukan Kerajaan. Penglibatan anggota bukan Kerajaan yang mempunyai kelayakan akademik dalam undang-undang antarabangsa, undang-undang maritim, pengamal yang mahir dengan dinamik geopolitik dapat menyumbang dengan memberikan input serta pandangan yang lebih komprehensif.

- 3.207 Suruhanjaya juga mencadangkan supaya MIMA bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan berkaitan secara lebih aktif dan komited di bawah teraju Majlis Keselamatan Negara. Kerjasama ini berupaya untuk mengoptimumkan struktur sedia ada serta menambahbaik pengurusan kedaulatan maritim dan ruang udara negara. Dengan ini, kewaspadaan, penyesuaian dan kerjasama yang berterusan akan menjadi kunci untuk mengekalkan kedaulatan negara dan melindungi ciri-ciri maritim dan ruang udara dengan berkesan.
- 3.208 Suruhanjaya mendapati kurangnya kepakaran, minat dan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia dalam bidang undang-undang maritim. Ini merupakan punca negara bergantung kepada perunding antarabangsa seperti dalam isu kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Pengukuhan asas-asas akademik di dalam bidang ini adalah salah satu penyelesaian kepada masalah ini.
- 3.209 Suruhanjaya mencadangkan Universiti Malaya menjadi pusat pakar untuk:
- (i) menganjurkan kursus-kursus dan menganugerahkan kelayakan dalam undang-undang atau kajian maritim kepada pelajar universiti, pegawai Kerajaan dan orang awam;
  - (ii) menjalankan penyelidikan dalam aspek termaju bidang ini dan menggalakkan peguam-peguam dan ahli akademik tempatan menjadi pakar;
  - (iii) menganjurkan persidangan, seminar dan bengkel di dalam bidang ini; dan

(iv) pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dalam hal-hal maritim dan kedaulatan wilayah negara menyertai kursus yang ditawarkan.

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

- [REDACTED]
- [REDACTED]
- [REDACTED]
- [REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA



[REDACTED]



TERBUKA



# BAB EMPAT

TERBUKA



## BAB EMPAT

## RUMUSAN

## Pendahuluan

- 4.1 Keputusan ICJ pada 23 Mei 2008 yang telah memutuskan untuk memberi hak kedaulatan Batu Puteh kepada Singapura dengan undian 12-4 adalah merupakan detik sejarah yang pahit untuk Malaysia. Keputusan tersebut sukar diterima kerana dua belas (12) orang Hakim ICJ, pada permulaan alasan mereka telah menerima hujahan Malaysia bahawa Batu Puteh berada di bawah kedaulatan Kesultanan Johor. Mereka memutuskan seperti yang berikut:

*“The Court concludes that Malaysia has established to the satisfaction of the Court that as of the time when the British started their preparation for the construction of the lighthouse on Pedra Branca/Pulau Batu Puteh in 1844, this island was under the sovereignty of the Sultan of Johor.”*

- 4.2 Malangnya, dua belas (12) orang Hakim ICJ dalam penghakiman mereka tidak berhenti di situ sahaja. Mereka seterusnya telah merujuk dan mempertimbangkan pula surat balasan daripada Pemangku Setiausaha Kerajaan Negeri Johor bertarikh 21 September 1953 kepada Setiausaha Kolonial di Singapura yang menyatakan “*Johor does not claim ownership on Pedra Branca/Pulau Batu Puteh*”. Mereka kemudiannya telah mengambil kira tindak-tanduk Singapura (British sebelum ini) yang telah melaksanakan tindakan-tindakan penguasaan dan penguatkuasaan (*effectivités*) secara berterusan ke atas Batu Puteh sejak tahun 1953 hingga 1980 dan kegagalan Malaysia (Johor sebelumnya) untuk bertindak balas atau membantah

tindak-tanduk Singapura. Dengan itu, mereka memutuskan bahawa hak kedaulatan ke atas Batu Puteh telah berpindah kepada Singapura.

- 4.3 Empat (4) orang Hakim ICJ telah menentang keputusan tersebut. Mereka berpendapat bahawa tindakan penguasaan dan penguatkuasaan (*effectivités*) yang ditunjukkan oleh Singapura terhadap Batu Puteh dalam tempoh 27 tahun (1953 hingga 1980) adalah merupakan tempoh masa yang terlalu pendek dan tidak mencukupi sehingga boleh menafikan hak kedaulatan Kesultanan Johor ke atas Batu Puteh selama 129 tahun (dengan mengambil kira dari tempoh siapnya pembinaan Rumah Api Horsburgh pada tahun 1851).
- 4.4 Adalah jelas keputusan ICJ mengenai hak kedaulatan Batu Puteh tidak dicapai dengan sebulat suara. Alasan-alasan penghakiman Hakim Gonzalo Parra-Aranguren dan Hakim *Ad Hoc* Christopher John Robert Dugard yang telah mengeluarkan penghakiman berasingan dan alasan penghakiman bersama Hakim Bruno Simma dan Hakim Ronny Abraham memberi ruang untuk Malaysia menangkis dakwaan Singapura bahawa Batu Puteh adalah milik Singapura. Ruang tersebut terbuka dengan penemuan tiga (3) fakta [dokumen baharu] yang tidak dapat dikemukakan semasa perbicaraan pada 6 hingga 23 November 2007. Penemuan tiga (3) fakta [dokumen baharu] tersebut telah dijadikan asas oleh Malaysia untuk memfailkan Permohonan Semakan pada 2 Februari 2017 terhadap keputusan ICJ bertarikh 23 Mei 2008.

- 4.5 Sama ada ketiga-tiga keterangan baharu tersebut boleh meyakinkan ICJ untuk mempertimbangkan semula keputusannya kini telah menjadi akademik. Ini adalah kerana setelah hampir dua (2) tahun penyelidikan dan persediaan dibuat, Kerajaan Malaysia telah mengambil keputusan untuk tidak meneruskan Permohonan Semakan tersebut tiga (3) minggu sebelum perbicaraannya bermula. Kerajaan Malaysia pada masa yang sama juga telah memilih untuk tidak meneruskan Permohonan Tafsiran yang telah difailkan pada 30 Jun 2017.
- 4.6 Dengan keputusan untuk tidak meneruskan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran, maka keputusan ICJ yang telah memindah hak kedaulatan Batu Puteh daripada Kesultanan Johor kepada Singapura kini menjadi muktamad dan tidak boleh dipertikaikan lagi.

#### **Syor-Syor Suruhanjaya**

- 4.7 Suruhanjaya dalam BAB TIGA Laporan ini telah mengenal pasti beberapa fakta dan isu undang-undang berkenaan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang telah diputuskan oleh ICJ pada 23 Mei 2008 dan perkara-perkara yang berbangkit selepas itu. Daripada penemuan-penemuan tersebut, Suruhanjaya dengan ini mengesyorkan tindakan-tindakan yang wajar dipertimbangkan oleh Kerajaan melalui Kementerian, Jabatan dan Agensi berkaitan. Syor-syor Suruhanjaya dalam Laporan ini boleh diringkaskan seperti yang berikut:

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA



[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA



[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

TERBUKA

[REDACTED]

**Pentadbiran**

4.9 Mengenai isu-isu pentadbiran, Kerajaan boleh mengambil kira pandangan Suruhanjaya seperti yang berikut:

- (i) Jemaah Menteri dalam membuat keputusan bagi perkara-perkara dasar yang mempunyai implikasi yang besar terhadap kedaulatan dan kepentingan negara, seperti tidak meneruskan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran berkaitan dengan kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan, hendaklah dipertimbangkan dan diputuskan melalui

pembentangan Memorandum Jemaah Menteri dan bukannya dibincangkan di bawah tajuk “Hal-Hal Lain”;

- (ii) tindakan dan usaha untuk mendapatkan semula kedaulatan Batu Puteh melalui Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran tidak boleh dihadkan kepada beberapa individu tertentu atas alasan untuk menjaga kerahsiaan. Sebagai panduan di masa hadapan, perkara-perkara penting seperti kedaulatan negara yang boleh menentukan hilang atau kekalnya sesuatu jajahan Malaysia hendaklah dilaksanakan secara bersepadu dengan penglibatan semua Kementerian, Jabatan dan Agensi yang berkaitan. Kerahsiaan tidak boleh dijadikan asas untuk mengehendkan keanggotaan sesuatu pasukan;
- (iii) Majlis Keselamatan Negara perlu mengambil tanggungjawab penuh untuk menyelaras pendekatan yang terbaik berhubung isu kedaulatan negara serta menyemak dan memperkemaskan arahan serta prosedur sedia ada untuk dipatuhi bagi menangani isu-isu yang melibatkan kedaulatan negara;
- (iv) Kerajaan Negeri hendaklah dilibatkan dan dirunding bersama dalam hal-hal berkaitan kedaulatan sesuatu negeri atau perkara-perkara yang boleh menjejaskan kedaulatan wilayahnya seperti yang berlaku dalam kes Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Penglibatan tersebut adalah untuk membolehkan Kerajaan Negeri memberi sebarang bantuan, pandangan dan input yang diperlukan serta menyatakan pendirian Kerajaan Negeri terhadap sebarang isu yang berbangkit;

- (v) proses kerja di Jabatan Peguam Negara dari segi tanggungjawab pegawai-pegawai atasan untuk memberi nasihat undang-undang kepada Kerajaan perlu dikaji semula dan diperbaiki;
- (vi) “Garis Panduan Tindakan ke Atas Sokongan yang di Terima daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan” bertarikh 8 Mac 2010 dan “Garis Panduan Pengendalian Sokongan oleh Anggota Pentadbiran dalam Urusan Kerajaan” bertarikh 21 Mei 2024 hendaklah disebar luas dan sentiasa dipatuhi oleh Anggota Pentadbiran dan penjawat awam;
- (vii) memperkasakan semangat patriotisme dalam kalangan Anggota Pentadbiran dan penjawat awam dengan memperbanyakkan program-program bagi menyemarakkan nilai patriotisme dalam kalangan mereka. Ini penting untuk menyelaraskan sistem penyampaian perkhidmatan awam secara keseluruhannya bagi memastikan isu-isu berkaitan kedaulatan negara dapat dikendalikan dengan semangat patriotisme;
- (viii) suatu Rang Undang-Undang Perkhidmatan Awam bagi meningkatkan integriti dan tatakelola dalam kalangan penjawat awam seperti yang pernah dicadangkan harus dipertimbangkan semula oleh Kerajaan agar tadbir urus dapat dijalankan tanpa rasa bimbang, pilih kasih dan ancaman;
- (ix) supaya Majlis Keselamatan Negara bertindak sebagai agensi peneraju (*lead agency*) yang bertanggungjawab menyelaraskan bagi tujuan pengawalseliaan dan koordinasi semua tindakan



yang melibatkan isu-isu maritim, persempadanan, keselamatan, kedaulatan negara dan ruang udara negara;

- (x) penubuhan Pasukan Petugas Khas atau pasukan siasatan sebagai pendahulu (*prelude*) kepada penubuhan sesuatu Suruhanjaya Siasatan Diraja adalah tidak sesuai dalam isu-isu penting yang memerlukan tindakan segera; dan
- (xi) supaya Universiti Malaya dijadikan pusat pakar dalam bidang maritim dan kedaulatan negara.

### Isu Undang-Undang

4.10 Mengenai isu undang-undang yang dibincangkan dalam Laporan ini, Suruhanjaya mengesyorkan:

- (i) Malaysia boleh memfailkan semula Permohonan Tafsiran baharu pada bila-bila masa yang sesuai. Walau bagaimanapun Suruhanjaya tidak mencadangkan Malaysia memfailkan semula Permohonan Tafsiran;
- (ii) tindakan sivil di bawah Tort Misfeasans yang dicadangkan oleh PPK tidak perlu diambil terhadap Tun Dr. Mahathir kerana tindakan tersebut telah terhalang oleh had masa;
- (iii) siasatan jenayah boleh dimulakan terhadap Tun Dr. Mahathir atas kesalahan di bawah seksyen 415(b) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen 417 Kanun yang sama dan juga di bawah seksyen 418 Kanun yang sama. Oleh itu adalah dicadangkan supaya satu laporan polis dibuat oleh Setiausaha Suruhanjaya bagi membolehkan siasatan ini dimulakan.

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

[REDACTED]

**Penutup**

4.12 Kehilangan hak kedaulatan Batu Puteh seperti yang diputuskan oleh ICJ pada 23 Mei 2008 hendaklah diambil sebagai suatu pengajaran, supaya kelemahan, ketidaktelitian dan sikap ambil mudah dalam isu-isu yang melibatkan kedaulatan negara seperti yang berlaku dalam kes tersebut tidak berulang.

4.13 Pengajaran juga harus diambil di mana sekeping surat pertanyaan oleh pihak luar serta jawapan yang diberikan secara bersurat boleh

TERBUKA

pada bila-bila masa digunakan sebagai bukti untuk pihak luar bagi menuntut hak dan kedaulatan ke atas wilayah negara. Percakapan yang dikeluarkan secara tidak berhati-hati dan tidak bermaklumat boleh digunakan oleh pihak lawan dan memakan diri sendiri. Setiap tindakan dan keputusan mengenai perkara dasar yang melibatkan kedaulatan dan kepentingan negara perlu dibuat dengan berhati-hati dan berpandukan undang-undang.

4.14 Pada 23 Mei 2008, Malaysia telah kehilangan hak kedaulatan Batu Puteh di ICJ. Menurut penghakiman ICJ mengenai Batu Puteh, yang hilang adalah batuan yang saiznya lebih kurang sama saiz dengan sebuah padang bola sepak. Sehingga kini, isu persempadanan maritim antara Malaysia dan Singapura di sekitar Batu Puteh masih dalam rundingan. [REDACTED]

4.15 [REDACTED]



Bertarikh 31 haribulan Julai 2024



**Tun Md Raus bin Sharif**  
Pengerusi



**Tan Sri Datuk Zainun binti Ali**  
Timbalan Pengerusi




**Datuk Dr. Baljit Singh Sidhu**  
Pesuruhjaya



**Dato' Dr. Johan Shamsuddin bin  
Dato' Haji Sabaruddin**  
Pesuruhjaya



**Prof. Datin Dr. Faridah binti Jalil**  
Pesuruhjaya



**YB Dato' Haji Mohammed Ridha  
bin Dato' Haji Abd Kadir**  
Pesuruhjaya



**Tuan Haji Dickson bin Dollah**  
Pesuruhjaya



**Encik Zamri bin Misman**  
Setiausaha

## SENARAI EKSHIBIT

(DIKLASIFIKASIKAN RAHSIA)

Jilid/ Tajuk Ekshibit	Muka Surat
<b>JILID 1</b>	
AKUAN BERKANUN SAKSI (ABS) BAGI PENAMA YANG TIDAK DIPANGGIL MEMBERIKAN KETERANGAN DI HADAPAN SURUHANJAYA	
Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak	3
Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md Yasin	93
YB Gobind Singh Deo a/l Karpal Singh	101
Tan Sri Badariah binti Arshad	111
Encik Sufi Yusni bin Md Yusoff	125
Tan Sri Mazidah binti Abdul Majid	143
Datuk Dr. Farizah binti Ahmad	163
Dr. Punitha Silivarajoo	261
<b>JILID 2</b>	
AKUAN BERKANUN SAKSI (ABS) BAGI PENAMA YANG TIDAK DIPANGGIL MEMBERIKAN KETERANGAN DI HADAPAN SURUHANJAYA	
Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh	489
Tan Sri Datuk Seri Panglima Abdul Gani bin Patail	499
YM Datuk Engku Nor Faizah binti Engku Atek	523
Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan	615
Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin	635

Jilid/ Tajuk Ekshibit	Muka Surat
Dato' Umar Saifuddin bin Jaafar	697
Tuan Alfian bin Yang Amri	739
Dato' Mohd Radzi bin Harun	881
<b>JILID 3</b> AKUAN BERKANUN SAKSI (ABS) BAGI PENAMA YANG TIDAK DIPANGGIL MEMBERIKAN KETERANGAN DI HADAPAN SURUHANJAYA	
Puan Hafizah binti Hamdzah	1003
Puan Norliyana binti Abdul Manaf	1531
Encik Mohd Shahrysham bin Kamran	1571
<b>JILID 4</b> AKUAN BERKANUN SAKSI (ABS) BAGI PENAMA YANG TIDAK DIPANGGIL MEMBERIKAN KETERANGAN DI HADAPAN SURUHANJAYA	
Datin Paduka Dr. Adina binti Kamarudin	1601
Datuk Eldeen Husaini bin Mohd Hashim	1633
Dato' Ahmad Nazri bin Yusof	1665
Tuan Shahrudin bin Onn	1677
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani	1709
Dato' Haji Ismail bin Karim	1761
Dato' Dr. Badrul Hisham bin Kassim	1793
Dr. Amirul Haffiz bin Ariff	1811
Tuan Sr. Hamdan bin Ab. Aziz	1833
TRANSKRIPSI TEMU BUAL BAGI PAKAR PERUNDING ANTARABANGSA	
Dr. Brendan Plant	1847

Jilid/ Tajuk Ekshibit		Muka Surat
<b>JILID 5</b>		
AKUAN BERKANUN SAKSI (ABS) BESERTA NOTA KETERANGAN SAKSI (NKS) BAGI PENAMA YANG DIPANGGIL MEMBERIKAN KETERANGAN DI HADAPAN SURUHANJAYA		
ABS 1	Datuk Azian binti Mohd Aziz	1903
NKS 1	Datuk Azian binti Mohd Aziz	2063
ABS 2	Dato' Dr. Azfar bin Mohamad Mustafar	2135
NKS 2	Dato' Dr. Azfar bin Mohamad Mustafar	2177
ABS 3	Dato' Seri Ramlan bin Ibrahim	2217
NKS 3	Dato' Seri Ramlan bin Ibrahim	2258
ABS 4	Dato' Firoz Hussein bin Ahmad Jamaluddin	2279
NKS 4	Dato' Firoz Hussein bin Ahmad Jamaluddin	2408
ABS 5	Dato' Ishak bin Sahari	2461
NKS 5	Dato' Ishak bin Sahari	2515
<b>JILID 6</b>		
AKUAN BERKANUN SAKSI (ABS) BESERTA NOTA KETERANGAN SAKSI (NKS) BAGI PENAMA YANG DIPANGGIL MEMBERIKAN KETERANGAN DI HADAPAN SURUHANJAYA		
ABS 6	Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali	2539
NKS 6	Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali	2643
ABS 7	Dato' Abu Bakar As-Sidek bin Dato' Haji Mohd Sidek	2675
NKS 7	Dato' Abu Bakar As-Sidek bin Dato' Haji Mohd Sidek	2697
ABS 8	Dato' Haji Obet bin Tawil	2737
NKS 8	Dato' Haji Obet bin Tawil	2787

	<b>Jilid/ Tajuk Ekshibit</b>	<b>Muka Surat</b>
ABS 9	Dato' Ashari bin Kasnan	2799
NKS 9	Dato' Ashari bin Kasnan	2830
ABS 10	YM Raja Dato' Nushirwan bin Zainal Abidin	2847
NKS 10	YM Raja Dato' Nushirwan bin Zainal Abidin	2878
ABS 11	Tun Dr. Mahathir bin Mohamad	2913
NKS 11	Tun Dr. Mahathir bin Mohamad	2980
ABS 12	Dr. Suraya binti Harun	3027
NKS 12	Dr. Suraya binti Harun	3119
ABS 13	YB M. Kula Segaran a/l V. Murugeson	3157
NKS 13	YB M. Kula Segaran a/l V. Murugeson	3169
<b>JILID 7</b>		
<b>TATACARA PENGENDALIAN PIAWAI (SOP)</b>		
	Tatacara Pengendalian Piawai	3199
<b>MINIT-MINIT MESYUARAT</b>		
	Minit Mesyuarat Bilangan 1	3239
	Minit Mesyuarat Bilangan 2	3247
	Minit Mesyuarat Bilangan 3	3257
	Minit Mesyuarat Bilangan 4	3277
	Minit Mesyuarat Bilangan 5	3297
	Minit Mesyuarat Bilangan 6	3317
	Minit Mesyuarat Bilangan 7	3339



Jilid/ Tajuk Ekshibit	Muka Surat
<b>DOKUMEN LAMPIRAN LAPORAN</b>	
Perjanjian Khas ( <i>Special Agreement</i> )	3357
Alasan Penghakiman ICJ mengenai Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan	3375
E-mel Profesor Malcolm Shaw QC bertarikh 15 Mei 2018	3471
Surat Peguam Cara Negara bertarikh 16 Mei 2018 berserta dokumen-dokumen berkaitan	3475
Surat Tun Dr. Mahathir bertarikh 21 Mei 2018	3497
Cabutan Minit Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 23 Mei 2018	3501
Surat Peguam Cara Negara bertarikh 23 Mei 2018	3509
Surat Peguam Negara Singapura bertarikh 23 Mei 2018	3513
E-mel Puan Intan Diyana binti Ahamad bertarikh 23 Mei 2018	3517
E-mel Encik Alfian Yang Amri bertarikh 23 Mei 2018	3521
Rekod Nota Percakapan antara Datuk Azian binti Mohd Aziz dan Dato' Ishak bin Sahari pada 24 Mei 2018	3527
Surat Dato' Ahmad Nazri bin Yusof bertarikh 28 Mei 2018	3535
Surat Pendaftar ICJ bertarikh 29 Mei 2018	3539
Surat Kerajaan Singapura bertarikh 29 Mei 2018	3543
Surat Dato' Ahmad Nazri bin Yusof bertarikh 22 Jun 2018	3547
<i>Reservation</i> Dato' Umar Saifuddin bin Jaafar melalui surat AGC bertarikh 19 Ogos 2022	3551
<i>Reservation</i> Encik Shaharuddin bin Onn melalui surat KLN bertarikh 26 September 2022	3589
Warta ( <i>Gazette</i> ) P.U.(B)169 bertarikh 6 Mei 2024	3607

Jilid/ Tajuk Ekshibit	Muka Surat
<b>DOKUMEN PENYELIDIKAN</b>	
<i>Does Pulau Batu Puteh have rights to maritime zone?</i>	3617
<i>Calculation of 12 Nautical Miles — Whether It Is from Natural or Reclaimed Coastline and Environmental Impact of Reclamation Works on Batu Puteh</i>	3629
<i>Legal Framework as to the Scope of Duty of Civil Servants and Abdication of Duty</i>	3667
<i>Do cabinet directives apply to the Prime Minister?</i>	3683
Laporan Penubuhan <i>Think Tank</i> Untuk Mengekalkan Hak dan Kedaulatan Atas Ciri-Ciri Maritim, Ruang Udara dan Laluan Air	3693
<i>The Relationship of State and Federal on “External Matters”. Is the Federal Government required to consult the State Government?</i>	3701
<b>JILID 8 DOKUMEN - DOKUMEN AGENSI</b>	
Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan	3715
Kementerian Luar Negeri	3863
Majlis Keselamatan Negara	3893
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia	3933
Pusat Hidrografi Nasional	3961
Jabatan Pengairan dan Saliran	4081
Jabatan Perikanan Malaysia	4105
Jabatan Alam Sekitar Malaysia	4197
Pejabat Tanah dan Galian Johor	4261
Pejabat Daerah Pontian	4307
Majlis Agama Islam Negeri Johor	4349

Jilid/ Tajuk Ekshibit	Muka Surat
<b>JILID 9</b> DOKUMEN PASUKAN PETUGAS KHAS (PPK)	
Laporan Pasukan Petugas Khas	4369
Lampiran Laporan Pasukan Petugas Khas	4485

TERBUKA





